

"SESUNGGUHNYA Allah tidak mengampuni dosa orang yang mempersekutukan-Nya dengan sesuatu dan mengampuni (dosa) selain daripada itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah, maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh".

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah An-Nisa, ayat 116.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.46 | SUBUH 4.56 | SYURUK 6.17 | DUHA 6.40 | ZUHUR 12.27 | ASAR 3.46 | MAGHRIB 6.35 | ISYAK 7.47

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 94

8 OGOS 2026 / 1448 صفر 24

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA



Berita Utama

BERANGKAT KE MAJLIS KHATAM AL-QURAN 80 KALI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundangan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi. (Lihat muka 3 hingga 5)



KERAJAAN memperkukuh kesiapsiagaan hadapi ketidaktentuan global

Muka 9



PENANDATANGANAN kontrak bagi memperluaskan kapasiti latihan penerbangan

Muka 19



PERLINDUNGAN alam sekitar asas pertumbuhan maritim yang mampan

Muka 25

Kepercayaan bersama pacu keamanan, kemakmuran ASEAN

Siaran Akhbar : Jabatan ASEAN, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sempena memperingati Ulang Tahun Ke-59 ASEAN,

kita merenung sejauh mana rantau ini telah melangkah dan kepercayaan yang kukuh bahawa masa depan bersama dapat dibina dengan lebih baik melalui usaha bersama.

Dalam titah perutusan tahniah sempena ASEAN Day 2026, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah, selama hampir enam dekad, kepercayaan ini merapatkan lagi negara-negara dan rakyat Asia Tenggara dalam membentuk ASEAN sebagai komuniti yang berkongsi keamanan, kestabilan dan kemakmuran.

>> Muka 2

Gelaran Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri ditarik balik

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 Ogos. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka

Pemangku Grand Chamberlain, Yang Mulia Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali, memaklumkan bahawasanya gelaran 'Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri' yang dikurniakan kepada Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah, iaitu isteri Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, adalah dengan ini

ditarik balik dengan serta-merta.

Ini disebabkan kelakuan-kelakuannya yang tidak melayakkan sebagai pasangan kerabat diraja serta mencemarkan nama baik dan tidak menghormati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja.



RENCANA

MEMPERINGATI penubuhan ASEAN Ke-59

Muka 27

KEPERCAYAAN BERSAMA PACU KEAMANAN, KEMAKMURAN ASEAN

Siaran Akhbar : Jabatan ASEAN, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

>> Muka 1

Sambutan ASEAN Day tahun ini sangat bersejarah, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kerana untuk pertama kalinya Republik Demokratik Timor-Leste menyertai sambutan ini sebagai Negara Anggota Ke-11 ASEAN, kita juga memperingati Ulang Tahun Ke-50 Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia

Tenggara (TAC), yang prinsip-prinsip utamanya terus kekal memupuk kepercayaan dan kerjasama keamanan di seluruh rantau kita.

Baginda dalam titah juga mengingatkan, semasa kita meraikan peristiwa penting ini, kita mengetengahkan kekuatan keluarga ASEAN. Sepanjang tahun lalu, ASEAN terus menangani kerjasama dengan rakan kongsi luar kita. Rasa

solidariti yang berkekalan ini akan terus membimbing usaha untuk menggalakkan keamanan, keselamatan dan kemakmuran di rantau dan seterusnya.

"Memandang ke hadapan, kita mesti terus memajukan Wawasan Komuniti ASEAN 2045 dengan mengambil kekuatan daripada kepelbagaian kita, kekal bersatu, dan membina komuniti yang lebih berdaya tahan, inklusif dan berpaksikan rakyat.

Menyedari visi ini akan bergantung kepada penyertaan aktif semua rakyat kita, terutamanya belia kita, mereka mesti diperkasakan dengan kemahiran, peluang dan keyakinan untuk menyumbang kepada masa depan ASEAN.

"Dengan semangat tersebut, dan seperti yang diketengahkan dalam tema Philippines Chairship, 'Navigating our future, Together', Negara Brunei Darussalam akan terus

menyokong usaha untuk mengukuhkan perpaduan dan ASEAN Centralty, sambil memperdalam kerjasama serantau," titah baginda.

Dalam mengakhiri titah perutusan, Kebawah DYMM menyampaikan ucapan selamat kepada semua rakyat ASEAN bersempena dengan Hari ASEAN Ke-59, dan kepada masa depan perpaduan yang berterusan, berdaya tahan dan kemajuan bersama.

Perkenan pelantikan pegawai-pegawai kanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Ogos. – Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini

Jabatan Perdana Menteri (JPM) memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan beberapa orang pegawai kanan : Ra'es Kolej Universiti Perguruan

Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani dilantik menjadi Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Seterusnya, Pemangku Timbalan Naib Canselor, Universiti Teknologi Brunei (UTB), Profesor Madya Pengiran Dr. Mohammad Iskandar bin Pengiran Haji Petra dilantik menjadi Naib Canselor

UTB.

Manakala Penolong Rektor (Antarabangsa, Penyelidikan dan Perkhidmatan), UNISSA, Dr. Haji Arman bin Haji Asmad dilantik menjadi Ra'es KUPU SB.

Tarikh pelantikan pegawai-pegawai kanan ini adalah berkuat kuasa mulai Sabtu, 17 Safar 1448 Hijrah bersamaan 1 Ogos 2026 Masihi.

WAKTU SEMBAHYANG										
OGOS MASIHI	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8	SABTU	24	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.46	6.35	7.47
9	AHAD	25	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.45	6.35	7.47
10	ISNIN	26	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.45	6.35	7.47
11	SELASA	27	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.44	6.34	7.46
12	RABU	28	4.46	4.56	6.17	6.40	12.26	3.43	6.34	7.46
13	KHAMIS	29	4.47	4.57	6.17	6.40	12.26	3.43	6.34	7.46
14	JUMAAT	1	4.47	4.57	6.17	6.39	12.26	3.42	6.34	7.45
		RABIULAWAL								
Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit										
RAMALAN CUACA 3 HARI										
SABTU			AHAD				ISNIN			
Bandar Seri Begawan										
34 25 °C			34 25 °C				34 26 °C			
Pekan Bangar										
34 25 °C			34 25 °C				34 26 °C			
Pekan Tutong										
34 25 °C			34 25 °C				34 26 °C			
Kuala Belait										
34 25 °C			34 25 °C				34 26 °C			
Wallahuallah Bissawab Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi										
www.mef.gov.bn										

SIDANG PENGARANG

8 OGOS 2026

Berwaspada dengan penipuan dalam talian

Di era digital ini, kemudahan akses internet telah membawa pelbagai manfaat, namun ia juga membuka ruang kepada jenayah siber. Penipuan dalam talian semakin berleluasa dan modus operandinya semakin canggih. Justeru, setiap pengguna internet perlu meningkatkan kewaspadaan agar tidak menjadi mangsa.

Antara taktik penipuan yang biasa digunakan ialah panggilan telefon atau e-mel daripada individu yang menyamar sebagai pegawai bank, polis, atau pegawai pengambilan kerja. Mereka akan memberitahu mangsa tentang masalah akaun, bil tertunggak, atau tawaran hadiah atau kerja lumayan. Matlamat mereka adalah untuk mendapatkan maklumat peribadi seperti nombor kad pengenalan, kata laluan, dan nombor akaun bank. Dalam keadaan tertekan atau teruja, mangsa sering terpedaya dan memberikan maklumat tersebut, yang kemudiannya digunakan untuk melakukan transaksi haram. Malah, ada juga sindiket yang menggunakan teknik pancingan data melalui pautan palsu yang dihantar menerusi SMS atau aplikasi pemesejan. Pautan ini kelihatan sah tetapi sebenarnya membawa ke laman sesawang tiruan yang direka khas untuk mencuri butiran log masuk mangsa.

Selain itu, penipuan pembelian dalam talian juga semakin berleluasa. Mangsa terpedaya dengan iklan produk pada harga yang terlalu murah di laman sosial atau platform e-dagang palsu. Setelah bayaran dibuat, pembelian tidak pernah sampai atau penjual terus hilang. Ada juga yang menerima barangan tiruan yang jauh berbeza daripada apa yang dipaparkan. Penipuan pelaburan tidak wujud juga kerap berlaku, di mana mangsa dijanjikan pulangan tinggi dalam tempoh singkat, tetapi akhirnya wang mereka lenyap begitu sahaja. Golongan muda dan warga emas adalah antara sasaran utama kerana mereka dianggap kurang berpengalaman atau terlalu percaya dengan tawaran yang diberikan.

Kesimpulannya, langkah pencegahan perlu diambil bagi mengelakkan kerugian. Pertama, jangan sesekali berkongsi maklumat peribadi atau kewangan melalui panggilan telefon atau e-mel yang tidak diundang. Kedua, semak kesahihan laman sesawang dengan mencari ulasan daripada pengguna lain sebelum membuat pembelian. Ketiga, muat turun aplikasi pengesahan tambahan seperti pengesahan dua faktor untuk menambah lapisan keselamatan. Ingatlah, setiap transaksi yang tergesa-gesa dan tawaran yang terlalu baik untuk menjadi kenyataan adalah tanda amaran penting. Dengan sikap berhati-hati dan peka terhadap potensi ancaman, kita dapat menggunakan teknologi dengan selamat dan menikmati kemudahan dunia digital tanpa rasa bimbang. Pendidikan kewangan dan literasi digital juga perlu dipupuk sejak kecil agar masyarakat mampu membezakan antara peluang sah dan perangkap penipuan. Kewaspadaan kolektif adalah benteng terkuat kita dalam menentang jenayah siber.

- Ketua Penyuntingan PB (Nr)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita-brunei.gov.bn

دریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat pada majlis berkenaan yang berlangsung di Dewan Persantapan Diraja, Istana Nurul Iman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam hari ini berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali

Khatam Ahli-ahli Majlis Perundangan Mukim dan Kampung (MPMDK), Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026 yang diadakan di

Dewan Persantapan Diraja, Istana Nurul Iman.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) serta Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik,

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Menteri di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul

Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

>> Muka 4



SEKITAR Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundangan Mukim dan Kampung (MPMDK), Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026 (atas, atas kiri, kiri dan gambar-gambar di bawah).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja menadah tangan semasa doa dibacakan.

>> Muka 3

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri



DOA dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas).

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat



Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Md. Said selaku Penasihat - penasihat Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli MPMDK, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun

Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-80 Tahun bagi Tahun 2026.

Turut menjunjung keberangkatan ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Penyelaras Bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato

Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku Pengerusi-pengerusi Bersama.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan dan diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran beramai-ramai oleh seramai 1,708 orang peserta yang dipimpin oleh Naib Johan Ujian Kelayakan ke Peringkat Lanjutan bagi Pelajar-Pelajar Tahun II Skim Tilawah Al-Quran Remaja Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, Awang Muhammad Aryan Raziqin bin Ruslani.

>> Muka 5



PARA peserta menadah tangan semasa doa dibacakan sebelum memulakan bacaan Khatam Al-Quran beramai-ramai (gambar-gambar di atas, gambar kanan dan kanan sekali).





SUASANA pada Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam Ahli-ahli MPMDK, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-80 bagi Tahun 2026.

>> Muka 4

Majlis diikuti dengan bacaan Takhtim oleh pegawai-pegawai dan guru-guru agama dari Jabatan Pengajian Islam dan disusuli dengan bacaan tahlil oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) diikuti dengan bacaan Doa Khatam oleh peserta khatam Al-Quran, Awang Muhammad Zakwan bin Haji Mohammad Ameerul Asharaf, Johan Ujian

Kelayakan ke Peringkat Lanjutan bagi Pelajar-Pelajar Tahun II Tahun 1446H/2025M.

Dikir Marhaban dibawakan oleh pegawai-pegawai dari JHEM serta pegawai-pegawai dan guru-guru agama perempuan dari Jabatan Pengajian Islam (JPI). Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Peserta khatam seramai 1,708 adalah

terdiri daripada ahli-ahli MPMDK di keempat-empat daerah iaitu kategori dewasa lelaki, dewasa perempuan, belia dan beliawanis serta penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah, sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR), kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili

sekolah-sekolah agama Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu dari sekolah-sekolah Arab dan Al-Falah, sekolah-sekolah agama, Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun, Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah dan STAR serta penuntut-penuntut sekolah di seluruh negara di bawah Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berangkat meninggalkan majlis (atas).



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut (kiri, kiri sekali dan gambar-gambar di bawah).

BERKENAN RASMIKAN MAHRAJAN HAFL AL-TAKHARRUJ UNISSA

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit,
Mohd. Sahrizal Haji Said



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan berangkat merasmikan Mahrajan Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16 dan seterusnya berkenan mengurniakan sabda perasmian (atas kanan, bawah kiri dan atas kiri).



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di

Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan berangkat merasmikan Mahrajan Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16 di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), hari ini. Tema Mahrajan Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16 pada

tahun ini ialah 'Meneroka Khazanah Ilmu Pencetus Generasi Khayra Ummah', yang mencerminkan komitmen UNISSA dalam meneroka, memelihara dan menginovasi khazanah keilmuan Islam bagi melahirkan generasi berilmu, beriman, bertakwa serta mampu menjadi teladan dalam pelbagai lapangan kehidupan.

Terdahulu, keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah di BKISHHB dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Pengerusi Majlis UNISSA; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Timbalan Pengerusi Majlis UNISSA; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal, dan Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Mahrajan Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16.

Bagi memberkati majlis, bacaan Surah Al-Fatihah dan

Doa Selamat dipimpin oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Sejurus selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mengurniakan sabda perasmian dan seterusnya berkenan menyaksikan tayangan video pelancaran Mahrajan Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16 yang memaparkan peranan UNISSA 'Meneroka Khazanah Ilmu Pencetus Generasi Khayra Ummah' dalam memelihara dan menginovasi khazanah keilmuan Islam di tengah-tengah kemunculan teknologi Kecerdasan Buatan dan cabaran global.

Sejurus perasmian, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung untuk menandatangani Lembaran Kenangan perasmian Hafl Al-Takharruj Ke-16 dan seterusnya berangkat beredar menyaksikan Pameran Mahrajan Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16 yang menghimpunkan khazanah manuskrip Islam, penyelidikan pelajar, inovasi digital, tradisi pengajian Islam serta sumbangan tokoh-tokoh ugama di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pengisian tersebut memperlihatkan kesinambungan tradisi keilmuan Islam daripada

naskah tulisan tangan dan sistem pengajian *talaqqi* kepada penyelidikan kontemporari serta penggunaan teknologi digital.

Selesai menyaksikan pameran, DYTMM kemudian dijunjung berangkat bagi merasmikan pelancaran bagi buku-buku terbaharu terbitan UNISSA sebanyak 36 buah buku dan berkenan menerima pesambah.

Koleksi terbitan terbaharu berkenaan merangkumi 21 buah buku ilmiah dan 15 keluaran jurnal akademik, yang mengetengahkan pelbagai disiplin ilmu meliputi pengajian Islam, Mazhab Syafii, kepimpinan, pengurusan zakat, Maqasid Syariah, penterjemahan teks agama, undang-undang, teknologi Islam, sejarah, bioetika, dakwah, perlembagaan dan kajian manuskrip.

Antara judul dalam bahasa Melayu yang diterbitkan ialah Integrasi Mazhab Syafii di Era AI, Menjulung Usia Emas dalam Bingkai Maqasid Syariah, Modul Pengurusan Amil Zakat Malaysia dan Brunei Darussalam, Penterjemahan Teks Agama : Antara Tuntutan dan Cabaran, Sayang Tidak Seharusnya Memiliki Anak Angkat dalam Timbangan Syariat.

>> Muka 7



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima junjung ziarah (atas). Manakala gambar kanan, bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat telah dipimpin oleh Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie.





>> Muka 6

UNISSA Press turut memperluas penerbitan ilmiahnya dalam bahasa Inggeris melalui judul seperti 'Brunei's Legal History and Dual Legal System : An Introduction', 'Emerging Trends in Islamic Technology, Islamic Strategic Leadership: Models and Applications', 'Mazhab Shafi'i : Perspective on Halal - From Compliance to Ihsan', 'Mazhab Shafi'i and the Renewal of Knowledge : Tradition', 'Justice and Education serta Medical Law and Bioethics : Contemporary Issues in Healthcare'.

Terbitan lain yang diketengahkan termasuk 'Muslim Heroes of the Crusades (1096-1291) : Leadership, Valour, and Legacy', 'Quranic Verses on Islamic Law', 'Uhud : A Prime Place of Visitation in Madinah dan Understanding Constitutional Law'. Dua buah karya berbahasa Arab turut diterbitkan, sekali gus mencerminkan usaha UNISSA Press memperkaya bahan ilmiah dalam pelbagai bahasa dan memperluas capaian ilmu kepada pembaca di peringkat serantau dan antarabangsa.

Pada tahun ini, UNISSA Press turut membuat kolaborasi penerbitan bersama beberapa institusi luar. Antaranya ialah penerbitan bersama Pusat Da'wah Islamiah (PDI), menerusi buku bertajuk 'The Islamic Da'wah in Brunei Darussalam throughout the Ages'.

Selain itu, dua buah buku telah diterbitkan dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) iaitu 'Solidariti Sejagat :

Perjuangan Islam di Pentas Dunia' dan 'Kepimpinan Islam dalam Cabaran Empat Dimensi'. Manakala buku yang berjudul 'Panduan Penulisan dan Penerbitan Artikel Ilmiah bagi Pengajian Islam' pula ialah terbitan kolaborasi bersama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Penerbitan kolaborasi ini menyerlahkan komitmen UNISSA Press untuk memperkukuh jaringan kerjasama strategik dengan institusi-institusi dalam dan luar negara, di samping menjadi wadah bagi menggalakkan perkongsian kepakaran serta percambahan ilmu.

Selain penerbitan buku, koleksi terbaharu UNISSA Press turut merangkumi jurnal-jurnal akademik yang diterbitkan oleh fakulti dan pusat penyelidikan UNISSA. Antaranya ialah 'Ar-Ra'iq : A Refereed International Biannual Journal', 'Al-Hikmah : Journal of Shariah Studies, International Journal of Legal Studies and Policy' dan 'International Journal of Umrnic Studies'.

Bidang teknologi, pertanian, halal dan manuskrip pula diwakili oleh 'Journal of Islamic Technology, Simpura Journal of Agricultural Sciences, Journal of Halal Science and Technology', 'Al-Shafi'i : International Journal of Islamic Contemporary Studies serta Journal of Islamic Manuscript Studies'. Kepelbagaian jurnal ini mencerminkan perkembangan penyelidikan UNISSA yang merentas bidang pengajian Islam tradisional dan disiplin kontemporari.



Penerbitan tersebut merupakan sebahagian daripada usaha berterusan UNISSA Press dalam menyediakan wadah penerbitan yang berkualiti kepada para akademik, penyelidik dan ilmuwan. Ia juga menjadi medium penting untuk mendokumentasikan hasil penyelidikan, memperkembangkan wacana ilmiah serta menyebarkan ilmu yang berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah kepada masyarakat.

Inisiatif ini selaras dengan tema, 'Meneroka Khazanah Ilmu Pencetus Generasi Khayra Ummah', yang menggambarkan komitmen UNISSA dalam meneroka, memelihara dan menginovasi khazanah keilmuan Islam bagi melahirkan generasi Khayra Ummah yang berilmu dan mampu memberikan sumbangan dalam pelbagai lapangan kehidupan.

Melalui penerbitan buku dan jurnal dalam bahasa Melayu, Inggeris dan Arab, UNISSA Press terus memperkukuh peranan UNISSA sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang aktif dalam penyelidikan, penerbitan dan pembangunan ilmu. Usaha tersebut turut mendukung aspirasi Wawasan Brunei 2035 dalam melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, di samping memartabatkan NBD sebagai pusat kecemerlangan ilmu dan pengajian Islam.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTm berkenan menerima pesambah daripada Majlis Perwakilan Pelajar UNISSA dan turut

berkesempatan beramah mesra bersama tenaga akademik UNISSA dan pelajar-pelajar UNISSA.

Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-16 berlangsung dari 5, 6 dan 8 Ogos 2026 dengan pelbagai aktiviti ilmiah, kemahiran dan warisan, termasuk Bengkel Teknik Pidato dan Pengucapan Umum, Bicara Santai Bersama Ilmuwan, Pertandingan Menambang Syair Rakis, Bengkel Pemeliharaan, Pemuliharaan, Pendigitalan dan Pengkatalogan Manuskrip, Bengkel Demonstrasi dan Membaca Tulisan Jawi, program Convo-Set-Career, Pertandingan Tulisan Jawi serta Kuiz Khazanah Ilmu secara dalam talian.

Mahrajan Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16 pada tahun ini dikendalikan bersama oleh

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menandatangani Lembaran Kenangan perasmian Hafl Al-Takharruj Ke-16 dan seterusnya berkenan menerima sembah penerangan (kiri sekali dan kiri).

Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam dan Pusat Kajian Manuskrip Islam, UNISSA.

Mahrajan Hafl Al-Takharruj pada lazimnya dianjurkan setiap tahun bagi meraikan pelajar-pelajar yang telah menamatkan pengajian mereka di UNISSA dan bagi memeriahkan lagi Majlis Hafl Al-Takharruj atau Majlis Konvokesyen UNISSA yang akan berlangsung pada 17 Ogos ini.

Penganjuran Mahrajan Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-16 mencerminkan komitmen berterusan UNISSA dalam memelihara warisan intelektual Islam, memperkasa penyelidikan dan penerbitan, memanfaatkan teknologi digital serta membentuk generasi Khayra Ummah yang berilmu, berkemahiran dan berakhlak mulia.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima sembah penerangan. Manakala gambar bawah, DYTm dijunjung bergambar ramai. Sementara gambar bawah kiri, DYTm berkenan berangkat bagi Majlis Santap.



PAMERAN MEMPERLUAS KEFAHAMAN MENGENAI KEPENTINGAN MANUSKRIP, PENDIGITALAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan berangkat menyaksikan Pameran ilmiah bertemakan 'Meneroka Khazanah Ilmu Pencetus Generasi Khayra Ummah' di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah bersempena Mahrajan Haji Al-Takharruj UNISSA Ke-16 (atas kiri dan atas kanan).

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit,
Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan menyaksikan Pameran ilmiah bertemakan 'Meneroka Khazanah Ilmu Pencetus Generasi Khayra Ummah' yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) bersempena Mahrajan Haji Al-Takharruj UNISSA Ke-16, hari ini.

Pameran tersebut menjadi antara pengisian utama Mahrajan Haji Al-Takharruj UNISSA. Tema berkenaan mencerminkan komitmen UNISSA dalam meneroka, memelihara dan menginovasi khazanah keilmuan Islam bagi melahirkan generasi Khayra Ummah yang berilmu, beriman, bertakwa serta mampu menjadi

teladan dalam pelbagai lapangan kehidupan.

Pameran menghimpunkan pelbagai bahan ilmiah dan warisan intelektual Islam melalui tiga fokus utama iaitu khazanah manuskrip dan inovasi digital, penyelidikan pelajar serta sumbangan cendekiawan Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pengisian tersebut memperlihatkan kesinambungan tradisi keilmuan Islam daripada naskhah tulisan tangan dan sistem pengajian *talaqqi* kepada penyelidikan kontemporari serta penggunaan teknologi digital.

Di ruang pameran, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung untuk menyaksikan pameran pertama yang menentengkan empat buah manuskrip terpilih daripada koleksi Perpustakaan UNISSA iaitu Mushaf Al-Quran tulisan tangan, Tafsir al-Jalalain, Syarh Sighah Sayyidi 'Abdussalam bin Masyisy dan Tanbih al-Ghafilin. Koleksi berkenaan memperlihatkan

kesinambungan tradisi keilmuan Islam dalam bidang Al-Quran, tafsir, hadis, tasawuf dan akhlak.

Turut menarik perhatian Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota adalah demonstrasi pendigitalan manuskrip menggunakan alat pengimbas khas atau *portable scanner*.

Demonstrasi tersebut memperlihatkan proses pengimbasan manuskrip secara sistematik, berkualiti tinggi dan selamat tanpa menjejaskan keadaan fizikal naskhah.

Penggunaan teknologi ini menyokong usaha pemeliharaan, pendokumentasian serta peluasan akses kepada manuskrip untuk tujuan pendidikan, penyelidikan dan rujukan generasi akan datang.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan menyaksikan pameran platform digital iaitu Laman Sesawang e-Manuskrip. Platform ini menyediakan akses kepada manuskrip Islam yang telah didigitalkan dan dikatalogkan untuk kegunaan orang ramai, pelajar dan penyelidik.

Platform tersebut juga menghimpunkan 14 buah manuskrip yang diwakafkan oleh Maktabah Makkah al-Mukarramah dan menjadi repositori penting dalam usaha memelihara warisan intelektual Islam serta memperkukuh peranan UNISSA sebagai pusat rujukan dalam bidang manuskrip Islam.

DYTM seterusnya dijunjung menyaksikan petak pameran Penyelidikan Pelajar antaranya ialah Kajian Strategi Penambahbaikan Pengurusan Manuskrip Digital di BKISHHB yang menumpukan aspek tadbir urus, metadata, kebolehaksesan, infrastruktur digital, kompetensi sumber manusia serta kelestarian koleksi serta Analisis Unsur Diplomasi hubungan Brunei-British Dalam Manuskrip Syair Yang Di-Pertuan.

Penyelidikan pelajar yang

dipamerkan memperlihatkan penggunaan pendekatan filologi, analisis dokumen, kajian sejarah, pengurusan metadata dan teknologi digital dalam memahami, memelihara serta memperluas akses kepada warisan manuskrip.

Pengisian ini turut menunjukkan peranan mahasiswa dan mahasiswi UNISSA dalam menyumbang kepada pembangunan penyelidikan manuskrip yang lebih sistematik, autentik dan relevan dengan keperluan semasa.

Setelah itu, DYTM juga dijunjung menyaksikan Pameran Al-Quran Digital UNISSA yang memperkenalkan pembangunan Aplikasi Digital Mushaf UNISSA yang dilengkapi audio bacaan Al-Quran oleh qari tempatan, terjemahan, senarai surah dan pelbagai fungsi interaktif.

Aplikasi ini merupakan kesinambungan daripada penghasilan Mushaf UNISSA dan dirancang untuk menyediakan audio bacaan Al-Quran oleh qari tempatan dalam kalangan alumni UNISSA, terjemahan Al-Quran, senarai surah serta pelbagai fungsi interaktif melalui platform digital.

Seterusnya, DYTM dijunjung menyaksikan Pameran Program Balai Talaqqi oleh Fakulti Usuluddin yang menghidupkan semula tradisi pengajian Islam secara bersemuka dan pembelajaran kitab dari kulit ke kulit di bawah bimbingan guru.

Program tersebut merupakan inisiatif untuk menghidupkan semula tradisi pengajian Islam secara bersemuka iaitu pembelajaran kitab dari kulit ke kulit di bawah bimbingan guru. Program ini memperkukuh tradisi keilmuan Islam dan menyemarakkan budaya menuntut ilmu dalam kalangan masyarakat.

DYTM seterusnya disebarkan dengan Pameran Statik Tokoh-tokoh Islam dan tayangan video dokumentari hasil karya pelajar Fakulti

Pengurusan Pembangunan Islam dan Pusat Kajian Manuskrip Islam.

Pengisian ini mengabadikan jasa tokoh-tokoh ugama dan cendekiawan yang telah menyumbang kepada perkembangan pendidikan, dakwah, pentadbiran, perundangan, kesusasteraan dan pengajian Islam di NBD.

Antara tokoh yang diketengahkan ialah Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Abdul Latif bin Haji Muhammad Taha, Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hassanuddin, Allahyarham Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti bin Haji Nasar, Allahyarham Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, Allahyarham Yang Mulia Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman serta Allahyarham Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Secara keseluruhannya, pameran ini memperlihatkan kesinambungan antara warisan ilmu Islam, penyelidikan akademik dan penggunaan teknologi digital. Ia juga mencerminkan komitmen UNISSA dalam memelihara khazanah manuskrip, memperkasa hasil penyelidikan pelajar, mendokumentasikan jasa para cendekiawan serta menyebarluaskan ilmu kepada masyarakat.

Pameran ini diharapkan dapat meningkatkan penghargaan masyarakat terhadap warisan intelektual Islam, memperluas kefahaman mengenai kepentingan manuskrip dan pendigitalannya serta memberi inspirasi kepada generasi muda untuk terus meneroka dan mengembangkan khazanah ilmu ke arah pembentukan generasi Khayra Ummah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mendengarkan sembah penerangan di salah satu pameran berkenaan.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



KERAJAAN MEMPERKUKUH KESIAPSIAGAAN HADAPI KETIDAKTENTUAN GLOBAL



YANG Berhormat Menteri Penjelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Menteri Pertahanan II menjelaskan KK-MKKTTPS ditubuhkan untuk menyelaras penilaian risiko dan impak terhadap rakyat terutamanya pertama, menilai risiko terhadap bekalan tenaga, makanan, ubat-ubatan, bahan pembinaan dan keperluan asas yang lain termasuk impak ekonomi dan sosial kepada rakyat berpendapatan rendah dan sederhana; kedua, merangka langkah mitigasi kos sara hidup termasuk intervensi jangka serta-merta, pendek, sederhana dan panjang; dan ketiga, memastikan kemampunan fiskal melalui pendekatan bersepadu. Strategi bagi mencapai objektif yang telah dikongsikan.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan antara objektif tersebut adalah simpanan pengurusan tahap stok simpanan strategik negara bagi makanan, bahan api, ubat-ubatan; kepelbagaian sumber dan rantaian bekalan, pengurusan permintaan dan pelan kontingensi serta kerjasama serantau dan antarabangsa untuk mengurangkan kos import dan risiko gangguan bekalan.

Pendekatan ini ujar Yang Berhormat lagi membolehkan kerajaan melindungi golongan rakyat yang mudah terjejas tanpa menjejaskan kedudukan fiskal negara.

"Komiti ini juga menyediakan *national risk monitoring dashboard* bagi memantau harga minyak, tahap stok dan status rantaian bekalan serta mengeluarkan siaran akhbar dan melaksanakan pembedaan awam bagi memastikan rakyat sentiasa peka tentang langkah-langkah yang diambil

oleh pihak kerajaan," jelas Yang Berhormat.

Usaha-usaha dimantapkan lagi dengan perancangan senario, penilaian risiko secara berkala, pemantauan petunjuk amaran awal serta penambahbaikan dasar berdasarkan data dan prestasi.

Menurut Yang Berhormat, ini adalah penting dalam menetapkan petunjuk pencetus atau *trigger points* yang membolehkan kerajaan bertindak dengan lebih pantas dan tepat sebelum sesuatu gangguan berkembang menjadi krisis yang lebih besar.

"Antara risiko yang dikenal pasti adalah dari perspektif keterjaminan dan keselamatan tenaga dan bagi negara. Sektor tenaga menyumbang kepada kos sara hidup rakyat secara langsung melalui harga bahan api dan tarif elektrik dan secara tidak langsung melalui kos pengangkutan dan pengeluaran," ujar Yang Berhormat.

Oleh yang demikian, kata Yang Berhormat lagi langkah kerajaan bagi sektor tenaga bagi memastikan kemampuan milik yakni *affordability* dan kemampunan fiskal ditumpukan kepada tiga teras iaitu pertama, memastikan harga tenaga domestik kekal stabil dan mampu milik dengan pihak kerajaan terus mengekalkan harga domestik bagi bahan api iaitu produk petroleum dan LPG serta tarif elektrik pada kadar stabil walaupun harga minyak mentah dan gas asli di pasaran global terus bergolak.

Teras kedua, kata Yang Berhormat lagi ialah memastikan penggunaan tenaga dilaksanakan secara berhemah. Selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Mohammad Hasif Matzin

AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Ke-80 baginda agar penggunaan sumber tenaga dilaksanakan secara berhemah oleh semua pihak.

Bagi teras ketiga pula, iaitu dalam mengukuhkan kemampunan sistem tenaga dan kewangan negara bagi jangka masa panjang, Yang Berhormat menjelaskan bahawa kerajaan terus memantau perkembangan harga tenaga global secara berterusan bagi perancangan fiskal yang lebih berhemat sambil mempelbagaikan sumber tenaga negara termasuk tenaga solar bagi mengurangkan pergantungan kepada bahan api fosil.

Dalam pada itu, Yang Berhormat seterusnya berkata kerajaan menyedari bahawa ketegangan geopolitik dan gangguan rantaian bekalan antarabangsa boleh meningkatkan kos makanan melalui kenaikan harga bahan api, pengangkutan, baja, benih dan makanan ternakan.

"Seiring dengan usaha memastikan keselamatan dan keterjaminan tenaga terus terpelihara, pihak kerajaan turut memberikan perhatian yang sama penting terhadap keterjaminan bekalan makanan sebagai satu lagi tonggak utama kesejahteraan rakyat dan daya tahan negara," ujar Yang Berhormat.

Melalui pendekatan bersepadu secara Whole-of-Government, ujar Yang Berhormat lagi usaha dilaksanakan menerusi



pemantauan harga dan bekalan secara berterusan, penyampaian maklumat harga yang telus melalui platform pengguna bijak serta pengawalan harga bagi barangan keperluan terpilih.

Yang Berhormat seterusnya berkata kerjasama erat antara agensi kerajaan dan pihak industri turut diperkukuh bagi mengenal pasti tekanan pasaran, merangka intervensi yang bersesuaian serta menggalakkan kepelbagaian sumber import supaya bekalan barangan keperluan kekal mudah diperoleh pada harga yang stabil dan munasabah khususnya bagi golongan yang mudah terjejas.

Pihak kerajaan melalui komiti kebangsaan jelas Yang Berhormat akan terus mengambil pendekatan yang proaktif, bersepadu dan bersasar bagi melindungi kesejahteraan rakyat serta memastikan negara sentiasa bersedia menghadapi cabaran dunia yang semakin kompleks dan tidak menentu. Segala usaha ini akan terus diperkukuh demi menjamin daya tahan, kestabilan dan keselamatan negara.

Menekankan kepentingan integriti, kewibawaan Ahli MMN

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Ogos. - Pada hari ketiga Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini mendengarkan Usul Penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli MMN yang dicadangkan oleh Menteri Penjelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Dalam usul tersebut Yang Berhormat Menteri Penjelaras bagi Keselamatan Negara,

Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II menyatakan bahawa penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan Ahli MMN adalah bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 25 Februari 2025 yang menekankan kepentingan integriti, kewibawaan, pemikiran terbuka, perundangan teratur dan tindakan proaktif dalam kalangan Ahli MMN.

Kod ini digubal oleh MMN dengan diterajui oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin,

mengambil kira pandangan Pejabat Peguam Negara, Biro Mencegah Rasuah, amalan terbaik antarabangsa serta pandangan Ahli-ahli MMN.

Yang Berhormat Menteri Penjelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II juga mengongsikan bahawa titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 12 Mac 2026 serta Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80 Tahun turut menegaskan komitmen kerajaan dalam memperkukuh budaya kerja yang bersih, beretika dan berintegriti serta membanteras rasuah dan

salah guna kuasa, dan berharap kod ini menjadi pemangkin kepada budaya integriti serta meningkatkan keyakinan rakyat terhadap institusi MMN.

Kod ini jelas Yang Berhormat adalah melengkapi undang-undang sedia ada dengan menetapkan piawaian integriti dan ketelusan yang lebih tinggi, termasuk dalam pengurusan konflik kepentingan, penerimaan hadiah dan penyalahgunaan kedudukan.

Yang Berhormat seterusnya memaklumkan bahawa kod ini berteraskan lima prinsip utama iaitu kesetiaan, integriti, profesionalisme, ketelusan dan hormat - menghormati, serta meliputi etika semasa persidangan, pematuan undang-undang, pengurusan konflik kepentingan, perlindungan maklumat sulit, penggunaan sumber awam dan

mekanisme penguatkuasaan.

Dalam usul tersebut Yang Berhormat juga menekankan bahawa kod etika ini bukan untuk menyekat hak Ahli MMN, sebaliknya memastikan tanggungjawab dilaksanakan secara lebih teratur, bertanggungjawab dan berintegriti, di samping memberi perlindungan kepada Ahli MMN melalui pengisytiharan dan rekod maklumat yang telus.

Penggubalan kod ini jelas Yang Berhormat lagi adalah selaras dengan United Nations Convention Against Corruption (UNCAC) serta amalan negara seperti United Kingdom, New Zealand dan Malaysia, dan menyeru Ahli-ahli MMN untuk terus memperkemas pelaksanaan kod ini bagi mempertahankan integriti, akauntabiliti dan kepercayaan rakyat terhadap institusi MMN.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



FCP FASA KEDUA FOKUS IMPAK KEPADA RAKYAT

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin



YANG Berhormat Menteri Kewangan II.

Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II menerangkan, sembilan inisiatif telah menyumbang kepada penjimatan kerajaan yang dianggarkan berjumlah BND34.7 juta secara keseluruhan.

Antaranya adalah inisiatif Kementerian Pertahanan bagi peralihan daripada catuan makanan kepada perkhidmatan catering yang dapat menghasilkan penjimatan perbelanjaan yang dianggarkan berjumlah BND11.6 juta.

Dengan peralihan tersebut, Yang Berhormat menjelaskan manfaat paling ketara adalah pengurangan pembaziran makanan dan penyediaan bekalan makanan yang lebih tepat mengikut keperluan sebenar berbanding catuan makanan konvensional.

Selain itu, IT Central Procurement yang dilaksanakan oleh Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi turut menyumbangkan penjimatan

kepada kerajaan berjumlah BND16 juta, ujar Yang Berhormat lagi.

"Lima inisiatif turut menyumbang peningkatan hasil. Antaranya adalah inisiatif Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan seperti penyewaan ruang tempat di Bangunan Kompleks Bahagian Khidmat Bakti Negara, Daerah Temburong dan penyewaan ruang gim di Kompleks Sukan Mumong, Kuala Belait yang dianggarkan sejumlah BND50,000 setahun.

"Selain itu, Projek Nomborku iaitu sebuah platform dalam talian yang membolehkan orang ramai mengikuti Tawaran Tertutup atau 'Click and Bid' dan Tawaran Terbuka atau 'Click and Buy' bagi tanda pengenalan kenderaan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengangkutan Darat, dijangka akan menjana hasil pendapatan BND1 juta setahun.

"Inisiatif lain termasuklah *outsourcing* Perkhidmatan Perubatan Buah Pinggang khususnya rawatan dialisis melalui kolaborasi dengan Jerudong Park Medical Centre yang bertujuan memperbaiki tempoh masa menunggu bagi pesakit-pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis.

"Terdapat juga inisiatif pembukaan Ruang Inkubator Keusahawanan di Pusat

Pembangunan Belia serta di Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang menyediakan platform kepada para usahawan belia dan komuniti untuk mengembangkan perniagaan.

"Seterusnya, Jabatan Pengangkutan Darat juga telah memperkenalkan perkhidmatan atas talian bagi pembaharuan Lesen Memandu dan Lesen Kenderaan melalui aplikasi TransportBN dan portal GOV.BN bagi memudahkan cara penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai," terang Yang Berhormat lagi.

Mengenai FCP Fasa Kedua, Yang Berhormat menjelaskan telah bermula pada Tahun Kewangan 2025/2026 hingga Tahun Kewangan 2029/2030 dengan 58 inisiatif telah dirancang untuk dilaksanakan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Antara perkembangan terkini yang telah selesai dilaksanakan pada tahun pertama Fasa Kedua ini termasuklah pengkorporatan Jabatan Perkhidmatan Pos kepada PosBru Sendirian Berhad pada 1 Januari 2026 lalu, jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, ini merupakan satu langkah ke arah memperkukuh tadbir urus dan kecekapan perkhidmatan di mana perkhidmatan pos dapat diurus secara lebih fleksibel, telus dan berdaya saing, dengan ruang untuk mempelbagaikan perkhidmatan dan sumber hasil.

Daripada inisiatif pengkorporatan ini, Yang

Berhormat seterusnya mengongsikan bahawa sebanyak 50 pegawai dan kakitangan kerajaan telah diserapkan kepada PosBru Sendirian Berhad, menghasilkan penjimatan kerajaan yang keseluruhannya berjumlah BND1.1 juta setahun.

Yang Berhormat menerangkan bahawa kerajaan juga memperkenalkan Skim Tabungan Anak Damit yang menggantikan pemberian lampin pakai buang dan pam susu kepada anak-anak damit yang lahir bermula 1 Mac 2026.

"Skim ini merupakan bantuan sosial bagi kanak-kanak yang baru dilahirkan dengan status kerakyatan tertentu dan turut bertujuan memupuk budaya menabung.

"Semenjak diperkenalkan, setakat 30 Jun 2026, sebanyak 742 akaun baharu anak damit telah dibukakan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak BND178,000," ujar Yang Berhormat.

Menutup penjelasannya, Yang Berhormat menegaskan bahawa Kementerian Kewangan bersama kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan serta agensi-agensi berkepentingan akan terus memastikan pelaksanaan FCP Fasa Kedua memberi tumpuan kepada impak yang dapat dirasakan secara langsung oleh rakyat, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 ke arah sebuah negara yang maju dan makmur.

Kerjasama Awam Swasta hasilkan impak positif kepada negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Ogos. - Projek 30MW AC Solar Photovoltaic Power Plant yang dilaksanakan melalui kaedah Kerjasama Awam Swasta (Public Private Partnership - PPP) sedang dalam fasa pembinaan dan dijangka mula beroperasi pada penghujung tahun 2026.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim pada hari ketiga Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II menerangkan, Kementerian Kewangan melalui Jawatankuasa Khas Pengkorporatan dan

Kerjasama Awam Swasta (JKPKAS) berperanan utama sebagai pemudah cara dalam meneliti cadangan projek yang berpotensi dilaksanakan melalui pendekatan PPP.

Menurut Yang Berhormat, Kementerian Kewangan telah menyediakan Garis Panduan PPP Kebangsaan bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai rujukan kepada agensi-agensi kerajaan dalam mengenal pasti, menilai dan menyediakan projek PPP.

Pelaksanaan projek-projek menggunakan kaedah PPP merupakan salah satu pendekatan strategik yang mampu memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam dan menyediakan infrastruktur kerajaan.

Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan pelaksanaan projek dan penyampaian perkhidmatan, malah menggalakkan pelaburan, memperkukuh penyertaan sektor swasta serta menyokong kemampanan fiskal dan pembangunan ekonomi negara secara menyeluruh, ujar Yang

Berhormat.

Setakat Julai 2026, Yang Berhormat mengongsikan bahawa beberapa projek telah mendapat kebenaran daripada JKPKAS. Antara lain, projek utama PPP atau PPP Flagship Project bagi NBD adalah Projek 30MW AC Solar Photovoltaic Power Plant.

Projek ini menjadi penanda aras kepada kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta dalam memperkukuh keselamatan tenaga negara, menyokong agenda peralihan tenaga (*energy transition*) dengan menyumbang kepada peningkatan penggunaan tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*) serta ke arah pelepasan karbon yang lebih rendah selaras dengan sasaran Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan NBD, terang Yang Berhormat lagi.

"Alhamdulillah, projek ini telah mewujudkan 22 peluang pekerjaan bagi anak tempatan semasa fasa pembinaan dan dijangka mewujudkan lapan peluang pekerjaan kepada tenaga kerja tempatan bagi operasi dan

penyelenggaraan," ujar Yang Berhormat.

Pelaksanaannya juga, jelas Yang Berhormat telah menyokong pembangunan modal insan melalui *technology transfer*, latihan teknikal dan peningkatan kemahiran dalam bidang teknologi tenaga suria serta menyediakan program latihan industri kepada pelajar-pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi awam tempatan.

Selain itu, sebanyak BND5

juta atau kira-kira 30 peratus daripada nilai keseluruhan projek telah dianugerahkan kepada subkontraktor tempatan sekali gus merangsang pertumbuhan aktiviti ekonomi domestik.

Apabila projek ini beroperasi sepenuhnya, ia dijangka membekalkan tenaga elektrik kepada kira-kira 2,000 buah rumah kediaman di samping mengurangkan penggunaan gas asli bagi penjaan elektrik serta mengelakkan pelepasan *carbon dioxide* bersamaan sekitar 26,000 tan metrik setiap tahun, kongsi Yang Berhormat lagi.

Terang Yang Berhormat, kerajaan turut berjaya melaksanakan projek PPP bagi pembangunan restoran di Taman Rekreasi Bukit Patoi, di Daerah Temburong yang telah mula beroperasi pada Mei 2025 dan sebuah *resort* oleh Borneo Eco Resort Sdn. Bhd. di Hutan Simpan Berakas, Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa dari aspek pekerjaan, projek restoran dan *resort* ini boleh membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat melalui operasi restoran, khidmat sokongan, bekalan bahan mentah, pembersihan, keselamatan dan penyelenggaraan.

Di samping itu, ujar Yang Berhormat, dari sudut pembangunan perniagaan tempatan (*local business development*), restoran di kawasan rekreasi biasanya memberi kesan limpahan kepada peniaga kecil sekitar seperti pembekal makanan, minuman, hasil tani, kraftangan, dan perkhidmatan pelancongan.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



KERAJAAN PERKUKUH KETELUSAN PEMILIKAN SYARIKAT, BENDUNG JURANG PEMILIKAN PERNIAGAAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Ogos. - Persoalan mengenai status kerjasama kementerian dengan agensi berkaitan menilai perundangan sedia ada bagi mengenal pasti pengawalan dan penerima manfaat sebenar perniagaan, terutama milik warga asing, supaya sebarang jurang pemilikan dapat dikesan lebih awal melalui perkongsian maklumat dan penguatkuasaan rentas agensi, serta membendung amalan yang berpotensi menjejaskan pulangan ekonomi kepada negara, turut dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Menjawab persoalan tersebut, Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin

berkata bahawa Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri memberikan perhatian serius terhadap aspek tadbir urus perniagaan, ketelusan pemilikan serta pematuan kepada peruntukan undang-undang yang berkuatkuasakan bagi mengenal pasti pengawalan dan penerima manfaat sebenar perniagaan, terutama milik warga asing supaya sebarang jurang pemilikan dapat dikesan lebih awal melalui perkongsian maklumat dan penguatkuasaan rentas agensi.

Menurut Yang Berhormat, mulai 25 April 2026, kementerian tersebut melalui Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan (ROCBN) telah memandatorikan pemfailan pemilik berfaedah (*beneficial owner*) syarikat kepada Pendaftar Syarikat.

Ini adalah selaras dengan Financial Action Task Force (FATF) Recommendation

24 yang menggariskan langkah-langkah pencegahan pembersihan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan serta penyebaran senjata pemusnah besar-besaran.

Tujuan utama langkah ini, jelas Yang Berhormat adalah bagi mendapatkan maklumat mengenai pemilik berfaedah (*beneficial owner*) syarikat iaitu pemilik saham utama (*ultimate owner*) di dalam syarikat tempatan ataupun syarikat asing.

"Berdasarkan maklumat terkini (26 Julai 2026), kadar pemfailan pemilik berfaedah adalah sebanyak 13.5 peratus iaitu melibatkan 1,301 buah syarikat daripada keseluruhan 9,633 buah syarikat yang berdaftar di Bahagian ROCBN.

"Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 5.3 peratus berbanding kadar pemfailan semasa bulan April 2026 iaitu sebanyak 8.2 peratus," ujar Yang Berhormat pada hari ketiga Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22

MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Kongsi Yang Berhormat lagi, bahagian ROCBN juga berperanan sebagai *source of truth* bagi maklumat-maklumat berkaitan dengan syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Bahagian ROCBN secara berterusan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam perkongsian maklumat syarikat dan nama-nama perniagaan bagi memudahkan cara proses tawaran, pengeluaran lesen perniagaan, pelaksanaan tindakan penguatkuasaan dan sebagainya.

Yang Berhormat menjelaskan bagi memastikan ketepatan, keselarasan dan kualiti maklumat pemilik perniagaan, Bahagian ROCBN sentiasa bekerjasama secara berterusan bersama agensi-agensi yang berkaitan seperti Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan, Jabatan Perangkaan, Tabung Amanah Pekerja (TAP);



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

Bahagian Hasil di Kementerian Kewangan, agensi - agensi keselamatan dan sebagainya.

Kerjasama erat itu, Yang Berhormat selanjutnya berkata, bertujuan memastikan maklumat berkaitan pemilik perniagaan, pengarah syarikat dan pemegang saham sentiasa tepat, terkini dan selaras merentas agensi.

Ekonomi waktu malam pemangkin perusahaan, ekonomi tempatan



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Ogos. - Persoalan mengenai pendekatan Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI) dalam membangunkan ekonomi waktu malam sebagai salah satu sumber pertumbuhan baharu kepada perusahaan tempatan, tanpa menjejaskan masyarakat serta nilai-nilai yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam (NBD) turut ditimbulkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat pada hari ketiga Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Sehubungan itu, Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menjawab bahawa dalam konteks perancangan,

pembangunan ekonomi waktu malam adalah salah satu pendekatan untuk memanjangkan tempoh penginapan dan perbelanjaan pelancong, di samping meningkatkan pengalaman pelawat melalui aktiviti yang bersesuaian dengan aktiviti utama pelancongan NBD.

Menurut Yang Berhormat, pelaksanaannya mengambil kira aspek keselamatan, kebersihan dan kesejahteraan komuniti. Antaranya adalah memperkukuhkan tarikan sedia ada seperti Gadong Night Market, di samping menggalakkan peniaga untuk mengguna pakai pilihan pembayaran digital bagi memudahkan transaksi pengunjung, terutamanya pelancong dari luar negara.

Selain itu, kata Yang Berhormat, menyokong pengusaha melalui penyediaan tapak operasi yang bersesuaian, disamping membolehkan pembangunan pengalaman pelancongan yang bernilai tambah. Contohnya, Sunset Cruise Dinner yang ditawarkan oleh pengendali Brunei River Cruise di Kampung Dato Gandi, Mukim Kota Batu.

Jabatan Kemajuan Pelancongan, jelas Yang Berhormat, turut menyokong pembangunan produk ini melalui perancangan pembangunan kemudahan jeti di Sungai Brunei, yang akan membolehkan persinggahan di beberapa kampung serta mewujudkan manfaat limpahan ekonomi (*economic spinoff*) kepada komuniti dan perusahaan tempatan di sekitar kawasan tersebut.

Tambah Yang Berhormat, membangunkan pengalaman ekopelancongan pada waktu

malam, seperti Aktiviti Pencerapan Bintang (*Stargazing*) di Taman Rekreasi Hutan Luagan Lalak, Jalan Labi, Daerah Belait, yang terkenal dengan tahap pencemaran cahaya yang rendah, seterusnya berpotensi menjadi lokasi bagi pengalaman pencerapan bintang berasaskan alam semula jadi.

Selain Luagan Lalak, Aktiviti Stargazing juga kini telah diadakan ke beberapa lokasi seperti Kampung Merangkeng, Kampung Batang Duri dan Kampung Bukit Udal.

KEPI melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan bekerjasama dengan Persatuan Astronomi Brunei Darussalam (PABD) bagi memperkukuhkan pembangunan produk ini agar ia bukan sahaja menjadi tarikan pelancongan yang unik, malah berkembang sebagai produk pelancongan yang mampan dan memberi manfaat kepada komuniti setempat.

Terdapat juga pelayaran sungai (*river cruise*) pada waktu malam untuk pengalaman menyaksikan kelip-kelip (*firefly experience*) di kawasan Sungai Damuan, termasuk pemerhatian hidupan nokturnal menyusuri hutan paya bakau pada waktu malam, terang Yang Berhormat.

"Usaha memperkukuhkan penawaran produk turut melibatkan pembangunan pakej pengalaman yang bernilai tambah bagi meningkatkan daya tarikan dan penerimaan pelawat seperti penggunaan bot *pontoon* untuk pengalaman yang lebih selesa dan eksklusif," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menerangkan, meningkatkan promosi tawaran produk denai malam (*nocturnal trail*) yang baru

diperkenalkan oleh Komuniti Rumah Panjang Mendaram, Mukim Labi, Daerah Belait dan Alai Gayoh Anak Pulau (HAGAP), Kampung Bukit Udal, Daerah Tutong.

Produk ini memberi peluang kepada pengunjung, termasuk penyelidik dan pelajar, untuk meneroka biodiversiti hutan pada waktu malam sambil mempelajari kepentingan pemuliharaan ekosistem.

"Inisiatif ini dibangunkan hasil daripada latihan Program Enhancing Value Through Nature Tourism : Designing Sustainable Tourism Products yang dilaksanakan pada Julai 2025 oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah, yang bertujuan memperkasa pengalaman pelancongan berasaskan alam semula jadi yang ditawarkan oleh Penyedia Perkhidmatan Pelancongan.

"Jabatan Kemajuan Pelancongan turut menyediakan program pembangunan kapasiti kepada penyedia perkhidmatan pelancongan dan komuniti, termasuk latihan bagi

meningkatkan kualiti pengalaman pelancong, pembangunan produk serta bengkel penyediaan bahan promosi seperti poster tawaran pakej bagi membantu memperkukuhkan dan meningkatkan keterlihatan produk yang ditawarkan dengan lebih berkesan," ujar Yang Berhormat lagi.

Selain itu tambah Yang Berhormat, produk-produk ini terus dipromosikan melalui platform Explore Brunei dan Nakhoda, bagi memudahkan pelancong tempatan dan antarabangsa mendapatkan maklumat serta membuat tempahan.

"InsyaaAllah KEPI akan terus bekerjasama dengan komuniti dan penyedia perkhidmatan pelancongan bagi memperluaskan penawaran aktiviti ekonomi waktu malam yang berkualiti, mesra keluarga, mampan serta mampu menjana peluang pendapatan kepada perusahaan tempatan tanpa menjejaskan keharmonian masyarakat dan nilai-nilai yang kita amalkan di NBD," kata Yang Berhormat.



ANTARA yang hadir bagi mendengarkan persidangan tersebut.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PEMBANGUNAN KAPASITI BEKALAN AIR JAMIN SEKURITI, KEMAKMURAN NEGARA

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Ogos. - Kemudahan asas seperti bekalan air yang stabil, sistem saliran yang berfungsi, jalan raya yang selamat, perumahan yang mampu milik dan aset awam yang berkualiti bukan sahaja menjamin kehidupan rakyat yang selesa, malah adalah syarat utama bagi meningkatkan keyakinan pelabur serta menyokong produktiviti sektor perniagaan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dalam ulasan mengenai keutamaan kedua iaitu menyediakan asas yang berdaya tahan dan efisien pada hari kedua Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Dalam memperkukuhkan kapasiti dan sekuriti bekalan air negara jelas Yang Berhormat Menteri Pembangunan, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perkhidmatan Air akan terus memperkukuhkan kapasiti sistem bekalan air negara bagi memastikan bekalan air yang mencukupi, berdaya tahan dan mampu menyokong pembangunan sosioekonomi negara.

Hasil pelaburan berterusan dalam pembangunan infrastruktur air, kapasiti pengeluaran air bersih negara kini telah mencapai 587.6 juta liter sehari (MLD) dan kapasiti

tersebut dijangka meningkat kepada 776.1 MLD menjelang tahun 2035 dengan siapnya beberapa projek strategik di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN), terang Yang Berhormat.

Daripada kapasiti yang diperuntukkan bagi sektor industri, sebanyak 190.3 MLD telah dikenal pasti untuk memenuhi keperluan pembangunan sektor-sektor ekonomi utama, meliputi sektor pertanian sebanyak 184 MLD, Pure Salmon Sdn. Bhd. Sebanyak 3 MLD, UNN Data Centre sebanyak dua MLD, Pulau Muara Besar sebanyak 0.9 MLD dan Muara Port Company Sdn. Bhd. sebanyak 0.4 MLD.

"Projek-projek strategik yang sedang dan akan dilaksanakan di bawah RKN, antaranya ialah Pembinaan Loji Rawatan Air Bukit Barun Stage 8 berkapasiti 120 MLD, yang dijangka siap pada tahun 2029; Penaiktarafan Loji Rawatan Air Agis-Agis berkapasiti 36 MLD, yang dijangka siap pada tahun 2028; Pengaktifan semula Loji Rawatan Air Tasek Lama berkapasiti 7 MLD sebagai sumber bekalan alternatif bagi kawasan Bandar Seri Begawan; Penaiktarafan Loji Rawatan Air Batang Duri kepada kapasiti 20 MLD; dan Penaiktarafan Loji Rawatan Air Sumbiling berkapasiti 5.5 MLD bagi menyokong pertumbuhan permintaan di Daerah Temburong," jelas Yang Berhormat.

Kongsi Yang Berhormat lagi, bagi menjamin sekuriti air mentah

terutama semasa musim kemarau dan perubahan iklim, negara kini disokong oleh lima buah empangan utama dengan jumlah kapasiti simpanan 187 juta meter padu iaitu Empangan Ulu Tutong berkapasiti simpanan 100 juta m3, Empangan Benutan: 56 juta m3, Empangan Mengkubau: 16 juta m3, Empangan Kargu: 14 juta m3, Empangan Tasek: satu juta m3.

Sebagai langkah jangka panjang tambah Yang Berhormat, kementerian sedang merangka perancangan mempelbagaikan sumber bekalan air melalui projek bekalan alternatif di kawasan-kawasan utama dan strategik. Pendekatan tersebut bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada sumber bekalan konvensional bagi perkhidmatan di kawasan-kawasan kritikal.

"Secara keseluruhannya, pembangunan kapasiti pengeluaran, pengukuhan sumber air mentah dan kepelbagaian sumber bekalan mencerminkan komitmen Kementerian dalam memastikan sekuriti bekalan air negara terus terjamin, bukan sahaja bagi memenuhi keperluan semasa, malah untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara pada masa hadapan.

"Dalam memperkukuhkan kecekapan infrastruktur air negara melalui transformasi digital, selain meningkatkan kapasiti bekalan air, kementerian turut memberi penekanan kepada peningkatan kecekapan sistem bekalan air melalui pengurangan air yang tidak terhasil atau *non revenue water* seperti pembaziran air melalui *illegal*

YANG Berhormat Menteri Pembangunan.

tapping, kebocoran dan paip pecah. Pendekatan berkenaan meningkatkan kecekapan agihan air bersih kepada pengguna dengan menggunakan infrastruktur yang sedia ada," ujar Yang Berhormat.

Sehubungan itu, Yang Berhormat menjelaskan bahawa Jabatan Perkhidmatan Air sedang melaksanakan Projek Pengurusan NRW Fasa 3 bernilai BND22.1 juta, yang bermula pada 2 September 2025 bagi tempoh pelaksanaan selama 48 bulan.

Projek berkenaan merupakan komponen utama dalam transformasi Smart Water Grid, yang memanfaatkan teknologi digital untuk memantau, mengesan kebocoran, dan mengurus bekalan air secara masa nyata (*real time*), ujar Yang Berhormat.

"Projek ini akan mengintegrasikan 3 sistem utama iaitu Sistem Pengurusan Air Tidak Berhasil (NRW Manager System), Sistem pemantauan tekanan digital (*pressure logging*) dan Sistem Pemeteran Pintar Bersepadu (Unified Smart Metering System - USMS)," jelas Yang Berhormat.

Kongsi Yang Berhormat, setakat 19 Julai 2026, sebanyak 51,458 unit meter air pintar telah dipasang, dengan baki 77,493 unit lagi disasarkan selesai menjelang Disember 2027. Pendigitalan sistem tersebut turut



akan menyokong program penggantian paip usang dan berisiko tinggi secara berperingkat.

Data yang diperoleh melalui Smart Water Grid, ujar Yang Berhormat, membolehkan lokasi paip yang kritikal dikenal pasti dengan lebih tepat, sekali gus membolehkan kerja-kerja pembaharuan aset dilaksanakan secara sistematik berdasarkan penilaian risiko dan keutamaan operasi.

Selain itu tambah Yang Berhormat lagi, pendekatan tersebut juga berupaya mempercepatkan tindak balas terhadap gangguan bekalan serta meningkatkan kebolehpercayaan sistem bekalan air negara.

"Pendekatan ini amat penting memandangkan sepanjang tahun kewangan 2025/2026, lebih 6,000 insiden kebocoran paip pembahagian serta lebih 170 insiden kebocoran paip utama telah direkodkan.

"Inisiatif-inisiatif ini merupakan sebahagian daripada komitmen jangka panjang kementerian untuk mengurangkan kadar Non-Revenue Water kepada 25 peratus menjelang tahun 2035," terang Yang Berhormat.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Ogos. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh semasa menyampaikan Kenyataan Menteri mengongsikan bahawa Kementerian Pendidikan akan terus memberikan perhatian kepada enam bidang utama berkaitan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) dalam pendidikan.

Perkara ini dikongsikan Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada hari kedua Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi

Tumpuan 6 bidang utama berkaitan AI dalam pendidikan

YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Bidang pertama jelas Yang Berhormat, ialah memperkukuh dasar dan tadbir urus AI. Kementerian Pendidikan akan terus memperkukuh tadbir urus AI dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penilaian dan pengurusan pendidikan dengan memberi perhatian kepada integriti akademik, privasi dan keselamatan data, ketelusan, tanggungjawab serta kesesuaian penggunaannya mengikut umur dan keperluan pembelajaran.

Sebagai panduan, Yang Berhormat mengongsikan bahawa Kementerian Pendidikan telah menerbitkan Panduan Kecerdasan Buatan (AI) Dalam Pendidikan pada September 2025, manakala institusi

pengajian tinggi Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Teknologi Brunei turut menyediakan dasar serta garis panduan penggunaan AI generatif bagi warga institusi masing-masing.

Bidang kedua pula, tambah Yang Berhormat, memperkukuh literasi AI dalam kurikulum dan pengalaman pembelajaran. Bidang ini jelas Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan komited untuk memperkukuh literasi AI dan digital dalam sistem pendidikan negara melalui pendekatan menyeluruh yang merangkumi kurikulum, pentaksiran serta kesiapsiagaan pendidik.

Sebagai asas kepada usaha ini, di peringkat rendah, *basic coding* telah diajarkan dalam kurikulum ICT Tahun 5 menggunakan aktiviti MS Logo (Turtle Logo). Selain itu, *coding* juga turut diperkenalkan dalam waktu pendidikan dan kemahiran STEAM (SES) bagi Tahun 2 hingga 5, terang Yang Berhormat.

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman

Yang Berhormat kemudian mengongsikan beberapa inisiatif lain berkenaan seperti beberapa buah sekolah telah dilengkapi dengan peralatan Microbit bermula tahun 2023 dengan kerjasama Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI) dan di peringkat pengajian tinggi, modul teras mengenai teknologi baharu dan kelestarian (*emerging technologies and sustainability*) giat diusahakan yang akan menjadi sebahagian daripada kurikulum yang diajarkan di setiap IPT tempatan.

"Penambahbaikan akan terus dilaksanakan bagi memperkukuh pembelajaran berkaitan AI, data, etika, keselamatan siber, kemampanan dan teknologi baharu agar graduan memiliki kemahiran yang relevan dengan keperluan masa hadapan," tambah Yang Berhormat.

Untuk bidang ketiga iaitu mentransformasikan peranan

dan memperkukuh kesiapsiagaan guru, Yang Berhormat menjelaskan pendidik akan terus diperkasa menerusi pembangunan profesional kesiapsiagaan mereka dalam ekosistem AI.

Yang Berhormat mengongsikan di peringkat tempatan, seramai 4,892 guru menyertai kursus AI melalui BDLTA dalam tahun 2025. Sementara itu, 4,281 guru berjaya memperoleh AI In-depth Literacy Certification, dengan enam daripadanya dilantik sebagai Certified Master Trainers.

Pengupayaan ini memastikan pemanfaatan AI secara bijaksana demi pendidikan yang berkesan dan berperikemanusiaan, tanpa mengabaikan peranan hakiki pendidik.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MTIC PERKUKUH KETERHUBUNGAN, TRANSFORMASI DIGITAL PACU WAWASAN BRUNEI 2035



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Ogos. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) akan terus memainkan peranannya sebagai pemudah cara keterhubungan, transformasi digital dan pembangunan negara agar setiap inisiatif yang dilaksanakan benar-benar memberikan manfaat kepada rakyat serta memperkukuh daya saing Negara Brunei Darussalam (NBD).

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus menyatakan perkara tersebut dalam usul menyokong penyelarasan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 pada hari kedua Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi berkata, NBD mempunyai hala tuju yang jelas melalui Economic Blueprint, Social Blueprint dan Manpower Blueprint sebagai panduan utama pembangunan negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Blueprint-blueprint ini, ujar Yang Berhormat, menyediakan asas penyelarasan dasar dan pelaksanaan secara bersepadu melalui pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation, agar setiap usaha yang dilaksanakan saling melengkapi ke arah matlamat yang sama.

Selaras dengan hala tuju tersebut tambah Yang Berhormat, MTIC telah menyelaraskan segala perancangan strategiknya melalui MTIC Strategic Plan 2030, Digital Brunei 2030 dan Road Safety Action Plan 2030, selain pelan strategik agensi-agensi di bawah MTIC bagi mendukung keutamaan pembangunan negara, khususnya dalam memperkukuh keselamatan, memperkukuh pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat berkata, MTIC Strategic Plan 2030 dibangunkan dengan mengambil kira pencapaian, cabaran dan pengajaran daripada pelan strategik Kementerian sebelum ini. Pendekatan ini dapat memberi penekanan kepada hasil yang lebih berimpak serta

memastikan setiap inisiatif Kementerian kekal sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 dan blueprint-blueprint kebangsaan.

Pelan ini jelas Yang Berhormat turut diperkukuhkan melalui pelaksanaan Digital Brunei 2030, yang menjadi kerangka transformasi digital negara dengan menyatukan usaha merentasi kerajaan, masyarakat, perniagaan serta data dan Kecerdasan Buatan (AI) di bawah satu hala tuju nasional yang bersepadu.

Yang Berhormat seterusnya berkata, dalam mendukung Wawasan Brunei 2035, peranan Kementerian bukan sahaja tertumpu kepada sektor pengangkutan dan infokomunikasi, malah berperanan sebagai pemudah cara pembangunan negara melalui pengukuhan modal insan, ekosistem digital, keterhubungan serta rangkaian logistik yang cekap.

Sumbangan Kementerian dapat dilihat melalui tiga bidang utama selaras dengan blueprint-blueprint kebangsaan iaitu pertama, menyokong pembangunan modal insan dan ekosistem digital di bawah Manpower Blueprint dan Social Blueprint; kedua, menyokong pertumbuhan ekonomi yang dinamik dan mampan di bawah Economic Blueprint dan ketiga, meningkatkan kualiti hidup rakyat di bawah Social Blueprint.

"Kementerian terus memberi tumpuan kepada pembangunan bakat digital melalui pelbagai inisiatif *reskilling* dan *upskilling* bagi memastikan tenaga kerja negara bersedia menghadapi keperluan ekonomi masa hadapan.

"Pada masa yang sama,

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman

kementerian turut memperkukuh infrastruktur digital yang inklusif serta rangka kerja kawal selia melalui Perintah Keselamatan Siber 2023 dan Perintah Perlindungan Data Peribadi 2025, bagi memastikan transformasi digital dilaksanakan secara selamat dan berkesan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut mengetengahkan beberapa program latihan dan pembangunan kemahiran seperti Program Perantisan TechInspire, TechXPLORE dan Coding.BN yang membantu dalam menyediakan generasi belia bagi peluang pekerjaan di sektor-sektor pengangkutan dan juga infokomunikasi.

Manakala di sektor pengangkutan, Program Maritime Cadetship yang bermula pada tahun 2025 bertujuan melahirkan tenaga kerja tempatan seperti pelaut dan profesional maritim yang diiktiraf oleh IMO (International Maritime Organization) untuk menyokong industri maritim di negara ini.

Menurut Yang Berhormat lagi, Kementerian terus memperkukuh sumbangan sektor ICT serta sektor pengangkutan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Antara sasaran utama Kementerian ialah meningkatkan pergerakan kargo melalui udara dan laut.

Bagi mencapai hasrat tersebut, jelas Yang Berhormat, Kementerian sedang memperkasa pembangunan ekosistem logistik bersepadu yang menghubungkan pengangkutan udara, laut dan darat, di samping menyokong

pembangunan industri ICT serta Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

Yang Berhormat berkata, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) sedang meningkatkan kecekapan pelabuhan melalui pendigitalan operasi seperti Maritime Single Window (MSW) dan penaiktarafan infrastruktur ekosistem Pelabuhan Muara serta pembangunan peluang perniagaan maritim bagi meningkatkan kapasiti, aktiviti *transshipment* dan pergerakan kargo.

Pada masa yang sama juga, Majlis Digital Brunei, berperanan untuk membukakan peluang dalam mengembangmajukan ekonomi melalui penggunaan digital dalam sektor Perkhidmatan Awam, *industry players* bagi sektor digital dan *non-digital* serta masyarakat.

"Kementerian komited untuk memastikan rakyat menikmati sistem pengangkutan yang selamat, cekap dan boleh dipercayai. Bagi meningkatkan kesejahteraan dan kualiti kehidupan masyarakat, Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) terus memperkukuh kesedaran keselamatan jalan raya melalui Kempen Share the Road serta usaha menggubal perundangan.

"Pada masa yang sama juga, Kementerian ini insyaaAllah akan terus berusaha untuk memastikan rakyat menikmati penyampaian perkhidmatan digital yang lebih mudah diakses, responsif serta berpusatkan pengguna (*consumer centric*)," terang Yang Berhormat.

Tumpuan 6 bidang utama berkaitan AI dalam pendidikan

>> Muka 12

Bidang seterusnya ialah membina keupayaan nasional dalam AI, penyelidikan dan inovasi. Di sini, Yang Berhormat menjelaskan Kementerian Pendidikan akan terus membangunkan bakat tempatan serta memperkukuh kerjasama antara kerajaan, institusi pendidikan tinggi dan industri.

Antara usaha yang dilaksanakan ialah program Applied AI dan projek Kelulut Sentri AI di UBD, penerokaan AI dalam pendidikan Islam melalui Fakulti Teknologi Islam UNISSA, penyediaan makmal AI dan pensijilan Machine Learning di UTB serta program Analitik Data dan Penyelesaian Digital di Politeknik Brunei. Usaha ini penting bagi mengurangkan kebergantungan kepada kepakaran luar dan menjamin kelestarian keupayaan AI negara, jelas Yang Berhormat.

Bidang kelima ialah memperkukuh infrastruktur digital dan memastikan akses yang saksama.

Yang Berhormat menjelaskan,

Kementerian Pendidikan akan terus memperkukuh infrastruktur digital dan memastikan akses yang saksama kepada semua pelajar dan mengongsikan beberapa perkembangan berkaitan. Di antaranya, melalui Pelan Transformasi Digital 2023-2027, kelajuan internet sekolah telah dan akan dinaik taraf kepada 100Mbps, liputan Wi-Fi diperluaskan dan sebanyak 6,160 komputer riba dibekalkan ke makmal ICT sekolah dan platform seperti MOE TV, Smart Classroom, Learning Management System dan Digital Resources Management System turut disediakan bagi membentuk ekosistem pendidikan digital yang selamat, bersepadu dan mudah diakses, tanpa membiarkan perkembangan AI melebarkan jurang antara pelajar.

Sementara itu, jelas Yang Berhormat, bidang keenam ialah untuk memperkaya penghayatan MIB dan memperkukuh pembentukan karakter. Semakin pintar teknologi yang digunakan, semakin penting kekuatan nilai manusia yang menggunakannya.

"Kementerian Pendidikan akan terus memperkukuh

pembentukan karakter dan sahsiah pelajar berteraskan MIB melalui kurikulum, aktiviti kokurikulum dan budaya institusi pendidikan. Sebagai salah satu inisiatif utama Kementerian Pendidikan, Program Sahsiah Pelajar (PSP) sedang dilaksanakan bagi memperkukuh pembentukan karakter dan sahsiah pelajar secara holistik di sekolah.

"Di peringkat institusi pengajian tinggi, Kementerian Pendidikan sedang melaksanakan inisiatif untuk menyemak modul teras MIB dan menyelaraskan pendekatan penghayatan MIB di kesemua IPT bagi memastikan penerapannya lebih konsisten, sistematik dan selaras dengan cabaran serta keperluan masa hadapan," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan kejayaan usaha ini diukur melalui empat perkara iaitu berdasarkan sejauh mana AI benar-benar meningkatkan pembelajaran pelajar, memperkukuh keupayaan pendidik, menjadikan sistem pendidikan lebih berkesan dan membina bakat dan kepakaran tempatan; serta melahirkan

pelajar yang berdikari, berintegriti dan mempunyai jati diri yang kukuh.

"Lalu, adakah kemajuan mesin akan menjadikan manusia semakin berilmu, bijaksana dan bertanggungjawab? Jawapannya sudah setentunya. Oleh itu, inilah amanah pendidikan, untuk menjadikan pelajar semakin bertanggungjawab.

"Dengan menjunjung titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, berteraskan penghayatan Melayu Islam Beraja serta diperkukuh oleh peranan pendidik, keluarga,

masyarakat, institusi pendidikan dan industri, insyaaAllah kita akan dapat melahirkan generasi yang bukan sahaja bersedia menghadapi masa hadapan, tetapi juga mempunyai keupayaan untuk mencorakkannya," ujar Yang Berhormat.

Matlamat pendidikan ialah untuk melahirkan manusia yang mampu menggunakan kehebatan ilmu dan teknologi untuk membawa kebaikan kepada orang lain, masyarakat dan negara, jelas Yang Berhormat.



SEBAHAGIAN daripada para hadirin pada hari kedua Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PLATFORM PENYELARASAN RENTAS AGENSI PERKUKUH TADBIR URUS NEGARA

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Ogos. - Keperluan mewujudkan satu mekanisme penyelarasan atau platform khas bagi memperkukuhkan penyelarasan antara kementerian dan jabatan, merupakan antara cadangan yang diketengahkan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan lebih cekap dan berkesan.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin menyuarakan cadangan tersebut semasa menyampaikan usul menyokong penyelarasan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 pada hari kedua Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Terdahulu, Yang Berhormat Ahli MMN merafakkan sembah menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kebijaksanaan

baginda memperkenalkan rombakan Kabinet dengan pelantikan paduka-paduka anakanda baginda serta mewujudkan tiga jawatan Menteri Penyelaras.

Menurut Yang Berhormat, langkah tersebut merupakan satu pendekatan strategik yang tepat pada masanya ketika negara memasuki fasa yang amat kritikal menuju Wawasan Brunei 2035.

"Dengan pelantikan paduka-paduka anakanda baginda juga, barang setentunya akan memberikan impak yang lebih padu dalam usaha melaksanakan penyelarasan di peringkat Menteri Penyelaras dan kementerian-kementerian yang lain," ujar Yang Berhormat. Yang Berhormat juga menyokong sepenuhnya usul penyelarasan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Menurut Yang Berhormat, kementerian dan jabatan tidak lagi boleh bergerak secara berasingan, sebaliknya perlu berfungsi sebagai satu pasukan dengan matlamat yang sama.

Dalam pada itu, Yang Berhormat menegaskan bahawa keamanan negara merupakan asas utama kepada kestabilan politik, kemajuan

ekonomi dan kesejahteraan sosial, sekali gus menjadi teras penting dalam mencapai Wawasan Brunei 2035. Yang Berhormat berkata, keamanan merupakan aset paling berharga yang perlu sentiasa dipelihara dan disyukuri oleh seluruh rakyat dan penduduk negara ini.

"Dalam konteks semasa, landskap keselamatan global semakin mencabar dengan pelbagai ancaman baharu seperti jenayah siber, penyebaran maklumat palsu, ekstremisme, ancaman ekonomi serta ketidaktentuan geopolitik," jelas Yang Berhormat.

Sehubungan itu, Yang Berhormat menekankan bahawa usaha memperkukuhkan keamanan tidak lagi tertumpu kepada aspek pertahanan semata-mata, malah memerlukan pendekatan menyeluruh melibatkan seluruh kerajaan, sektor swasta, masyarakat dan setiap individu.

Menyentuh mengenai penyelarasan antara kementerian dan jabatan, Yang Berhormat berkata, terdapat keperluan untuk memperkukuhkan koordinasi dalam menangani isu-isu merentas bidang (*cross-cutting issues*), khususnya berkaitan pembangunan ekonomi, perdagangan dan pelaburan

negara.

Menurut Yang Berhormat, perbezaan bidang kuasa, peraturan serta perundangan antara agensi kadangkala boleh menyebabkan pertindihan fungsi, percanggahan prosedur atau kekeliruan mengenai pihak yang bertanggungjawab.

Keadaan tersebut, kata Yang Berhormat, boleh melambatkan proses membuat keputusan serta menjejaskan kelancaran aktiviti ekonomi dan keyakinan komuniti perniagaan.

Dalam hubungan itu, Yang Berhormat mencadangkan supaya diwujudkan satu platform penyelarasan khas yang berperanan sebagai pemudah cara (*facilitator*) dalam menyelaraskan penyelesaian isu rentas agensi, khususnya yang berkaitan dengan ekonomi dan perdagangan.

Yang Berhormat menyatakan, platform berkenaan perlu mempunyai mandat yang jelas untuk menyelaraskan tindakan antara kementerian dan jabatan, memantau perkembangan isu, mempercepatkan proses membuat keputusan serta memastikan penyelesaian dapat dicapai secara cekap dan dalam tempoh yang munasabah.

"Dengan adanya pusat penyelarasan sedemikian, komuniti perniagaan tidak lagi perlu



AHLI MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

berurusan dengan pelbagai agensi secara berasingan bagi menyelesaikan satu isu yang sama.

"Sebaliknya, platform tersebut akan bertindak sebagai pusat rujukan dan penyelarasan, sekali gus mengurangkan kelewatan, meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan, memperkukuhkan ekosistem perniagaan serta menyokong agenda pertumbuhan ekonomi negara," jelas Yang Berhormat.

Sektor swasta antara penggerak utama ekonomi negara



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat.

setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kebijaksanaan baginda mewujudkan Menteri-menteri Penyelaras sebagai mekanisme memperkukuhkan penyelarasan pentadbiran dan pembangunan negara.

Menurut Yang Berhormat, langkah tersebut mencerminkan wawasan jauh baginda dalam memastikan dasar serta usaha kerajaan dapat dilaksanakan secara lebih tersusun, bersepadu dan berkesan, khususnya dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa isu peluang pekerjaan memerlukan pendekatan yang menyeluruh kerana melibatkan pelbagai sektor, termasuk pendidikan, latihan, pembangunan tenaga kerja, pelaburan, ekonomi, pembiayaan, kebajikan pekerja dan sektor swasta.

Sehubungan itu, jelas Yang Berhormat, peranan Menteri-menteri Penyelaras amat penting dalam memastikan semua usaha tersebut bergerak seiring, termasuk menyelaraskan sistem

pendidikan dengan keperluan industri, memperkukuh latihan berasaskan permintaan pasaran, menggalakkan pelaburan yang menjana peluang pekerjaan serta memperkasakan sektor swasta sebagai rakan strategik dalam menyediakan kerjaya berkualiti kepada anak tempatan.

Yang Berhormat turut mengimbas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menekankan kepentingan meningkatkan penyertaan anak tempatan dalam sektor swasta melalui penghijrahan minda daripada suka menunggu kepada rajin bekerja, daripada banyak bergantung harap kepada lebih berusaha, dan daripada kurang berdikari kepada lebih berdikari.

Dalam hubungan itu, Yang Berhormat berpandangan bahawa penghijrahan minda perlu berlaku secara dua hala, iaitu bukan sahaja anak tempatan perlu bersedia menyesuaikan diri dengan keperluan industri, malah sektor swasta juga perlu menawarkan pekerjaan yang lebih kompetitif, selamat serta mempunyai laluan perkembangan kerjaya yang jelas.

"Kita mahu anak tempatan melihat sektor swasta bukan sebagai pilihan kedua, tetapi sebagai laluan kerjaya yang mempunyai masa depan," jelas Yang Berhormat.

Sektor swasta merupakan antara penggerak utama ekonomi negara. Oleh itu, untuk menarik

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman

lebih ramai anak tempatan menyertai sektor tersebut, kita perlu melihat secara menyeluruh perkara seperti gaji, kebajikan pekerja, latihan, peluang kenaikan pangkat, perumahan, pembiayaan serta keseimbangan antara kehidupan dan pekerjaan, tegas Yang Berhormat.

Pada masa yang sama tambah Yang Berhormat, anak tempatan perlu dibekalkan dengan kemahiran yang benar-benar diperlukan oleh industri.

Yang Berhormat turut mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan pelaksanaan Pelan Bersepadu Pekerjaan Anak Tempatan yang menghimpunkan usaha dalam bidang pendidikan, latihan, padanan pekerjaan, peningkatan kemahiran, insentif kepada majikan serta kebajikan pekerja di bawah satu kerangka yang lebih tersusun.

Yang Berhormat juga turut merujuk kepada amalan terbaik di Republik Singapura menerusi program SkillsFuture dan Work-Study, selain Sistem Insurans Pekerjaan PERKESO di Malaysia yang menggabungkan latihan kemahiran, padanan pekerjaan dan pembangunan kerjaya bagi meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja.

Menurut Yang Berhormat lagi, pendekatan sedemikian menunjukkan bahawa sistem pekerjaan bukan sekadar menyediakan peluang pekerjaan, malah perlu membantu individu memperoleh pekerjaan,

mengekalkan pekerjaan dan membina kerjaya yang mampan.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan bahawa isu pengangguran perlu dilihat secara lebih menyeluruh dengan mengambil kira faktor ketidakpadanan kemahiran, kadar gaji, laluan kerjaya, kebajikan pekerja dan persekitaran pekerjaan.

Justeru, Menteri-menteri Penyelaras boleh memastikan data, sasaran dan tindakan kementerian serta agensi diselaraskan secara bersepadu bagi mengelakkan pertindihan dan mempercepatkan penyelesaian, tekan Yang Berhormat.

Selain itu, Yang Berhormat mencadangkan supaya setiap pelaburan dan projek pembangunan dinilai berdasarkan impaknya terhadap peluang pekerjaan anak tempatan, termasuk jumlah pekerjaan yang diwujudkan, penyertaan tenaga kerja tempatan serta pemindahan kemahiran kepada rakyat negara ini.

Yang Berhormat juga berkata, apabila lebih ramai anak tempatan memperoleh pekerjaan berkualiti, pendapatan isi rumah akan meningkat, kuasa beli rakyat bertambah, perniagaan berkembang dan ekonomi negara menjadi lebih rancak.

"Maka, mengurangkan pengangguran anak tempatan bukan sekadar agenda sosial, tetapi merupakan strategi ekonomi negara," jelas Yang Berhormat.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



VBY2027 FOKUS PELANCONGAN BERNILAI TINGGI

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Ogos. – Pendekatan kerajaan dalam menjayakan Visit Brunei Year 2027 (VBY2027) bukanlah semata-mata berorientasikan kepada peningkatan jumlah ketibaan pelawat (*volume driven tourism*). Memandangkan pasaran pelancongan Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah lebih berfokus, strategi yang diterapkan adalah ke arah

pelancongan bernilai tinggi. High Value, High Yield Tourism, iaitu menarik pelawat yang mempunyai kecenderungan untuk tinggal lebih lama (*longer length of stay*), berbelanja lebih tinggi (*higher average spend*) serta menikmati pengalaman yang unik dan berkualiti.

Perkara demikian dijelaskan oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin semasa menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, juga Ketua Kampung Putat, Daerah Brunei dan Muara pada hari kedua Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Bagi mencapai matlamat tersebut tambah Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, beberapa

pendekatan utama sedang dilaksanakan.

"Pertama, mempromosi pelancongan yang lebih meluas dan agresif. Kementerian terus memperkasakan inisiatif promosi antarabangsa menerusi penyertaan aktif dalam 24 ekspo dan jerayawara di pasaran sasaran. Strategi pemasaran ini turut diperkukuhkan lagi melalui kerjasama dengan agensi-agensi berita antarabangsa seperti CNN, Euro News dan juga Al-Jazeera bagi TV and other media promosi dan di samping itu pelaksanaan enam kempen digital bersama *online travel agents* seperti Skyscanner, Room2Rio, Trip.com, Klook, Agoda and Ctrip," ujar Yang Berhormat.

Di samping itu juga tambah Yang Berhormat, 10 orang Key Opinion Leaders yang bertaraf antarabangsa, yang terkenal diundang untuk meliputi VBY2027 pada tahun ini insyaaAllah, di samping terdapat, penyertaan dalam 24 ekspo bukan saja di East Asia malah di Europe dan juga di Australia dan US.

Bagi memperkukuhkan penawaran produk dan pengalaman pelancongan bernilai tinggi melalui VBY2027, Yang Berhormat menjelaskan,

kementerian sedang membangunkan lebih banyak pengalaman pelancongan yang *curated*, iaitu pengalaman yang dirancang secara khusus, mempunyai nilai tambah dan mencerminkan keunikan NBD.

Menurut Yang Berhormat, antara tema pengalaman yang akan diketengahkan dan dimasukkan dalam *calendar of event* ialah penerokaan alam semula jadi (*adventure and nature exploration*); seni dan ekonomi (*creative arts and creative economy*); warisan budaya dan komuniti (*cultural heritage and community based tourism*); gastronomi dan makanan tempatan (*culinary tourism*); sukan dan rekreasi (*sport and recreational tourism*) serta warisan dan tradisi (*Islam, Islamic heritage and tradition*).

"Pendekatan ini akan memberi peluang kepada pengusaha tempatan untuk menghasilkan produk, *packages* dan pengalaman baharu yang membolehkan pelawat bukan saja datang untuk melawat tapi turut mengambil bahagian, berinteraksi dan berbelanja di Negara Brunei Darussalam," ujar Yang Berhormat.

Sementara itu, dalam memperkasakan penganjuran acara bertaraf antarabangsa dan

aktiviti sepanjang tahun, Yang Berhormat berkata, kementerian sedang menyusun kalendar acara kebangsaan VBY2027 yang merangkumi festival-festival kebudayaan, gastronomi, sukan, persidangan dan juga pameran perniagaan (MYCE).

Menurut Yang Berhormat lagi, penganjuran acara yang berkualiti bukan saja berperanan menarik pelawat antarabangsa dan serantau, malah dapat meningkatkan permintaan terhadap sektor penginapan, makanan dan minuman, pengangkutan, aktiviti pelancongan serta produk tempatan.

Jelas Yang Berhormat lagi, antara acara yang bakal dikelola ialah insyaaAllah SOAS Bridge Marathon, International Art Festival, mengadakan International Food Festival dan berbagai-bagai lagi, tambahan VBY2027 ini bertepatan dengan Sambutan Jubli Intan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena 60 tahun menaiki takhta pada tahun 2027 yang merupakan satu peluang besar untuk memperkenalkan NBD di peringkat antarabangsa melalui pelbagai acara dan pengalaman istimewa semasa perayaan tersebut.

Masyarakat perlu dilihat sebagai rakan pembangunan



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong.

secara berasingan.

Kongsi Yang Berhormat, sebagai contoh, isu kebolehpasaran tenaga kerja bukan hanya berkaitan dengan pendidikan tetapi turut melibatkan latihan kemahiran, keperluan industri, peluang pekerjaan, pembangunan ekonomi, penyertaan sektor swasta dan peningkatan produktiviti.

"Begitu juga, kesejahteraan rakyat melibatkan kesihatan, pendidikan, perumahan, keselamatan, kemudahan awam, alam sekitar dan pembangunan masyarakat.

"Oleh itu, bagi setiap sasaran utama Wawasan Brunei 2035, adalah penting untuk mempunyai kementerian atau agensi peneraju yang jelas, kementerian dan agensi sokongan yang dikenal pasti, sasaran dan tempoh pelaksanaan yang tersusun, petunjuk prestasi yang bersesuaian, serta mekanisme pemantauan dan penilaian yang berterusan," terang Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, penyelarasan yang jelas dapat mengurangkan pertindihan program, mengoptimumkan penggunaan sumber serta

memastikan setiap usaha benar-benar menyumbang kepada matlamat nasional.

Dalam hubungan ini, tambah Yang Berhormat, boleh dipertimbangkan suatu Papan Pemuka Kemajuan Wawasan Brunei 2035 sebagai mekanisme pemantauan berasaskan data yang dapat melihat kemajuan dalam bidang pendidikan dan kemahiran, kebolehpasaran tenaga kerja, produktiviti, kepelbagaian ekonomi, kualiti kehidupan, kecekapan perkhidmatan kerajaan, transformasi digital dan kelestarian alam sekitar.

Melalui pemantauan yang tersusun, pencapaian dapat dikenal pasti dengan lebih jelas dan bidang yang memerlukan perhatian dapat ditangani lebih awal serta berkesan, jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan dalam menyokong Wawasan Brunei 2035, ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan perlu terus diperkukuhkan. Ekonomi yang kukuh bukan hanya diukur melalui pertumbuhan angka, tetapi juga melalui keupayaannya untuk mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan produktiviti, memperkukuh perusahaan tempatan, mengembangkan sektor ekonomi baharu serta menghadapi perubahan dan cabaran ekonomi global.

"Dalam hal ini, Perusahaan

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman

Mikro, Kecil dan Sederhana perlu terus diperkasa melalui pembangunan kapasiti, bimbingan, akses kepada pasaran dan sokongan yang bersesuaian. Penyelarasan antara kementerian, agensi pembangunan ekonomi, institusi kewangan, sektor industri dan masyarakat perlu memastikan bahawa program serta bantuan yang disediakan benar-benar membantu perusahaan berkembang dan menjadi lebih berdaya tahan.

"Kejayaan program ekonomi tidak seharusnya hanya diukur berdasarkan jumlah kursus, geran atau penyertaan tetapi juga melalui peningkatan keupayaan dan hasil perusahaan, pertumbuhan perniagaan, peluang pekerjaan yang diwujudkan serta keupayaan perusahaan untuk berkembang secara mampan," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menggariskan kemajuan negara hendaklah sampai dan dapat dirasai di peringkat mukim dan kampung. Pembangunan yang berkesan memerlukan hubungan yang kukuh antara dasar nasional dengan keperluan sebenar masyarakat di peringkat akar umbi.

Ujar Yang Berhormat, Majlis Perundingan Mukim dan

Kampung boleh terus diperkasa sebagai rakan strategik kerajaan dalam mengenal pasti keperluan masyarakat, menyampaikan maklumat dan dasar kerajaan, menggerakkan penyertaan rakyat, membangunkan potensi ekonomi tempatan serta melaksanakan program kemasyarakatan.

Yang Berhormat menyatakan masyarakat tidak seharusnya dilihat hanya sebagai penerima program, tetapi sebagai rakan pembangunan. Penduduk setempat mempunyai pengetahuan dan pengalaman mengenai keadaan kawasan, keperluan masyarakat, potensi ekonomi serta cabaran yang dihadapi.

Oleh itu, tambah Yang Berhormat, pendekatan Whole of Nation perlu terus diperkukuhkan supaya rakyat, sektor swasta, badan bukan kerajaan, institusi pendidikan dan komuniti dapat bersama-sama menyumbang kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Pembangunan dari bawah atau *bottom-up development* juga perlu diseimbangkan dengan perancangan nasional supaya dasar dan program yang dilaksanakan benar-benar bersesuaian dengan keadaan serta keperluan setempat, jelas Yang Berhormat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Ogos. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong pada hari kedua Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, menyatakan bahawa bagi mencapai Wawasan Brunei 2035, negara memerlukan penyelarasan yang lebih kukuh melalui pendekatan Whole of Government.

Ini bermakna jelas Yang Berhormat Ahli MMN, kementerian dan agensi perlu bergerak secara bersepadu, saling melengkapi dan berpandukan matlamat bersama, bukan melaksanakan usaha

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



KAPASITI PENJANAAN ELEKTRIK NEGARA TERUS DIPERTINGKAT



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tenaga, Huluan dan Hiliran).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Ogos. - Kapasiti penjanaan tenaga elektrik negara akan terus ditingkatkan melalui pembangunan Projek Loji Janakuasa Bukit Panggal Fasa Kedua, berkapasiti 215 Mega-watt dan Loji Janakuasa Berakas Power Company Fasa Kedua berkapasiti 132 Mega-watt. Manakala Projek Cross-Border Interconnection disasarkan mencapai Final Investment Decision pada awal tahun 2027. Perkara demikian dijelaskan oleh

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tenaga, Huluan dan Hiliran), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah semasa membahaskan Usul Penyelarasan Pelaksanaan Wawasan Brunei 2035 pada hari kedua Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Pada masa yang sama jelas Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tenaga, Huluan dan Hiliran), campuran tenaga negara terus dipelbagaikan melalui pembangunan projek tenaga boleh diperbaharui.

Menurut Yang Berhormat, pembinaan loji tenaga solar berkapasiti 30 Mega-watt di Kampung Belimbing Subok yang dilaksanakan melalui kerjasama awam-swasta ataupun Private-Public Partnership (PPP) dijangka mula beroperasi pada penghujung tahun ini.

"Untuk memastikan tenaga elektrik dapat disalurkan secara cekap dan berterusan, penaiktarafan sistem penghantaran

dan pengagihan tenaga elektrik giat dilaksanakan.

"Pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN12), termasuklah penyambungan rangkaian kebangsaan melalui Projek Perdayan 66 kilo-volt, insyaaAllah, akan meningkatkan kebolehpercayaan bekalan tenaga elektrik negara yang diukur melalui System Average Interruption Duration Index atau SAIDI," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, kerajaan turut memberikan perhatian kepada pengurusan permintaan tenaga, antaranya melalui cadangan pelarasan struktur dan kadar tarif elektrik bagi sektor komersial dan perkara itu disentuh oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa sesi pertama Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN pada awal tahun ini.

Jelas Yang Berhormat lagi, pelarasan ke tarif yang progresif bagi sektor komersial, yang dicadangkan pelaksanaannya pada tahun 2028 merupakan kesinambungan daripada pengemaskinian kadar tarif bagi sektor perumahan yang

dilaksanakan pada tahun 2012.

Pelarasan ini tambah Yang Berhormat, akan memastikan struktur tarif yang lebih mampan dan berdaya saing, di samping menggalakkan penggunaan tenaga secara berhemah dan ia juga akan menyokong penaiktarafan infrastruktur bagi memperkukuh kebolehpercayaan dan keterjaminan bekalan tenaga elektrik negara.

"Kesemua usaha ini dilaksanakan bagi melindungi keterjaminan tenaga negara sebagai asas kepada kehidupan seharian, penyampaian perkhidmatan penting dan pertumbuhan ekonomi.

"Berlandaskan asas keterjaminan tenaga yang kukuh ini, sektor tenaga akan terus dimajukan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, pembangunan perindustrian dan peningkatan daya saing negara," kata Yang Berhormat.

Dalam sektor huluan pula jelas Yang Berhormat, beberapa projek strategik sedang dirancang dan dilaksanakan bagi menyokong kesinambungan pengeluaran minyak dan gas negara, termasuk pembangunan projek-projek pesisir luar pantai seperti yang dikendalikan oleh Syarikat Petronas Carigali Brunei Limited (PCBL) dan

Syarikat EnQuest, yang insyaaAllah akan memulakan pengeluaran pada tahun 2029.

Di samping itu tambah Yang Berhormat, pusingan pelesenan bagi beberapa blok yang masih belum dimajukan yang dilancarkan pada tahun 2025, ketika ini melalui proses penilaian daripada tawaran-tawaran yang diterima dan disasarkan untuk dimuktamadkan menjelang penghujung tahun ini.

Menurut Yang Berhormat, pembangunan sektor hiliran minyak dan gas merupakan antara sektor keutamaan yang telah diuraikan oleh Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

"Usaha ini akan terus diperkasakan melalui Pulau Muara Besar sebagai hab penapisan minyak mentah dan petrokimia, serta Sungai Liang Industrial Park (SPARK) bagi industri hiliran berasaskan gas. Pada masa ini, Projek Loji Penapisan dan Petrokimia Fasa Ke-2 dirancang akan memulakan pembinaan pada tahun 2027.

"InsyaaAllah, fasa ke-2 ini akan turut mengembangkan aktiviti lanjutan hiliran yang bernilai tambah tinggi, sekali gus memperluaskan lagi rangkaian sektor hiliran negara," ujar Yang Berhormat lagi.

Penambahbaikan, penaiktarafan fasiliti kesihatan terus dilaksanakan

Oleh : Fathi Foad Abu Bakar

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Ogos. - Beberapa projek pengubahsuaian dan penaiktarafan telah dan sedang dilaksanakan secara berperingkat di fasiliti-fasiliti kesihatan, iaitu projek-projek yang telah sempurna dilaksanakan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dalam tahun 2025 adalah seperti, menaik taraf Wad 15 dan Klinik Ortopedik.

Perkara tersebut digariskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar semasa menjawab pertanyaan bagi jawab lisan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof pada hari kedua Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Manakala, projek-projek yang sedang dilaksanakan dan dalam rancangan adalah seperti penubuhan Pulmonary Function Test (PFT) di dalam Perubatan Respiratori (DORM), menaik taraf Wad 10 dan 11 untuk menjadi Intensive Care Unit (ICU) baharu, pembinaan bilik konsultasi untuk tahanan di kawasan Jabatan Kecemasan, dan pengubahsuaian untuk Uroflow dan Urodynamic di Klinik Urologi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan seterusnya mengenai dengan menaik taraf tiga Bilik Bedah (OT) - OT 3, 4 dan 5, pengubahsuaian dan pemindahan Unit Kewangan dan Perolehan di Bangunan Loji

Kejuruteraan dan Dobi, Pengubahsuaian Point of Care Testing (POCT) dan Quality Assurance & Patient Safety Unit di Central State Lab, meluaskan Famasi Pesakit Luar ke Rekod Perubatan, dan mengembangkan kawasan Triage di Jabatan Kecemasan.

Di samping itu juga kata Yang Berhormat, pengubahsuaian sebuah banglo di Kiarong untuk digunakan sebagai Klinik Perkhidmatan Kesihatan Mental Kanak-kanak dan Remaja (CAMHS), pembinaan banglo baharu untuk bilik konsultasi di CDC Kampung Kiarong.

"Selain itu, di bawah RKN12, beberapa projek akan dilaksanakan seperti projek pembinaan Blok Baharu Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang akan mempunyai 500 katil tambahan kini dalam proses penyediaan dokumen tender oleh firma perunding yang dilantik setelah Conceptual Design diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif Kementerian Kesihatan.

"Projek pembinaan Pusat Kesihatan Mengkubau termasuk perkhidmatan pengubatan dengan kos belanja BND15 juta berada dalam fasa reka bentuk (*design phase*) bersama firma perunding yang telah dilantik.

"Seterusnya, projek pembinaan Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan dan Pusat Pengambilan Darah yang berjumlah BND28 juta dan projek pembinaan Blok Baharu Makmal Rujukan dengan kos belanja BND35 juta, yang merangkumi pembinaan Makmal Rujukan Saintifik dan Makmal Rujukan Kebangsaan," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan selain itu, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah,

Tutung, tempat pengambilan darah yang lebih mesra warga emas dan pengguna berkerusi roda, penaiktarafan Klinik Obstetrik dan Ginekologi, pengubahsuaian ruang Klinik Perkhidmatan Pergigian, dan pengubahsuaian bekas Wad TB bagi menempatkan Klinik Otorhinolaryngology (ORL), Klinik Audiologi, Klinik Podiatri dan Klinik Terapi Pertuturan (Speech and Language Therapy) serta penaiktarafan tandas awam.

Di samping itu kata Yang Berhormat, di hospital tersebut juga mempunyai perancangan untuk menjadikan bangunan (*Extension*) Pusat Pengasingan Kebangsaan (NICe) sebagai Pusat Rehabilitasi atau Step-Down Hospital.

Cadangan penempatan Pusat Pergigian Negara (National Dental Centre) tambah Yang Berhormat lagi, kini sedang dalam penelitian bagi memastikan kesesuaian lokasi, skop perkhidmatan serta keperluannya dan penambahan fasiliti klinik-klinik pergigian di seluruh negara juga sedang dilaksanakan secara berperingkat bagi meningkatkan aksesibiliti kepada perkhidmatan pergigian dan mengurangkan kesesakan di klinik-klinik sedia ada. Usaha-usaha ini adalah bertujuan untuk memastikan semua fasiliti kerajaan sentiasa berada dalam keadaan selamat, berfungsi dengan baik dan kondusif.

Yang Berhormat juga mengongsikan, di samping projek-projek pengubahsuaian dan penaiktarafan, beberapa projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN12) juga sedang dilaksanakan seperti Projek Pembinaan Blok Baharu Jabatan Kecemasan, Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait. Projek ini dijangka siap pada bulan Oktober 2026 dan akan meningkatkan kapasiti serta keupayaan hospital berkenaan dalam menyediakan

perkhidmatan kecemasan yang lebih cekap dan selamat serta akan memperkukuh kesiapsiagaan hospital dalam mengendalikan peningkatan jumlah pesakit, kes-kes kritikal serta insiden kecemasan dan bencana. Juga, Projek pembinaan Blok Pembedahan Baharu dan Blok Pusat Rehabilitasi Dewasa dan Kanak-Kanak di Hospital Suri Seri Begawan.

Projek-projek ini kata Yang Berhormat bertujuan untuk memperkasakan dan memperluaskan kapasiti perkhidmatan klinikal, meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan serta memenuhi keperluan penjagaan kesihatan bagi rakyat dan penduduk yang semakin berkembang.

Yang Berhormat juga menerangkan, walaupun terdapat cabaran berkaitan pembekalan rantaian bekalan global, tempoh penghantaran serta proses perolehan bagi sesetengah peralatan dan bahan guna habis, Kementerian Kesihatan terus mengambil langkah-langkah mitigasi dan pemantauan secara berterusan bagi mengurangkan gangguan terhadap penyampaian perkhidmatan serta memastikan keperluan klinikal pesakit sentiasa dapat dipenuhi.

Di antara usaha-usaha yang dilaksanakan tambah Yang Berhormat adalah pembaikan dan penyelenggaraan peralatan perubatan (*preventive and corrective maintenance of medical equipment*) bagi memastikan peralatan sentiasa berada dalam keadaan berfungsi dengan baik. Perolehan peralatan perubatan dan kerusi-kerusi pergigian secara berterusan dan berfasa setiap tahun bagi menambah jumlah peralatan mengikut keutamaan dan menggantikan peralatan perubatan lama yang telah mencapai had umur.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan.

"Perolehan bekalan bahan guna habis perubatan (*medical consumables*) yang dilaksanakan melalui tawaran berkontrak bagi memastikan pembekalan yang konsisten dan tidak terputus, di samping memperoleh harga yang kompetitif dan berpatutan melalui kontrak jangka panjang.

"Pada masa yang sama, satu sistem inventori secara dalam talian juga sedang dibangunkan bagi membolehkan pemantauan stok dilaksanakan secara masa nyata (*real-time*), meramalkan trend penggunaan, mengenal pasti keperluan lebih awal serta membolehkan proses perolehan dimulakan sebelum paras stok mencapai tahap kritikal.

"Kementerian Kesihatan terus memberi perhatian terhadap pengubahsuaian dan penaiktarafan fasiliti-fasiliti kesihatan termasuk penyediaan dan penggantian peralatan perubatan serta bekalan bahan guna habis bagi memenuhi keperluan kesihatan yang semakin berkembang," ujar Yang Berhormat lagi.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Ogos. - Kenaikan harga merupakan satu fenomena global yang sedang dihadapi oleh kebanyakan negara. Ketidaktentuan ekonomi dunia termasuk konflik geopolitik telah memberi kesan kepada harga minyak, kos tenaga pengangkutan dan logistik antarabangsa di samping gangguan rangkaian bekalan global.

Peningkatan kos pada setiap peringkat rantai nilai ini akhirnya boleh diterjemahkan kepada kenaikan harga barangan yang dibayar oleh para pengguna. Oleh itu, kerajaan sentiasa meneliti keseluruhan rantai nilai bagi memahami faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan harga dan memastikan sebarang kenaikan adalah berasaskan kos yang sebenar.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato

PEMANTAUAN HARGA, PENGUATKUASAAN AKTA

Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, semasa menjawab pertanyaan bagi jawab lisan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam pada hari kedua Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, seterusnya mengongsikan bagi memahami keadaan industri tertentu dan menilai serta mengenal pasti punca kenaikan harga di antara inisiatif yang dilaksanakan oleh kementerian ini adalah dengan mengadakan konsultasi - konsultasi, *engagement* dengan para peniaga terutama sekali kepada para *distributor* dan *supplier*.

Pendekatan ini kata Yang Berhormat, telah dilaksanakan dalam memahami impak berikutan krisis Timur Tengah terhadap industri plastik dan *shipping cost* di negara ini. Pendekatan ini membolehkan kerajaan mengambil langkah mitigasi yang bersesuaian jika perlu, berasaskan bukti, *evidence-based* dan seterusnya mengimbangi kepentingan pengguna dengan kelangsungan operasi perniagaan dalam keadaan ekonomi yang sentiasa berubah.

Selain daripada itu tambah Yang Berhormat, kementerian ini juga melaksanakan dan menguatkuasakan Akta Kawalan Harga bagi barangan bersubsidi, iaitu beras, gula dan gasolin serta

barangan asasi tertentu seperti minyak masak dan juga susu formula. Melalui penguatkuasaan ini, kerajaan memastikan *affordability* dan *accessibility* barangan tersebut kepada orang ramai.

Yang Berhormat juga menerangkan mengenai dengan penguatkuasaan akta juga menyumbang kepada kestabilan kadar inflasi negara walaupun negara terdedah kepada ketidaktentuan ekonomi global seperti inflasi antarabangsa dan gangguan rantai bekalan global dan meningkatkan kos bahan mentah dan seterusnya memberikan kesan kepada turun naik harga barangan.

Pada masa yang sama kata Yang Berhormat lagi, bagi memastikan pasaran dan mengelakkan kesan negatif akibat campur tangan yang berlebihan, kerajaan turut memberi penekanan kepada peningkatan ketelusan harga (*price transparency*). Ini dilaksanakan melalui inisiatif pemantauan harga barangan makanan asasi terpilih yang dikemaskinikan secara mingguan, melibatkan pengumpulan data harga dari lebih 100 buah premis runcit dan pasaraya di seluruh negara.

Makluman harga ini tambah Yang Berhormat lagi, akan terus dibarigakan melalui aplikasi PenggunaBijak yang kini dalam proses penambahbaikan bagi meningkatkan aspek keselamatan dan dijangka akan dikenalkan balik semula pada masa terdekat bagi memudahkan pengguna membuat perbandingan harga yang bermaklumat.

"Sementara itu, maklumat harga tersebut terus dikongsikan

Oleh : Fathi Foad Abu Bakar

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

melalui laman sesawang Bahagian Hal Ehwal Pengguna bagi memastikan orang ramai mempunyai akses berterusan kepada maklumat yang berkenaan.

"Di samping itu, inisiatif pemantauan harga juga membantu kerajaan meneliti perubahan harga bagi memastikan perubahan berkenaan adalah berasas. Inisiatif ini membolehkan kerajaan untuk mengesan kenaikan harga yang mendadak dan mengenal pasti punca peningkatan sama ada seperti disebabkan oleh faktor kenaikan kos bahan mentah atau gangguan rangkaian bekalan," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri seterusnya menambah, analisis data pemantauan harga berperanan sebagai isyarat awal (*early warning*) bagi membolehkan sebarang intervensi seperti secara bersepadu dapat menangani isu yang berpotensi menjejaskan kestabilan harga.

Dalam menangani impak kenaikan harga kata Yang Berhormat, para peniaga juga turut memainkan peranan yang penting dari aspek memastikan rangkaian bekalan yang stabil dengan mempelbagaikan sumber import dan mencari kos import yang lebih rendah serta berpatutan sebagai *substitute* kepada sumber import yang sedia ada.

"Sehubungan dengan ini, kementerian secara berterusan komited memelihara kestabilan harga dan mengukuhkan

daya tahan ekonomi menerusi pendekatan Whole - of - Government dan pelaksanaan *industry roadmap* di bawah Bahagian Penyelaras Dasar-dasar Ekonomi sebagai instrumen strategik untuk menilai kekuatan dan kelemahan ekosistem industri bagi sektor-sektor khas keutamaan negara.

"Melalui penelitian tersebut, kementerian dapat mengenal pasti peluang untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing industri menangani jurang dari aspek infrastruktur, logistik dan industri sokongan serta memperluaskan aktiviti nilai tambah tempatan dan mengenal pasti pengeluaran domestik bagi mengurangkan bergantung kepada eksport, kepada import dan mengukuhkan daya tahan industri tempatan," ujar Yang Berhormat lagi.

Mengakhiri jawab lisan, Yang Berhormat menjelaskan secara keseluruhannya, pendekatan dilaksanakan ini bagi membolehkan kementerian menangani faktor-faktor yang mempengaruhi kos di sepanjang rantai nilai merangkumi aspek penguatkuasaan, pemantauan, pembarigaan dan pengukuhan daya saing industri dan meningkatkan kecekapan rantai bekalan.

Usaha ini kata Yang Berhormat lagi, dihasratkan untuk dapat menyokong kestabilan bekalan dan harga dalam jangka panjang, di samping memacu pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan serta meningkatkan daya saing ekonomi negara.

Tetapkan garis kemiskinan terkini, kenal pasti cabaran, intervensi berkesan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Ogos. - Kemiskinan telah dikenal pasti sebagai salah satu cabaran kritikal dalam dasar sosial dan tenaga manusia.

Kerana itu, pembasmian kemiskinan atau kemiskinan sifar hendaklah menjadi hasil nasional utama untuk dicapai.

Perkara demikian dijelaskan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam semasa membahaskan Usul Menyokong Penyelaras Ke Arah Mencapai Wawasan Brunei 2035 pada hari kedua Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan

Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Bagi memperkukuh pencapaian ini jelas Yang Berhormat Ahli MMN, garis kemiskinan yang jelas dan terkini perlu ditetapkan sebagai asas untuk mengenalpasti tahap cabaran dan intervensi yang berkesan. Pendapatan semata-mata juga tidak boleh dijadikan ukuran kemiskinan yang tepat.

"Ia perlu mengambil kira aspek-aspek seperti perumahan, pendidikan, kesihatan, tanggungan keluarga dan akses kepada perkhidmatan asas. Punca peningkatan hendaklah dikaji secara menyeluruh supaya intervensi benar - benar menyediakan laluan keluar daripada kemiskinan," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, program bantuan yang dikendalikan oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta perlu dinilai semula dan diselarasakan ke arah satu matlamat, iaitu keluarga keluar dari kemiskinan secara berkekalan. Bantuan kewangan mesti disertai dengan peluang meningkatkan pendapatan melalui

pekerjaan, peningkatan kemahiran dan keusahawanan.

Jelas Yang Berhormat lagi, ukuran kejayaan tidak seharusnya pada jumlah penerima bantuan atau jumlah bantuan yang diagihkan tetapi pada peningkatan pendapatan isi rumah, bilangan keluarga yang berjaya keluar daripada kemiskinan dan keupayaan mereka untuk kekal di luar kemiskinan dalam jangka masa yang tertentu.

Terdahulu, Yang Berhormat menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas kebijaksanaan dan pandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah mengambil langkah strategik melantik tiga Menteri Penyelaras dan beberapa menteri-menteri baharu ke dalam barisan Menteri-Menteri Kabinet Negara.

Dalam tempoh kurang daripada satu dekad menuju Wawasan Brunei 2035 tambah Yang Berhormat, negara perlu meninggalkan pendekatan silo dan memperkukuh kerjasama serta penyelarasan merentas sektor. Usaha merealisasikan wawasan adalah tanggungjawab bersama.

Menurut Yang Berhormat, semua Menteri Kabinet sebagai pelaksana dasar, dengan disokong oleh Ahli MMN yang dilantik sebagai rakan strategik dan seluruh rakyat, melalui pendekatan Whole-of-Government dan Whole-of-Nation dalam erti kata yang sebenar.

Sepertimana yang telah dibentangkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang sebelum ini, Yang Berhormat juga berpendapat dan bersetuju bahawa penyelarasan perlu berfungsi sebagai satu sistem operasi negara, berorientasikan hasil nasional atau *national outcome* merentas sektor dengan memperjelas peranan, pemilihan dan akauntabiliti setiap pihak, menangani halangan rentas kementerian serta mengukur pencapaian hasil secara berterusan.

Tambah Yang Berhormat, sistem ini hendaklah dipacu berasaskan beberapa proses utama termasuk membangunkan kerangka hasil nasional yang jelas dan bersepadu, mempercepat proses kelulusan dan pelaksanaan projek, memperkukuh pemedanan dan penempatan tenaga kerja, memberikan tumpuan utama kepada kualiti dan ketahanan serta mewujudkan satu National Wawasan Dashboard.

Dengan penyelarasan seluruh jentera kerajaan dan swasta tambah Yang Berhormat, setiap keluarga boleh menerima intervensi yang berkesan dan mempunyai laluan yang jelas untuk keluar daripada kemiskinan secara bermaruah dan berkekalan.

Merentas ketiga-tiga contoh hasil nasional ini tambah Yang Berhormat lagi, satu papan muka wawasan nasional perlu diwujudkan sebagai platform pemantauan pelaksanaan dan pelaporan bagi kemajuan, halangan dan keputusan ke arah pencapaian wawasan.

Menurut Yang Berhormat, Key Performance Indicator (KPI) utama hendaklah dipaparkan termasuk sasaran, pencapaian semasa, agensi peneraju dan tindakan pembetulan.

"Maklumat perlu dikemas kini dari semasa ke semasa dan dapat diakses oleh rakyat pada tahap yang bersesuaian. Dengan ini, kerajaan dapat mengenal pasti sasaran yang tertinggal dan mempercepat tindakan manakala rakyat pula dapat mengikuti perkembangannya.

"Ini akan memperkukuh ketelusan dan akauntabiliti serta memastikan setiap kekurangan disertai dengan tindakan susulan untuk penambahbaikan," ujar Yang Berhormat lagi.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEWUJUDKAN PELAN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI KAMPUNG BERSEPADU



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, juga Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau, Daerah Temburong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Ogos. – Dalam menyokong Usul Penyelarasan ini, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, juga Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau, Daerah Temburong ingin memfokuskan kepada satu perkara, iaitu bagaimana penyelarasan ini dapat diterjemahkan kepada peningkatan sosioekonomi rakyat khususnya di peringkat daerah, mukim dan kampung.

Yang Berhormat Ahli MMN berkata, Wawasan Brunei 2035 bukan hanya mengenai pertumbuhan ekonomi pada peringkat nasional, kejayaannya juga perlu dapat dirasakan oleh rakyat di peringkat akar umbi. Setiap daerah, mukim dan kampung mempunyai kekuatan dan keunikan tersendiri. Ada yang mempunyai potensi pertanian, perikanan, pelancongan, makanan, kraf tangan, kebudayaan, ekonomi kreatif dan pelbagai lagi.

"Persoalannya bagaimana

kekuatan ini dapat kita ubah menjadi aktiviti ekonomi yang berdaya maju dan mampu meningkatkan pendapatan produk? Sehubungan itu, kaola mencadangkan supaya diwujudkan satu pendekatan, Satu Kampung Satu Ekonomi. Konsep ini bukan bermaksud setiap kampung hanya menghasilkan satu produk tetapi setiap satu kampung dikenal pasti berdasarkan kekuatan sumber kemahiran dan keunikan ekonominya," tambah Yang Berhormat dalam usul menyokong penyelarasan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035, pada hari kedua Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat lagi, setiap kampung boleh diperkasakan berdasarkan kekuatan dan keunikannya sama ada dalam bidang pertanian, perikanan, pelancongan, kebudayaan, kraf tangan, makanan tradisional mahupun ekonomi kreatif untuk menjana pendapatan dan membuka peluang ekonomi yang lebih luas kepada masyarakat.

Dengan cara ini Yang Berhormat, kita boleh sahaja membantu pengusaha kampung berniaga tetapi membina ekosistem ekonomi kampung. "Kita sudah mempunyai asas melalui program seperti Satu Kampung Satu Produk atau 1K1P. Kaola melihat program ini mempunyai potensi yang besar untuk dikembangkan daripada sekadar penghasilan produk kepada satu rangkaian pembangunan ekonomi. Kita perlu membantu pengusaha

bukan sahaja menghasilkan produk tetapi memastikan produk tersebut mempunyai kualiti, pembungkusan, penjenamaan, pensijilan, pemasaran digital, akses kepada pembiayaan dan pasaran.

"Apa yang kita mahu ialah satu perjalanan yang jelas, daripada idea kepada produk, daripada produk kepada pasaran dan daripada pasaran tempatan kepada pasaran eksport. Jika berjaya, perusahaan kampung boleh berkembang menjadi PMKS yang lebih kukuh dan seterusnya mencipta peluang pekerjaan kepada penduduk setempat," ujar Yang Berhormat lagi.

Di sinilah kata Yang Berhormat melihat peranan Menteri - Menteri Penyelaras amat penting. Pembangunan, sosioekonomi kampung tidak boleh tanggungjawab dilihat satu sebagai kementerian sahaja.

Ia memerlukan penyelarasan antara kementerian dan agensi yang berkaitan dengan pertanian, perikanan, pelancongan, pembangunan, ekonomi, pendidikan dan latihan, belia, kewangan, infrastruktur, digitalisasi pembangunan masyarakat.

Oleh itu, Yang Berhormat mencadangkan supaya diwujudkan satu pelan pembangunan sosioekonomi kampung bersepadu dengan penglibatan kementerian, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, penghulu dan ketua kampung, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, sektor swasta serta masyarakat.

"Setiap kampung boleh mempunyai *profile* dan peta potensi ekonominya sendiri. Dengan adanya data dan sasaran yang jelas, kita boleh

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

menilai keberkesanan setiap program. Kaola juga ingin menyentuh mengenai belia sebagai penggerak ekonomi kampung. Kita mahu anak-anak muda di kampung diberikan ruang untuk membawa idea baharu dan teknologi baharu.

"Maka, boleh dilatih dalam bidang keusahawanan digital, pameran media sosial, E-dagang, Kecerdasan Buatan, penghasilan kandungan fotografi, produk dan pengurusan perniagaan," tambah Yang Berhormat.

Jelas Yang Berhormat, ini penting kerana pasaran hari ini, tidak lagi terhad kepada kawasan kampung atau daerah. Dengan teknologi digital, produk dari sebuah kampung di Tutong, Belait, Temburong atau Brunei dan Muara boleh dipasarkan kepada seluruh negara malah berpotensi menembusi pasaran luar.

Justeru, Yang Berhormat menyatakan melihat digitalisasi kampung juga boleh menjadi sebahagian daripada strategi mencapai Wawasan Brunei 2035.

"Selain itu, kita juga perlu melihat kampung sebagai sebahagian daripada rangkaian pelancong negara. Kita mempunyai kraf tangan, makanan cerita tradisional, sejarah, budaya sungai, hutan, kawasan pertanian dan pelbagai identiti tempatan mempunyai nilai pelancongan. Jika disusun secara bersepadu, kita boleh membangunkan pelancongan komuniti berasaskan kampung yang bukan sahaja menarik pelancong tetapi memberikan pendapatan terus kepada masyarakat contohnya, pengunjung datang ke kampung bukan hanya untuk melihat sesuatu tempat tetapi menikmati makanan tempatan, membeli produk kampung, mengikut aktiviti budaya dan merasai pengalaman kehidupan masyarakat setempat. Ini mewujudkan satu rangkaian ekonomi, pelancong datang, pengusaha mendapat pendapatan, produk tempatan terjual dan ekonomi kampung berkembang," jelas Yang Berhormat.

Dalam menarik pelaburan pula, Yang Berhormat seterusnya berpandangan kita perlu beralih daripada hanya melihat jumlah pelaburan kepada nilai pelaburan kepada rakyat. Kita perlu memastikan setiap pelaburan membawa nilai nyata kepada negara melalui pewujudan pekerjaan. Peluang kepada anak tempatan, penglibatan PMKS, pemindahan kemahiran dan teknologi serta pengembangan ekonomi di peringkat daerah dan kampung.

Dengan pendekatan ini kata Yang Berhormat, pelaburan bukan hanya masuk ke negara, tetapi nilai ekonominya turut

mengalir kepada masyarakat.

"Kaola juga ingin mencadangkan supaya setiap daerah mempunyai sasaran ekonomi yang jelas berdasarkan kekuatannya. Dengan cara ini, pembangunan setiap daerah menjadi sebahagian daripada satu strategi ekonomi nasional. Kampung berkembang, daerah maju, ekonomi dipelbagaikan dan negara menjadi lebih berdaya tahan.

"Kaola ingin mengakhiri dengan satu perkara Wawasan Brunei 2035 tidak akan tercapai hanya melalui dasar kerajaan, ini memerlukan kerjasama kerajaan, sektor swasta dan rakyat. Menteri-Menteri Penyelaras mempunyai peranan penting untuk memastikan kerjasama ini benar-benar berlaku dan tidak terhenti pada peringkat perancangan.

"Oleh itu, kaola ingin memaklumkan tiga cadangan utama : Pertama, mewujudkan permintaan potensi ekonomi setiap daerah, mukim dan kampung; Kedua, memperkenalkan pendekatan Satu Kampung Satu Ekonomi sebagai salah satu strategi memperkukuhkan ekonomi akar umbi; dan Ketiga, mewujudkan Pelan Pembangunan sosioekonomi kampung bersepadu yang mempunyai sasaran tempoh pelaksanaan dan petunjuk prestasi yang boleh diukur.

"Kaola percaya apabila setiap kampung diberikan peluang untuk membangunkan kekuatannya, rakyat bukan sahaja menjadi penerima pembangunan tetapi menjadi penggerak pembangunan negara," ujar Yang Berhormat lagi.

Dalam pada itu, Yang Berhormat turut menyembahkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kebijaksanaan baginda mewujudkan Menteri-Menteri Penyelaras.

Yang Berhormat menyokong penuh usaha penyelarasan ini dan berharap mekanisme tersebut akan perkukuhkan kerjasama antara kementerian mempercepatkan pelaksanaan dasar dan memastikan manfaat pembangunan sampai kepada di peringkat rakyat termasuk mukim dan kampung. Kekuatan setiap kampung adalah kekuatan daerah, kekuatan setiap daerah adalah kekuatan negara. Dengan kesepaduan kerajaan dan rakyat, insyaaAllah kita dapat bergerak bersama menuju Wawasan Brunei 2035 demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam.



SEBAHAGIAN yang hadir pada hari kedua Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH

PENUKARAN NAMA JABATAN TENAGA KE JABATAN TENAGA, HULUAN DAN HILIRAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Ogos. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi penukaran nama Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM) kepada Jabatan Tenaga, Huluan dan

Hiliran di JPM. Tarikh penukaran nama jabatan berkenaan berkuat kuasa mulai Isnin, 19 Safar 1448 bersamaan 3 Ogos 2026.

Pesambah istimewa buat raja tercinta

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Mohd.Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II semasa hadir pada majlis tersebut.

BERAKAS GARISON, Jumaat, 7 Ogos. - Kementerian Pertahanan hari ini mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi, di semua surau perkhemahan dan garison Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), termasuk Masjid Pulau Baru-Baru, dengan acara utama di Surau Al-Fa'izun,

Berakas Garison, di sini. Hadir di Surau Al-Fa'izun, Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan Jawatankuasa Eksekutif ABDB, pegawai serta kakitangan Kementerian Pertahanan.

Majlis berkenaan turut dihadiri oleh jemputan-jemputan khas, termasuk Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, juga Ketua Kampung Belimbing, Daerah Brunei dan Muara; Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim; Penghulu Mukim Berakas 'A' dan Pemangku Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lambak Kiri.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

Seterusnya, bacaan surah-surah lazim Al-Quran,

Takhtim, Tahlil dan Doa Khatam Al-Quran dikepalai oleh Awang Muhd. Abdussalam bin Haji Jahari dari Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT).

Majlis juga diselitkan dengan tazkirah bertajuk 'Pesambah Untuk Raja' yang disampaikan oleh Awang Mohd. Rifat Atiyah bin Anwari dari JAMA'AT.

Penyampaian cenderamata kepada para peserta khatam Al-Quran telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

Majlis Khatam Al-Quran berkenaan merupakan pesambah istimewa Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menzahirkan rasa penuh kesyukuran dan munajat ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga baginda terus dikurniakan lanjut usia, kesihatan yang baik dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam.

Penandatanganan kontrak bagi memperluaskan kapasiti latihan penerbangan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Ogos. - Piper Aircraft, Inc. (Piper Aircraft) dan Alpha Aviation Group (AAG) menandatangani satu kontrak penjualan bagi pemerolehan enam buah pesawat latihan Piper, untuk diserahkan pada tahun ini bagi kegunaan salah sebuah Sekolah Latihan Penerbangan (*flight training school*) milik AAG di rantau Asia Tenggara, pagi tadi.

Kontrak tersebut telah ditandatangani oleh Business Development Adviser, Piper Aircraft Asia Sdn. Bhd., Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat bagi pihak Piper Aircraft, Inc. dan Business Development Director, AAG, Colonel (R), Teng Keng Peh bagi pihak Syarikat AAG.

Tempahan ini adalah merupakan salah satu pemerolehan signifikan di Asia Tenggara dan menandakan fasa pertama bagi pelan jangka panjang Syarikat AAG untuk memperoleh sehingga 100 buah pesawat dalam beberapa tahun akan datang.

Kontrak ini mencerminkan komitmen AAG untuk memperluaskan kapasiti latihan penerbangan bagi memenuhi permintaan global yang semakin meningkat terhadap juruterbang yang berkelayakan.

Majlis penandatanganan yang berlangsung di Dewan Teater, Kementerian Kewangan, di sini, disaksikan oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan

dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, serta Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Ini menekankan kepentingan terhadap inisiatif bagi pembangunan industri penerbangan serantau serta keselarasannya dengan aspirasi negara untuk membangunkan tenaga kerja yang berdaya tahan dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

Syarikat Piper Aircraft, Inc., yang dimiliki sepenuhnya oleh Dana Modal Pembangunan Strategik di bawah Bahagian Pelaburan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam (NBD) merupakan sebuah syarikat pengeluar pesawat yang berpangkalan di Vero Beach, Florida.

Dengan legasi yang menjangkau hampir sembilan dekad, Piper Aircraft telah pun diiktiraf di peringkat global sebagai pengeluar pesawat yang berkualiti tinggi, berprestasi serta boleh dipercayai, termasuk pesawat latihan Archer dan Seminole yang digunakan secara meluas oleh sekolah penerbangan dan program latihan juruterbang profesional di seluruh dunia.

Syarikat AAG, yang beribu pejabat di United Kingdom adalah merupakan sebuah organisasi latihan juruterbang antarabangsa yang beroperasi di Republik Filipina, Republik India dan

Republik Indonesia.

Melalui metodologi latihan moden, sistem pengajaran yang canggih serta kurikulum yang sejajar dengan keperluan industri, Syarikat AAG menyokong pembangunan bagi saluran bekalan juruterbang yang mampan untuk memenuhi keperluan sektor penerbangan komersial yang sentiasa berkembang.

Kerjasama antara Piper dan AAG menggabungkan kekuatan saling melengkapi dalam bidang pembuatan pesawat dan pembangunan juruterbang profesional.

Melalui penggunaan pesawat latihan canggih daripada Piper di seluruh rangkaian AAG, sistem latihan yang telah diseragamkan serta kepakaran dari segi operasi, kerjasama ini bertujuan untuk meningkatkan kapasiti latihan penerbangan, dalam menyokong pembangunan syarikat-syarikat penerbangan dan pihak-pihak berkepentingan dalam industri penerbangan, serta menyumbang kepada pembangunan berterusan keupayaan penerbangan serantau.

Sementara itu, Business Development Director, AAG dalam ucapannya berkata bahawa pemilihan pesawat Piper ini mencerminkan komitmen syarikat berkenaan terhadap kualiti, keselamatan dan kebolehpercayaan di mana Piper telah mendapat kepercayaan sekolah-sekolah penerbangan dan para pengendali di seluruh dunia dengan secara konsisten menghasilkan pesawat yang selamat dan berprestasi tinggi secara konsisten.

Beliau menambah, pesawat



MAJLIS penandatanganan berkenaan telah disaksikan oleh Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri; dan Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

keluaran mereka memenuhi keperluan operasi latihan harian, di samping memberikan keyakinan kepada tenaga pengajar dan para pelatih.

Bagi organisasi seperti mereka katanya lagi, di mana aspek keselamatan dan hasil latihan adalah sangat diutamakan, Piper merupakan rakan strategik yang tepat untuk menyokong visi jangka panjang kami dalam latihan juruterbang.

Ketua Bahagian (Pelaburan), Bahagian Pelaburan, Kementerian Kewangan, Awang Ahmad Fathi bin Dato Paduka Haji Junaidi yang juga merupakan Pengarah di Piper Aircraft Inc. pula menjelaskan bahawa melalui kerjasama ini, mereka berpeluang untuk terus memperkukuhkan kedudukan NBD untuk menjadi hab serantau bagi penerbangan am.

Tambahnya, ini termasuk mewujudkan peluang dalam Bidang Latihan Penerbangan, Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik-Pulih (MRO), operasi sokongan pesawat, kepakaran teknikal serta pelbagai perkhidmatan berkaitan penerbangan yang akan menyumbang kepada pembangunan ekosistem penerbangan yang mampan.

Kerjasama ini meletakkan Syarikat Piper Aircraft dan Syarikat AAG sebagai penyumbang penting kepada pembangunan bakat penerbangan di peringkat global, sekali gus menunjukkan keserasian syarikat pengeluaran pesawat dan organisasi latihan dapat bekerjasama dalam menangani kekurangan juruterbang serta memodenkan infrastruktur latihan penerbangan.

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI, MEMPERKUKUH KETERJAMINAN MAKANAN

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

RIMBA, Rabu, 5 Ogos. - Antrique Holdings Pte. Ltd. (Antrique), menerusi anak-anak syarikatnya di Negara Brunei Darussalam (NBD), pagi tadi melancarkan Platform Inovasi Kecerdasan Buatan (AI) yang menandakan bermulanya pembinaan Kampus Inovasi AI serta pelancaran AI-Powered Food Innovation Initiative.

Platform yang dikuasakan oleh NVIDIA berkenaan menggabungkan AI, tenaga boleh diperbaharui dan aplikasi industri sebenar bagi mempercepat usaha kepelbagaian ekonomi negara, memperkukuh keupayaan AI tempatan serta menyokong agenda transformasi digital selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Sehubungan itu, Majlis Peletakan Batu Asas disempurnakan oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut hadir, wakil Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di NBD, pegawai-pegawai kanan kerajaan, wakil industri serta rakan-rakan strategik.

Dalam ucapan perasmian, Yang Berhormat menegaskan bahawa pelancaran AI-Powered Food Innovation Initiative oleh Envolv Sdn. Bhd. serta Majlis Peletakan Batu Asas bagi pembinaan Kampus Inovasi AI berkenaan membuktikan komitmen berterusan dalam memanfaatkan teknologi bagi meningkatkan produktiviti,

memperkukuh keterjaminan makanan dan memacu pembangunan mampan.

Menurut Yang Berhormat lagi, inisiatif yang menggabungkan AI, tenaga boleh diperbaharui dan pertanian berketepatan tinggi (precision agriculture) berkenaan adalah selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 untuk membangunkan ekonomi yang berasaskan pengetahuan, inovasi dan teknologi.

Yang Berhormat turut menyeru agar kerjasama yang lebih erat dapat diperkukuh antara agensi kerajaan, institusi akademik dan sektor swasta dalam memacu inovasi serta memastikan penggunaan teknologi memberi manfaat yang bermakna kepada negara, di samping menyokong usaha kepelbagaian ekonomi NBD.

Platform Inovasi AI berkenaan dibangunkan berasaskan infrastruktur AI NVIDIA dan menjadi teras utama inisiatif berkenaan.

Aplikasi utama platform berkenaan ialah AI-Powered Food Innovation Initiative, yang dimulakan melalui pembangunan ladang kopi berasaskan AI dengan menggabungkan teknologi AI, tenaga boleh diperbaharui dan pertanian berketepatan tinggi bagi meningkatkan produktiviti, kelestarian serta kualiti hasil tanaman.

Selain itu, projek berkenaan dijangka menghasilkan set data yang diyakini bagi menyokong pembangunan model AI yang disesuaikan dengan keperluan negara sebelum diperluaskan



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri semasa menyempurnakan Majlis Peletakan Batu Asas.

secara berperingkat ke sektor pertanian, akuakultur, perikanan serta sektor-sektor strategik yang lain.

Semasa berucap pada Bengkel AI4BRUNEI, yang dianjurkan dengan kerjasama NVIDIA dengan menghimpunkan pihak berkepentingan daripada sektor kerajaan dan rakan-rakan strategik, Kuasa Usaha Kedutaan AS di Brunei Darussalam, Laura Brown berkata, AS komited menyokong pembangunan ekosistem inovasi NBD melalui teknologi, perkongsian pengetahuan dan pembangunan keupayaan.

Menurutnya lagi, kerjasama dengan syarikat-syarikat teknologi AS, termasuk NVIDIA, bukan sahaja memberi manfaat kepada rakyat NBD, malah terus memperkukuh hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Sementara itu, Pengarah Antrique, Alvina Lau pula menjelaskan bahawa AI mampu

memberikan impak yang paling besar apabila diaplikasikan bagi menyelesaikan cabaran dunia sebenar.

Tambahnya, dengan memanfaatkan infrastruktur AI NVIDIA, Antrique sedang membangunkan sebuah platform inovasi AI yang dibangunkan, diuji dan dilaksanakan dari NBD, dengan matlamat menghasilkan penyelesaian AI yang mampu memperkukuh ekonomi negara serta memberi manfaat di peringkat antarabangsa.

Beliau turut memaklumkan bahawa syarikat berkenaan merancang membangunkan TokenFactory, iaitu sebuah platform yang membolehkan penciptaan dan pengkomersialan aset digital yang dipercayai dan sedia AI, model AI khusus serta penyelesaian pintar.

Inisiatif berkenaan katanya lagi dijangka membuka peluang kepada NBD untuk mengeksport teknologi berasaskan AI dan

memperkukuh kedudukan negara dalam ekonomi AI global.

Pada masa yang sama, Antrique turut meneroka peluang kerjasama dengan universiti-universiti serta institusi penyelidikan antarabangsa terkemuka, termasuk Massachusetts Institute of Technology (MIT), dalam bidang penyelidikan, inovasi, pembangunan bakat dan pengkomersialan teknologi.

Pelancaran Platform Inovasi AI menandakan satu lagi pencapaian penting dalam kerjasama Antrique dengan NVIDIA serta mencerminkan usaha berterusan semua pihak dalam memperkukuh ekosistem AI negara.

Melalui gabungan teknologi bertaraf dunia, infrastruktur mampan dan aplikasi industri yang praktikal, NBD diyakini berpotensi muncul sebagai hab inovasi AI yang diyakini bagi inovasi AI dan penyelesaian berasaskan AI yang berdaya saing di peringkat serantau dan global.

JPMC terus memperkukuh masa depan sektor penjagaan kesihatan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 Ogos. - Jerudong Park Medical Centre (JPMC) meraikan satu lagi pencapaian penting dalam komitmennya untuk membangunkan tenaga kerja penjagaan kesihatan masa depan Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Majlis Menandatangani Perjanjian Anugerah Biasiswa JPMC 2026.

Majlis menghimpunkan para penerima biasiswa, ahli keluarga serta para jemputan bagi meraikan permulaan lembaran baharu buat bakal profesional penjagaan kesihatan, di samping mengiktiraf kejayaan kumpulan pertama penerima Biasiswa JPMC.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Kuliah, Aras RF, Bangunan Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC) berkenaan, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, yang juga selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC.

Sementara itu, Pengurus Sumber Manusia JPMC, Jang Tracy Ramantan-McGlynn dalam ucapan alu-aluannya menegaskan semula komitmen berterusan organisasi untuk melabur dalam pembangunan modal insan sebagai asas kepada penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti.

Menurutnya lagi, setiap

penerima biasiswa yang mereka sokong merupakan satu pelaburan bagi masa depan penjagaan kesihatan di NBD. Sejak program biasiswa berkenaan diperkenalkan pada 2023, komitmen mereka kekal sama, iaitu menyokong rakyat NBD yang berbakat untuk menceburi kerjaya dalam bidang penjagaan kesihatan serta melengkapkan mereka dengan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang diperlukan bagi membawa perubahan yang bermakna.

Majlis pada tahun ini turut mencatat satu lagi detik bersejarah apabila JPMC meraikan graduasi kohort sulung Penerima Biasiswa JPMC, dengan tiga penerima biasiswa berjaya menamatkan pengajian mereka dan bersedia untuk memulakan kerjaya profesional di JPMC.

Kejayaan mereka membuktikan keberkesanan program biasiswa berkenaan dalam melahirkan bakat tempatan serta memperkukuh tenaga kerja penjagaan kesihatan negara.

Hasil proses pemilihan yang teliti, JPMC menganugerahkan biasiswa kepada lima pelajar yang akan melanjutkan pengajian di JPMC College of Health Sciences terdiri daripada Dayang Nur'Aisyah Farzanah Batrisyia binti Ahmad yang akan mengikuti program Sijil Asas Sains (Foundation in Science) sebelum meneruskan pengajian ke program Ijazah



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa sesi bergambar ramai bersama para penerima biasiswa pada Majlis Menandatangani Perjanjian Anugerah Biasiswa JPMC 2026.

Sarjana Muda Sains dalam Kejururawatan (Bachelor of Science in Nursing).

Sementara itu, Awang Muhammad Rizman bin Ratino, Dayang Nur Hafizah Rashidah binti Julkafl, Dayang Hajah Razan Dzarifah @ Naqibah binti Haji Zaini, dan Dayang Nursuhairatul Bazilah binti Muhammad Suhairman Abdullah Litoh/Mohamad Suhairman bin Litoh pula akan memulakan pengajian dalam program Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejururawatan.

JPMC turut memperluaskan program biasiswa tahun ini bagi menyokong pembangunan profesional warga kerjanya melalui

dua biasiswa khas untuk kakitangan dalaman.

Pegawai Saintifik Perubatan Kanan, Racheal Tang Lee Chau yang juga merangkap Ketua Unit Hematologi di Jabatan Makmal telah dianugerahkan biasiswa untuk mengikuti Ijazah Sarjana Sains dalam Hematologi dan Transfusi.

Sementara Dayang Era Nuvita @ Qanitha Inarah binti Sapar yang merupakan Jururawat di Bilik Bedah Pusat Maksilofasial, Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif, menerima biasiswa untuk melanjutkan pengajian dalam program Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejururawatan.

Program Biasiswa JPMC

mencerminkan pelaburan berterusan organisasi dalam membangunkan profesional penjagaan kesihatan tempatan serta menyokong aspirasi negara untuk membentuk tenaga kerja penjagaan kesihatan yang mampan dan berkemahiran tinggi.

Dengan menyediakan peluang kepada bakal profesional dan kakitangan sedia ada untuk melanjutkan pendidikan mereka, JPMC terus memperkukuh masa depan sektor penjagaan kesihatan di NBD, sekali gus memastikan para pesakit terus menerima perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi dan penuh belas ihsan untuk generasi akan datang.



**JABATAN DAERAH
TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Jawatan Kosong Sebagai

**Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3
(BND2,270 - BND 4,240)**

Atau

**Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2
(BND 1,990 - BND 2,970)**

Atau

**Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1
(BND 1,280 - BND 2,270)**

bagi

Daerah Temburong

**Kampung Lepong Baru, Mukim
Bokok**

**Tatacara Menghadapkan Borang
Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut:-

Unit Pentadbiran,



**Bahagian Institusi Mukim
dan Kampung
Jabatan Daerah Temburong
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah pada
Sabtu, 23 Rabiulawal 1448H
bersamaan 5 September 2026M,
jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian
+673 5221110.

Kampung-Kampung
Tadahan Jawatan Kosong
Ketua Kampung Lepong Baru,
Mukim Bokok,
Daerah Temburong

**Ketua Kampung Lepong Baru,
Mukim Bokok**

**Kampung Lepong Baru
Kampung Lepong Lama
Kampung Semabat
Kampung Temada
Kampung Kenua**



Yuran:

Dikenakan Bayaran
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:

Khamis,
13 Ogos 2026,
Jam 8.00 Pagi



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Sebut Harga Bagi
Rancangan Pemakanan
Sekolah Dan Program Harapan
2026**

**DA / JKSH / 92 / 2026 / 2027
[SV-OGOS-2026]**

**Sebut Harga Bagi
Pembelian Dua (2) Unit
interactive Flat Panel (Smart TV)
Bagi Dewan-Dewan
Persidangan Pusat Serantau
SEAMEO VOCTECH**



**Bayaran Yuran
Sebut Harga:
BND5.00**

Tarikh Tutup / Waktu:

Sabtu,
22 Ogos 2026
Jam 9.00 Pagi



**JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

**Tawaran Bagi
Rectification Works
For The Existing Electrical
Power Supply For
The Low-Level Windshear
Alert System (LLWAS)
Remote Station, Brunei
Darussalam Meteorological
Department**

Bilangan Tawaran:
JKBD / 2026 / SH-08

Tarikh Tutup:
Rabu,
26 Ogos 2026

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaca
Brunei Darussalam
Tingkat 1,
Aras Permukaan, Blok B23
Flat Anggerek Desa,
Simpang 32-37
Kampung Anggerek Desa,
Mukim Berakas BB3713
Negara Brunei Darussalam.



**Tawaran Bagi
The Supply And Delivery Of
Ultrasonic Wind Sensor
For Meteorological Systems,
Negara Brunei Darussalam
Meteorological Department**

Bilangan Tawaran:
JKBD / 2026 / SH-07

Tarikh Tutup:
Rabu,
19 Ogos 2026

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaca Brunei
Darussalam
Tingkat 1,
Aras Permukaan, Blok B23
Flat Anggerek Desa,
Simpang 32-37
Kampung Anggerek Desa,
Mukim Berakas
BB3713
Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

**ATELS / 2026 / SH-12
Sebut Harga Bagi
Supply And Delivery
Of Accessories And Spare Parts
For The Ground
Movement Frequency
Communication System At
Brunei International Airport**

Tarikh Tutup:
Rabu
19 Ogos 2026

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga,
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat,
Jabatan Penerbangan Awam,
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi,
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 037 / 2026

Tajuk:
Menaiktaraf 11KV Metaclad
Switchgear & Pengukuhan
Rangkaian Bagi Stesen
Pensuisan E-Government
(RECALL)

Tarikh Tutup:
Selasa
18 Ogos 2026



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
TERMINAL / 2026-2027 / SH-07
The Supply, Delivery,
Installation, Testing, And
Commissioning Of
Airport Network Switches
For Various Locations At
Brunei International Airport

Tarikh Iklan / Mengambil

Jam 2.00 Petang

Tender Fee:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian
Pembangunan dalam Kelas 4
atau 5 dan mempunyai Kategori
E02 & E03 dan mempunyai
pekerja yang berdaftar dengan



JPE dalam kategori E03

Dokumen-dokumen tawaran
dan penerangan yang lanjut
bolehlah diperoleh dari
**Bahagian Kaunter
Unit Tawaran dan Sebut Harga,
Tingkat 4, Jabatan
Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.**



**Dokumen Sebut Harga /
Tawaran :**
Rabu
12 Ogos 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga /
Tawaran :**
Selasa
25 Ogos 2026

**Tarikh Tutup Sebut Harga /
Tawaran :**
Rabu
26 Ogos 2026
tidak lewat jam 2.00 Petang

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat

Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

DA / JKSH / 78 / 2026 / 2027
[BPPA-OGOS-2026]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Jamuan Bagi Raptai 1, 2, 3 Dan Hari Kemuncak Acara Sambutan Hari Guru Kali Ke-36, Tahun 2026, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam

Tempat :

Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (ICC)

Hari Raptai :

Ahli Jawatankuasa Tertinggi Dan Ketua-Ketua Jabatan :
1. Raptai Pertama
2. Raptai Kedua
3. Raptai Penuh
Hidang (Buffet – Dome)

Hari Kemuncak :

1. VIP 1 – Hidang (Cocktail Style)
2. VIP 2 – Hidang (Buffet – Dome)

DA / JKSH / 79 / 2026 / 2027
[BPPA-OGOS-2026]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Jamuan Bagi Raptai 1, 2, 3 Dan Hari Kemuncak Sambutan Hari Guru Kali Ke-36, Tahun 2026, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam

Tempat :

Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (ICC)

1. Penerima Anugerah dan Pengiring – Hidang (Buffet)

DA / JKSH / 80 / 2026 / 2027
[BPPA-OGOS-2026]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Jamuan Bagi Raptai 1, 2, 3 Dan Hari Kemuncak Sambutan Hari Guru Kali Ke-36, Tahun 2026, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam

Tempat :

Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (ICC)

1. Peserta Persembahan – (Penuntut) - Hidang (Serving)
2. Pancaragam Pasukan Polis – Hidang (Buffet)

4. DA / JKSH / 81 / 2026 / 2027
[BPPA-OGOS-2026]

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Jamuan Bagi Raptai 1, 2, 3 Dan Hari Kemuncak Sambutan Hari Guru Kali Ke-36, Tahun 2026, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam

Tempat :

Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (ICC)

1. Ahli Jawatankuasa Kerja (Buffet / Tapau)

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu,
22 Ogos 2026
(Jam 9.00 Pagi)

Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan KantinDA / JKSH / 82 / 2026 / 2027
[BPPA-OGOS-2026]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun [Kantin Bahagian Blok A]

Harga Sewa Kantin :
BND538.00 sebulan

DA / JKSH / 83 / 2026 / 2027
[BPPA-OGOS-2026]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Sultan Hassan Bangar, Daerah Temburong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND118.00 sebulan

DA / JKSH / 84 / 2026 / 2027
[BPPA-OGOS-2026]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Selangan, Daerah Temburong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND43.00 sebulan

DA / JKSH / 85 / 2026 / 2027
[BPPA-OGOS-2026]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Negalang, Daerah Temburong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND30.00 sebulan

DA / JKSH / 86 / 2026 / 2027
[BPPA-OGOS-2026]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya Sengkarai, Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin :
BND110.00 sebulan

DA / JKSH / 87 / 2026 / 2027
[BPPA-OGOS-2026]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Menengah Masin, Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun [Kantin Bahagian Blok B]

Harga Sewa Kantin :
BND584.00 sebulan

DA / JKSH / 88 / 2026 / 2027
[BPPA-OGOS-2026]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun [Kantin Bahagian Blok A]

Harga Sewa Kantin :
BND762.00 sebulan

Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar Toner / Cartridge
PrinterDA / JKSH / 90 / 2026 / 2027
[UPP-OGOS-2026]

Sebut Harga Bagi Membekal Dan Menghantar Toner / Cartridge Printer Bagi Kegunaan Di Bawah Kawalan Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.

Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar Peralatan /
Perkakas KebersihanDA / JKSH / 91 / 2026 / 2027
[UPP-OGOS-2026]

Sebut Harga Bagi Membekal Dan Menghantar Peralatan / Perkakas Kebersihan Bagi Simpanan Unit Perbekalan Dan Stor, Bahagian Perkhidmatan Kewangan Dan Perbekalan, Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu,
22 Ogos 2026
Jam 9.00 Pagi

DA / JKSH / 89 / 2026 / 2027
[BPPA-OGOS-2026]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Menengah Sayyidina Othman, Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun [Kantin Bahagian Blok B]

Harga Sewa Kantin :
BND685.00 sebulan

**Bayaran Yuran
Sebut Harga :**
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu,
22 Ogos 2026
Jam 9.00 Pagi

JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN,
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

JPt / TAW / 09 / 2026-2027:
Pemeliharaan Saliran Ladang
Bagi Kawasan Kemajuan
Pertanian Di Daerah Belait
Bagi Tempoh
Dua (2) Tahun.

Yuran Tawaran:
BND30.00

Borang Tawaran:
BND15.00

Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang pada
Selasa,
8 September 2026.



Pemberitahuan Tawaran

Tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan masukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam :-

Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang
pada Selasa,
8 September 2026.

JPt / TAW / 10 / 2026-2027:
Pemeliharaan Saliran Ladang
Bagi Kawasan Kemajuan
Pertanian Di Daerah Brunei
Muara Zon 'F' Bagi
Tempoh Dua (2) Tahun.

(Yuran Tawaran BND10.00 |
Borang Tawaran BND15.00)



Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:

IKAN / 78(Q) / 0030 / 2026
Membekal Dan Menghantar Toner
Dan Ink Catridges Untuk
Kegunaan Jabatan Perikanan,
Kementerian Ekonomi,
Perdagangan Dan Industri Dari
Ogos 2026 Hingga Mac 2027

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis

13 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang



Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:

IKAN / 78(Q) / 0031 / 2026
Term Contract For
Air Conditioning System In The
Buildings Under
The Department Of Fisheries,
Negara Brunei Darussalam For 12
Months

Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:

IKAN / 78(Q) / 0032 / 2026
To Supply And Install Ring
Compressor Blower And
Control Panel At Meragang,

Department Of Fisheries

Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:

IKAN / 78(Q) / 0033 / 2026
To Supply And Delivery Of
Media Laboratory Consumables
For Antimicrobial Susceptibility
Testing For Microbroth Dilution
Method

Tarikh Tutup Sebut Harga :

Khamis
13 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang





KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / TA / TL / 002
[JPPK / LTN / 05 / 2024]
Five (5) Years + Two (2) Years
Term Contract For The
Facilities Management And
Maintenance Of
Royal Brunei Naval Base,
Ministry Of Defence,
Brunei Darussalam

Kelas:
V dan Ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja :
Tujuh (7) Tahun

Yuran Tawaran:
BND5,000.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran Dokumen:
(MINDEF SOR 2019)
(Tidak Dikembalikan):
BND500.00 satu set
(dalam bentuk CD)*

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah pada
Selasa, 25 Ogos 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
29 September 2026
2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / TA / BKS / 004
[JPPK / LTN / 08 / 2025]
Five (5) Years + Two (2) Years
Term Contract For The Facilities
Management And. Maintenance
Of Berakas Garrison, Bangar
Camp And Pulau Baru-Baru,
Royal Brunei Armed Forces,
Ministry Of Defence,
Brunei Darussalam

Kelas:
V dan Ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Tujuh (7) Tahun

Yuran Tawaran:
BND5,000.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran Dokumen:
(MINDEF SOR 2019)
(Tidak Dikembalikan):
BND500.00 satu set
(dalam bentuk CD)*

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah pada
Selasa, 25 Ogos 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
29 September 2026
2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / TU / TA / 09 (NAU)
Pembelian Locking Set Bagi
Tentera Udara Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
satu minggu sebelum
tarikh tutup tawaran, iaitu
Rabu, 26 Ogos 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 1 September 2026
2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
DCA / AFS / 2026 / 2027 / SH-10
Inspection And Maintenance Of
Fire Protection System For
Brunei International Airport,
Terminal Building

Tarikh Tutup:
Selasa, 18 Ogos 2026



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / TA / BOL / 001
(JPPK / LTN / 02 / 2026)
Proposed Design And Build
Installation Of Temporary
Prefabricated Cabins For Military
Police Armstroke RBAF,
Bolkiah Garrison

Kelas:
IV dan Ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
IV & V Sahaja

Kategori:
KA01 Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 17 / BKTGS /
2026-T / IV

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Tanah
Susur di Jalan Nenas Sanggul,
STKRJ Katok

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa
18 Ogos 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
1 September 2026
Jam 2.00 Petang



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas :
V & VI

Kategori :
B01 Kod Baharu

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 15 / CQS /
2026-T / V

Nama Projek:
Mereka Bentuk Dalam Balai
Pameran Pusat Da'wah Islamiah,
Kementerian Hal Ehwal Uagama

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
11 Ogos 2026

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
8 September 2026,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang



JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 78 / 26 - 27
Perkhidmatan Jamuan Bagi
Program Latihan Pusat
Perkembangan Penyiaran Untuk
Tempoh Enam (06) Bulan

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)



Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan) (Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 19 Ogos 2026
Jam 2.00 petang

Tempoh Penyiapan Kerja:
Tiga (3) Bulan

Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 11 Ogos 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 18 Ogos 2026
2.00 Petang



BIBD MENDUKUNG PERTUMBUHAN EKONOMI MELALUI PELABURAN, KERJASAMA STRATEGIK

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

JERUDONG, Jumaat, 7 Ogos. - Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) mengukuhkan semula peranannya sebagai rakan kongsi yang dipercayai di Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam pembangunan negara semasa Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) 2026, dengan menegenahkan daya tahan kewangan yang berterusan, transformasi strategik serta sumbangan bermakna terhadap pembangunan ekonomi dan sosial negara.

AGM tersebut dipengerusikan oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BIBD, serta dihadiri oleh Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Badan Penasihat Syariah, pasukan pengurusan dan para pemegang saham.

Semasa AGM itu, dimaklumkan bahawa pada tahun 2025, Kumpulan BIBD mencatatkan keuntungan bersih sebanyak BND121.6 juta, yang mencerminkan kekuatan model perniagaannya, pelaksanaan yang berdisiplin serta komitmen untuk memberikan nilai mampan kepada pihak berkepentingannya. Kumpulan BIBD juga mengekalkan penarafan kredit A- (Stabil) daripada S&P Global Ratings - penarafan yang telah dikekalkan sejak tahun 2015 -sekali gus menyerahkan daya tahan kewangan, tadbir urus yang kukuh, kedudukan modal yang mantap serta pengurusan risiko yang berhemat.

Kunci kira-kira Kumpulan BIBD kekal kukuh, memperkukuh kedudukannya sebagai rakan kongsi kewangan yang dipercayai dan penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi negara. Jumlah aset meningkat kepada BND11.39 bilion, manakala deposit pelanggan berkembang kepada BND8.62 bilion, mencerminkan keyakinan berterusan yang diberikan oleh pelanggan dan pihak berkepentingan terhadap Kumpulan BIBD.

Disokong oleh amalan tadbir urus dan pengurusan risiko yang berhemat, Kumpulan BIBD kekal berada pada kedudukan yang baik untuk menyokong pertumbuhan mampan merentas ekonomi. Berpandukan prinsip Maqasid Syariah dan selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, BIBD terus fokus untuk menjana nilai jangka panjang bagi para pemegang saham, pelanggan, masyarakat dan negara. Berteraskan falsafah 'Bruneian at Heart' (Jiwa Brunei), bank ini terus mengusahakan pertumbuhan yang bertanggungjawab, inklusif dan mampan sambil menyumbang kepada kemakmuran jangka panjang NBD.

Mengulas mengenai prestasi dan prospek bank, Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah BIBD berkata, "Prestasi kami mencerminkan kepercayaan yang terus diberikan oleh pelanggan, pemegang saham dan pihak berkepentingan kepada BIBD. Berpandukan Maqasid Syariah dan selaras dengan Wawasan Brunei 2035, kami kekal fokus untuk menjana nilai mampan sambil menyokong pembangunan ekonomi dan sosial negara.

"Walaupun kami berbesar hati dengan kemajuan yang dicapai, kami

menyedari bahawa persekitaran operasi kami semakin dinamik dan kompleks. Gangguan teknologi, jangkaan pelanggan yang sentiasa berubah, ketidaktentuan ekonomi dan pertimbangan kelestarian menuntut kami untuk terus menyesuaikan diri serta memperkukuh keupayaan kami. Sebagai institusi kewangan Islam, kami mengukur kejayaan bukan sahaja melalui prestasi kewangan, malah melalui impak positif yang kami hasilkan untuk pelanggan, masyarakat dan negara. Berpegang teguh pada nilai-nilai kami, kami kekal komited terhadap pertumbuhan yang bertanggungjawab, tadbir urus yang kukuh dan sumbangan yang bermakna, bagi memastikan BIBD terus berkhidmat untuk Brunei Darussalam dengan penuh integriti, sifat rendah diri dan tujuan yang jelas".

Memandangkan landskap perkhidmatan kewangan terus berkembang, BIBD kekal fokus untuk mempercepatkan perjalanan transformasi digitalnya melalui pelaburan strategik dalam teknologi, inovasi dan automasi bagi meningkatkan pengalaman pelanggan, daya tahan operasi serta penyampaian perkhidmatan.

Melalui inisiatif seperti pembayaran bil USMS dan penghantaran OTP menerusi WhatsApp, BIBD telah memudahkan urusan pelanggan, memperluas aksesibiliti dan meningkatkan keselesaan dalam perkhidmatannya.

BIBD juga memperkukuh agenda inovasinya menerusi inisiatif automasi yang dianggarkan dapat menjimatkan lebih 4,600 jam masa setahun, di samping memajukan projek automasi dipacu pemiagaan serta menilai teknologi baharu seperti Kecerdasan Buatan (AI), Pembelajaran Mesin (Machine Learning) dan Sains Data untuk meningkatkan kecekapan operasi dan nilai kepada pelanggan.

BIBD menyedari bahawa inovasi bermula daripada warganya dan terus melabur dalam pembangunan bakat tempatan serta pengukuhan keupayaan dalaman bagi memacu pertumbuhan dan transformasi yang mampan. Satu pencapaian penting pada tahun tersebut ialah kejayaan penganjuran 'Hackathon' peringkat bank, yang telah melahirkan 25 'Citizen Developer' (pembangun aplikasi dalaman) yang diiktiraf serta memperkukuh lagi keupayaan digital di seluruh organisasi.

Sepanjang tahun tersebut, BIBD memperkukuh daya tahan sibernya melalui pelaksanaan Pusat Operasi Keselamatan (SOC) dalaman yang berjaya serta memperoleh pensijilan ISO/IEC 27001:2022 bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumatnya. BIBD juga menyokong ekosistem keselamatan siber yang lebih luas sebagai penyokong utama Persidangan Keselamatan Siber Brunei 2025, sekali gus mengukuhkan komitmennya terhadap kerjasama industri dan kecemerlangan keselamatan siber.

BIBD terus memainkan peranan strategik dalam menyokong pembangunan ekonomi NBD dengan memudahkan pelaburan, menggerakkan modal dan memupuk kerjasama merentas industri.

Melalui perkongsian dengan pemiagaan, institusi dan pihak berkepentingan, BIBD menyumbang kepada inisiatif yang merangsang pertumbuhan, mengukuhkan daya saing dan meningkatkan daya tahan ekonomi, demi menyokong ekonomi

yang lebih dinamik dan pelbagai selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Satu lagi pencapaian penting pada tahun tersebut ialah kejayaan mengatur Kemudahan Murabahah Komoditi Sindikasi bernilai USD100 juta untuk Simpor Hibiscus Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat milik penuh Hibiscus Petroleum. Pembiayaan ini membuktikan keupayaan BIBD untuk menstruktur dan memudahkan penyelesaian pembiayaan berskala besar yang mematuhi syariah bagi menyokong pelaburan strategik dan pertumbuhan perniagaan.

Selain pembiayaan, BIBD terus memperluas akses kepada peluang pelaburan berasaskan nilai melalui penawaran pengurusan kekayaan Islamnya. Sepanjang tahun tersebut, bank mengukuhkan tawaran pengurusan kekayaannya dengan pelancaran Dana Kecairan Dipertingkat Islam LionBIBDS (LionBIBDS Islamic Enhanced Liquidity Fund) melalui kerjasama dengan Lion Global Investors, yang menyediakan penyelesaian pelaburan patuh syariah dan diuruskan secara profesional untuk menyokong matlamat kewangan jangka panjang pelanggan.

BIBD terus memperkukuh ekosistem keusahawanan negara, dengan mengiktiraf peranan penting Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam kepelbagaian ekonomi dan penciptaan peluang pekerjaan. Melalui inisiatif keusahawanan dan pembangunan komuniti, BIBD menyediakan platform yang membolehkan pemiagaan tempatan berkembang, meningkatkan daya saing dan mengakses peluang pasaran yang lebih luas. Usaha-usaha ini menyokong kelestarian perniagaan, menjana peluang ekonomi dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang lebih berdaya tahan dan inklusif.

BIBD kekal komited untuk memupuk pembangunan inklusif dan memperkukuh daya tahan komuniti melalui program-program yang mewujudkan peluang bermakna bagi golongan yang terdeah kepada risiko dan kurang mendapat akses kepada perkhidmatan. Melalui inisiatif utama seperti BIBD ALAF, BIBD SEED, Projek Teduh dan Projek TUNAS, pihak bank terus menyokong bidang pendidikan, keusahawanan, pemerkasaan belia dan kesejahteraan komuniti, sekali gus menyumbang kepada kemajuan sosial dan ekonomi yang berkekalan di seluruh negara.

BIBD juga bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan negara melalui inisiatif seperti Program Pembangunan Pemerkasaan dan Pemulihan di bawah Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, serta Pusat Kemahiran ASNAF di bawah Jabatan Zakat, Wakaf dan Baitulmal (JUZWAB), Kementerian Hal Ehwal Ugama. Inisiatif-inisiatif ini membantu melengkapkan para peserta dengan kemahiran praktikal, mewujudkan peluang ekonomi dan menggalakkan kemandirian jangka panjang.

Usaha-usaha ini mencerminkan kepercayaan BIBD bahawa kemajuan yang mampan dapat dicapai apabila individu dan komuniti diperkasakan untuk merealisasikan potensi penuh mereka serta menyertai masyarakat secara bermakna.

Selaras dengan prinsip Maqasid Syariah dan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG), BIBD terus menerapkan elemen kemampanan dalam strategi, operasi

dan proses membuat keputusannya.

Sebagai sebahagian daripada agenda kemampanannya, BIBD meneruskan inisiatif penanaman pokok yang bertujuan memelihara dan menghidupkan alam sekitar negara, manakala Inisiatif Pemuliharaan Terumbu Karang pula memupuk kesedaran yang lebih tinggi mengenai ekosistem marin yang mampan serta pemeliharaan sumber marin untuk generasi akan datang.

Inisiatif kemampanan pihak bank merangkumi pemuliharaan alam sekitar, amalan perniagaan yang bertanggungjawab dan usaha pendigitalan yang direka bentuk untuk menghasilkan impak positif jangka panjang terhadap masyarakat, ekonomi dan alam sekitar.

BIBD juga terus memperluas pendekatan yang mengutamakan digital melalui penggunaan borang dalam talian, penyelesaian digital dan proses dalaman yang lebih cekap, yang bukan sahaja meningkatkan kecekapan operasi malah mengurangkan penggunaan kertas serta kesan terhadap alam sekitar.

Selain usaha kelestariannya, pihak bank secara aktif mewakili NBD di platform-platform antarabangsa yang penting, termasuk Persidangan Antarabangsa mengenai Kewangan Islam dan Kelestarian (ICIFS) 2025, Forum ASEAN mengenai Masa Depan Kewangan yang diadakan di Bandar Seri Begawan, serta Persidangan Antarabangsa Ekonomi dan Kewangan Islam untuk Pembangunan Mampan yang dianjurkan di Ibu Pejabat Bank Dunia di Washington, D.C.

Melalui penglibatan ini, BIBD terus memperkukuh kedudukan negara ini dalam landskap kewangan Islam serantau dan global, serta menyumbang kepada perbincangan strategik mengenai kewangan Islam, kelestarian, ESG, pembangunan MSME dan masa depan sistem kewangan yang lebih beretika, inklusif dan berdaya tahan.

BIBD mengekalkan pensijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, termasuk ISO:9001 (Sistem Pengurusan Kualiti), ISO:22301 (Sistem Pengurusan Kesinambungan Perniagaan) dan ISO:27001 (Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat), yang mencerminkan komitmennya terhadap amalan terbaik global dari segi kualiti, daya tahan operasi dan keselamatan maklumat.

Bagi mengukuhkan lagi kekuatan institusinya, BIBD telah mengekalkan penarafan kredit A- (Stabil) daripada S&P Global Ratings sejak tahun 2015, yang membuktikan asas kewangan yang kukuh, tadbir urus yang baik dan pengurusan risiko yang berdisiplin.

Komitmen BIBD terhadap kecemerlangan turut diiktiraf menerusi beberapa anugerah antarabangsa berprestij pada tahun 2025, termasuk Bank Terbaik di Brunei dan Bank Terbaik bagi Tanggungjawab Sosial Korporat di Brunei pada Anugerah Kecemerlangan Euromoney 2025; Inovasi Terbaik dalam Perbankan Runcit (Brunei) dan Bank Paling Mampan (Brunei) pada Anugerah Perbankan International Banker 2025; Bank Terbaik bagi Penyelesaian Pengurusan Kekayaan Islam di Brunei Darussalam 2025 pada Anugerah Dana Islam Cambridge; Institusi Kewangan Paling Mampan Tahun Ini di Brunei 2025 pada Anugerah Tadbir Urus Baik Global (3G); dan Inisiatif Kesihatan dan Kesejahteraan Brunei



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika berucap.

Tahun Ini - Kategori Perbankan pada Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Asia 2025.

Pencapaian - pencapaian ini mengukuhkan reputasi BIBD sebagai institusi yang dipercayai, berdaya tahan dan berpandangan jauh, yang terus mendukung piawaian antarabangsa tertinggi sambil kekal berpegang teguh pada nilai-nilai integriti, tanggungjawab dan perkhidmatan.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah menyatakan, "Prestasi kami mencerminkan dedikasi warga kerja kami, keyakinan pelanggan serta kekuatan strategi jangka panjang kami. Kami menyedari bahawa landskap perbankan kini semakin dinamik, saling berkait dan dipacu oleh teknologi, yang membawa bersamanya peluang besar serta cabaran baharu".

"Melangkah ke hadapan, tumpuan kami kekal untuk membina organisasi yang lebih kukuh, tangkas dan bersedia menghadapi masa hadapan. Kami akan terus mempertingkatkan keupayaan digital, mengukuhkan daya tahan dalam operasi, mempererat hubungan dengan pelanggan serta menyokong pertumbuhan perniagaan dan komuniti di seluruh Brunei Darussalam. Komitmen kami bukan sekadar untuk mengekalkan kedudukan, malah untuk terus menambah baik, belajar dan berkembang agar kami dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pihak berkepentingan serta menyumbang secara bermakna kepada pembangunan jangka panjang negara".

Sambil meneruskan perjalanan transformasinya, BIBD kekal fokus untuk memperkukuh keupayaan, mengamalkan inovasi dan mempertingkatkan sumbangan terhadap pembangunan negara. Melalui pendekatan seimbang yang menggabungkan kekuatan kewangan, kemajuan teknologi, amalan perbankan yang bertanggungjawab dan impak kepada komuniti, BIBD komited untuk mewujudkan nilai yang berkekalan bagi semua pihak berkepentingan.

Dalam persekitaran yang semakin dinamik dan terus berubah, BIBD akan terus melabur dalam modal insan, teknologi, tadbir urus dan perkongsian strategik bagi memastikan ia kekal berdaya tahan, relevan dan bersedia untuk masa hadapan.

Berteraskan visi 'Bruneian at Heart', BIBD kekal komited untuk berkhidmat kepada negara dengan penuh iltizam, mewujudkan nilai mampan untuk pihak berkepentingan, memperkasakan komuniti serta menyumbang ke arah masa hadapan yang lebih berdaya tahan, inklusif dan makmur bagi NBD.

PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR ASAS PERTUMBUHAN MARITIM YANG MAMPAN



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, ihsan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Ogos. - Minggu Maritim Negara Brunei Darussalam (BDMW) 2026 dilancarkan secara rasmi pada majlis yang diadakan di Dermaga Diraja Brunei, di ibu negara, dengan membawa tema pada tahun ini 'Powering Maritime Excellence: Safe Seas, Thriving Economy, Future-Ready People'.

Dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), acara tersebut menjadi platform utama bagi menggalakkan dialog, inovasi dan kerjasama dalam sektor maritim.

Pelancarannya disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku Pengerusi MPABD, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos, yang hadir selaku tetamu kehormat.

Dalam ucaptamanya, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menekankan, tema tahun ini mencerminkan hubungan yang saling melengkapi antara keselamatan maritim, kemakmuran ekonomi dan pembangunan modal insan.

Menurut Yang Berhormat, perairan yang selamat membina keyakinan menarik pelaburan, manakala pelaburan mewujudkan peluang yang bermakna kepada rakyat, selain menegaskan bahawa keselamatan, sekuriti dan perlindungan alam sekitar merupakan asas kepada pertumbuhan maritim yang mampan dan bukan penghalang kepada pembangunan ekonomi.

Bagi menterjemahkan komitmen tersebut kepada tindakan, Yang Berhormat menggariskan dua keutamaan iaitu memanfaatkan keanggotaan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam International Association of Marine Aids to Navigation and Lighthouse Authorities (IALA) bagi memperkukuh kepulauan maritim negara melalui penambahbaikan bantuan navigasi, pemodenan Perkhidmatan Trafik Kapal (Vessel Traffic Services - VTS), memperkukuh peningkatan kompetensi teknikal serta memperluaskan kerjasama serantau, selain mempertingkatkan kesiapsiagaan operasi bagi Ship-to-Ship and Lay-Up Designated Area (SLDA).

Jelas Yang Berhormat, MPABD baru-baru ini telah melaksanakan latihan kesiapsiagaan yang disepadukan dengan Pelan Kontingensi Tumpahan Minyak Kebangsaan (National Oil Spill Contingency Plan - NOSOP) bagi menguji prosedur kecemasan,

sistem komunikasi serta penyelarasan antara agensi sebelum operasi komersial dimulakan.

Mengenai kepentingan pembangunan modal insan yang inklusif, Yang Berhormat turut menyatakan penghargaan terhadap penekanan BDMW 2026 kepada pembangunan belia, peningkatan keupayaan serta penglibatan wanita yang lebih aktif dalam sektor maritim.

Bagi merealisasikan matlamat jangka panjang tersebut, Yang Berhormat menyeru komitmen berterusan menerusi pelaksanaan projek secara pantas dengan tanggungjawab dan garis masa yang jelas; penyepaduan yang lancar antara kerajaan, industri dan teknologi; serta kerjasama kukuh melibatkan kerajaan, industri, institusi akademik dan pihak berkepentingan antarabangsa.

Yang Berhormat turut menegaskan, aspirasi strategik Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menjadi negara maritim yang terbesar tetapi perlu berusaha menjadi antara yang paling dipercayai dari segi tadbir urus, piawaian keselamatan serta perkhidmatan yang cekap dan boleh dipercayai.

Tambah Yang Berhormat, perairan yang selamat membina keyakinan, keyakinan memperkukuh ekonomi dan tenaga kerja yang bersedia menghadapi masa hadapan akan mengubah peluang kepada kemajuan negara yang berkekalan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Awang Haji Mohammad Ashraf bin Haji Bujang Yussop, disusuli dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Eksekutif MPABD, Kapten (B) Zil Husam bin Haji Abdul Rahman.

Dalam ucapannya, beliau antara lain menjelaskan, BDMW 2026 berperanan sebagai platform yang menghimpunkan agensi-agensi kerajaan, pihak industri, institusi akademik, organisasi antarabangsa serta bakal pemimpin maritim negara.

"Melalui platform ini, kita bertukar - tukar pandangan, memperkukuh kerjasama dan berganding bahu dalam membentuk masa depan sektor maritim NBD," ujar beliau.

Majlis itu turut menayangkan mesej video khas daripada Setiausaha Agung Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO), Arsenio Dominguez, yang memuji



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku Pengerusi MPABD semasa hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pelancaran Minggu Maritim Negara Brunei Darussalam 2026 di Dermaga Diraja Brunei (kiri dan atas).

komitmen berterusan NBD dalam memperkasa perkapalan yang selamat, terjamin, cekap dan mampan.

Dalam mesej tersebut, beliau mengiktiraf penyertaan NBD ke dalam Konvensyen Fasilitasi (FAL) IMO, pelaksanaan Maritime Single Window serta Pelan Strategik Navigating 2030 MPABD, di samping menggalakkan kerjasama berterusan bagi membentuk masa depan maritim yang lebih pintar, hijau dan inklusif.

Mesej khas daripada Setiausaha Agung International Organization for Marine Aids to Navigation (IALA), Francis Zachariae, pula menegaskan kepentingan kerjasama antarabangsa dalam memperkukuh bantuan navigasi marin, keselamatan maritim serta pembangunan mampan.

Mesej beliau juga menekankan pentingnya kerjasama antara pentadbiran maritim dalam meningkatkan keselamatan dan kecekapan navigasi demi manfaat komuniti maritim global.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat menyampaikan tanda penghargaan kepada para penaja dan penerima sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan

mereka kepada persatuan industri maritim dan pelabuhan NBD serta atas kecemerlangan MPABD dalam mengendalikan kecemasan maritim.

Manakala, pembentangan khas mengenai sejarah sektor maritim Negara Brunei Darussalam disampaikan oleh Dr. Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Acara berkenaan turut menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara Pusat Timbang Tara Brunei Darussalam (BDAC) dan Singapore Chamber of Maritime Arbitration (SCMA), serta Memorandum Persefahaman antara Anson International Sdn. Bhd. dan SPHI Marine Sdn. Bhd.

Para jemputan juga berpeluang mengunjungi pameran yang melibatkan penyertaan daripada agensi kerajaan, rakan industri, institusi pengajian tinggi dan organisasi antarabangsa.

BDMW 2026 menampilkan program komprehensif selama tiga hari bermula dari 6 hingga 8 Ogos 2026 yang merangkumi lapan tema utama termasuk Dialog Kepimpinan mengenai Masa Depan Maritim di ASEAN, Ship-to-Ship and Lay-Up Designated Area (SLDA), Ekonomi

dan Perdagangan Maritim; Kelestarian Maritim, Pembangunan Tenaga Kerja dan Bakat; Pelabuhan Pintar dan Pendigitalan; serta Keselamatan dan Sekuriti Maritim melalui operasi bersepadu.

Forum-forum yang diadakan menghimpunkan pelbagai penceramah terdiri daripada pakar industri di peringkat serantau dan antarabangsa yang berkongsi pengetahuan serta pandangan mengenai pelbagai isu penting dalam sektor maritim.

Selain forum yang dinamik, acara turut menyediakan ruang pameran yang melibatkan 70 pempamer daripada agensi kerajaan, sektor swasta, institusi pengajian tinggi dan organisasi antarabangsa. Pameran berkenaan menyediakan peluang bernilai untuk jaringan kerjasama dan peluang pembelajaran.

Turut hadir, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Duta-Duta Besar dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi, Ahli-ahli Lembaga Pengarah MPABD, pegawai-pegawai kanan kerajaan, wakil-wakil institusi pengajian tinggi serta rakan-rakan industri maritim.

BDMW 2026 berlangsung dari 6 hingga 9 Ogos 2026 di Dermaga Diraja Brunei.

Acara tersebut dibukakan untuk kunjungan orang ramai setiap hari bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang, kecuali pada hari Jumaat, di tutup sementara dari jam 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang, untuk memberi laluan kepada Sembahyang Jumaat.

Bagi mendapatkan jadual penuh forum, pameran dan aktiviti, orang ramai boleh melayari laman sesawang www.bruneimaritimeweek.com.

Kini memasuki edisi kali ketiga, BDMW terus mengukuhkan kedudukannya sebagai acara tahunan dan membuktikan komitmen teguh MPABD dalam memacu pembangunan serta pemodenan sektor maritim NBD secara berterusan.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Ekopelancongan : Memelihara Alam, Menjana Ekonomi'. Tarikh Tutup : 12 Ogos 2026
2. 'Belia Berdaya Saing, Negara Gemilang'. Tarikh Tutup : 19 Ogos 2026
3. 'Memperkasa Komuniti Melalui Perniagaan Berimpak Sosial'. Tarikh Tutup : 26 Ogos 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi

BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



BERTAKWALAH kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Waqiah, ayat 77-78 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya (apa yang diturunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) itu ialah Al-Quran yang mulia. Di dalam kitab yang tersimpan dengan baik (Luh Mahfuz)".

Sesungguhnya salah satu nikmat yang tidak ternilai ialah Allah Subhanahu Wata'ala takdirkan kita hidup menjadi umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam umat yang terbaik mengatasi umat-umat terdahulu kerana diturunkan kitab suci Al-Quran. Melalui Al-Quran inilah kita mendapat sumber kemuliaan yang mengangkat kedudukan dan memartabatkan kehidupan kita.

Al-Quran ialah kalamullah yang sangat mulia. Ia bukan sekadar tulisan untuk dibaca atau hiasan untuk dipamerkan, bahkan merupakan wahyu Ilahi yang menjadi

Memelihara kesucian ayat-ayat Al-Quran : Tanggungjawab setiap Muslim

petunjuk hidup manusia agar sentiasa berada di bawah rahmat dan keredaan-Nya. Oleh itu, menjadi kewajipan kita setiap ayat Al-Quran wajib dihormati, dimuliakan dan dipelihara kesuciannya daripada sebarang bentuk pencemaran. Menghormati Al-Quran tidak hanya terbatas menjaga adab sewaktu membacanya, ia menuntut penjagaan yang rapi meliputi tatacara menyimpan, proses mencetak, kaedah mempamerkan mahupun dalam hal menggunakan ayat-ayat suci tersebut. Ingatlah apa juga bentuk penggunaan ayat Al-Quran hendaklah selaras dengan tuntutan syariat. Kita dituntut untuk berwaspada agar tidak mendedahkan kalimah-kalimah suci ini kepada perbuatan yang merendah-rendahkan atau meletakkannya dalam keadaan yang boleh menghilangkan rasa hormat terhadap kesuciannya atau mencetuskan keadaan yang boleh menjejaskan kemuliaannya. Antara contoh nyata dalam masalah ini penulisan ayat-ayat Al-Quran atau zikir atau doa-doa yang mengandungi nama-nama yang diagungkan pada kain kapan. Tindakan sedemikian sebenarnya mendedahkan kalimah-kalimah suci tersebut kepada risiko pencemaran kehormatannya seperti terkena *sadid* iaitu cairan nanah bercampur darah daripada tubuh jenazah yang dikapankan. Mendedahkan apa yang wajib dimuliakan dan dihormati kepada perkara-perkara yang boleh mencemarkan kemuliaan dan merendahkan kehormatan adalah haram hukumnya di sisi syarak.

Ingatlah bahawa larangan ini bukanlah suatu perkara yang direka-reka, melainkan ia adalah ketetapan yang telah digariskan oleh para ulama muktabar. Di dalam Kitab Hasyiata : Qalyubi wa 'Umairah ada disebutkan yang maksudnya : "Para ulama telah sepakat berkata : Bahawa haram hukumnya menuliskan sesuatu dari ayat Al-Quran atau nama yang diagungkan pada sesuatu objek yang berkaitan dengan mayat kerana ia akan mendedahkan kalimah suci berkenaan kepada najis akibat terkena 'sadid' iaitu cairan nanah bercampur darah daripada tubuh jenazah". Malah penegasan hukum yang sama turut disebutkan di dalam kitab fiqh yang masyhur iaitu Fathul Muin

yang menyatakan bahawa haram menuliskan sesuatu daripada ayat Al-Quran dan nama-nama Allah Subhanahu Wata'ala pada kain kapan.

Begitu juga persoalan tentang ayat, doa atau zikir yang dituliskan pada kain penutup keranda, tidak banyak berbeza dengan persoalan penulisan pada kain kapan. Walaupun tujuan penulisan adalah baik, iaitu untuk *tabarruk*, namun larangannya tetap serupa. Hal ini kerana kain penutup keranda yang bertulis padanya ayat-ayat suci Al-Quran atau nama-nama yang diagungkan dijadikan penutup keranda kerana tujuan mengambil berkat itu amat mudah terdedah kepada pencemaran kotoran dan kerap kali disentuh oleh mereka yang tidak mempunyai wuduk. Maka sudah tentu, tujuan untuk mengambil berkat itu tidak akan tercapai sama sekali, lebih-lebih lagi tidak ada suruhan menuliskannya yang jelas daripada syarak untuk menulis kalimah-kalimah berkenaan pada objek sedemikian. Ingatlah, tujuan *tabarruk* hanya akan tercapai jika tidak timbul apa-apa perkara yang boleh membatalkan tujuan itu, contohnya membawa ayat-ayat Al-Quran dalam saku baju dengan tujuan *tabarruk*, tetapi tujuan *tabarruk*

ini tidak akan tercapai apabila kain tersebut terdedah kepada pencemaran kehormatannya seperti orang yang memakai baju itu dalam keadaan berhadapan besar atau membawanya ke tempat-tempat bernajis.

Maka jelaslah kepada kita bahawa penulisan ayat-ayat Al-Quran dikain atau objek yang dijadikan penutup keranda, mempunyai hukum yang sama dengan penulisan doa-doa tersebut pada kain kapan iaitu dari sudut keterdedahannya kepada kotoran dan tidak adanya nas syarak yang *sarih* menyuruh menuliskannya. Sesungguhnya menghormati ayat-ayat Al-Quran adalah wajib. Haram meletakkannya pada tempat yang kotor atau najis atau yang terdedah kepada kotoran atau najis atau pada tempat yang hina atau terdedah kepada penghinaan seperti membawanya ke negeri musuh yang dikhuatiri akan menyebabkannya mendapat penghinaan, haram menjualnya kepada

orang yang bukan Islam dan menyentuhnya tanpa ada wuduk.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Waqiah, ayat 79 :

Tafsirnya : "Yang tidak disentuh melainkan oleh hamba-hamba yang telah bersuci".

Oleh yang demikian, sebarang bentuk penulisan pada kain yang sentiasa terdedah kepada pengabaian dan kepada sentuhan orang awam itu adalah lebih baik ia ditiadakan demi menjaga kehormatannya. Ini termasuk juga trend mempamerkan pelekat ayat-ayat Al-Quran, zikir atau doa umpamanya pada bahagian atau sudut kenderaan yang tidak sepatutnya. Amalan yang kerap kita saksikan pada hari ini sebenarnya amat dibimbangi boleh mengheret kalamullah kepada merendahkan kehormatan dan pengabaian adab seperti terkena najis burung atau pelekat yang rosak menyebabkan maksud asal ayat Al-Quran menjadi tergantung atau salah.

Sama-samalah kita memelihara kesucian Al-Quran dalam setiap aspek kehidupan. Didiklah ahli keluarga kita supaya memahami adab terhadap Al-Quran sejak kecil. Jika kita benar-benar mencintai Al-Quran, maka kita akan sentiasa menjaga kemuliaan daripada sebarang bentuk penyalahgunaan atau penghinaan, sama ada disengajakan ataupun tidak. Sekiranya kita memiliki kain, sepanduk, bingkai atau bahan lain yang mengandungi ayat-ayat Al-Quran, hendaklah dipastikan penggunaannya tidak menjejaskan kesucian kalamullah. Jika sudah rosak atau tidak lagi digunakan, uruskanlah pelupusannya mengikut tatacara yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa agama. Marilah kita sama-sama menjadikan Al-Quran sebagai panduan hidup, membacanya setiap hari, mentadabur maknanya serta mengamalkan segala ajarannya.

Tafsirnya : "Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk (ke jalan) yang lebih lurus dan menyampaikan khabar gembira kepada orang-orang beriman yang mengerjakan amalan-amalan soleh bahawa sesungguhnya bagi mereka pahala yang besar". (Surah Al-Isra', ayat 9)

BDAC, SCMA perkukuh kerjasama melalui MoU dalam timbang tara maritim



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 6 Ogos. - Brunei Darussalam Arbitration Centre (BDAC) dan Singapore Chamber of Maritime Arbitration (SCMA), sebuah institusi timbang tara maritim antarabangsa, hari ini, memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) sebagai langkah strategik bagi memperkukuh kerjasama dalam bidang penyelesaian pertikaian maritim semasa Minggu Maritim Brunei Darussalam 2026 yang berlangsung di Hab Tenaga Brunei

Dermaga Diraja, di sini.

MoU tersebut ditandatangani oleh Pengerusi BDAC, Yang Arif Radin Safiee bin Radin Mas Basiuni dan Pengerusi SCMA, Chao Hick Tin.

Berucap pada majlis tersebut, Yang Arif Radin Safiee menekankan bahawa MoU tersebut mencerminkan komitmen bersama antara BDAC dan SCMA untuk memperkukuh penyelesaian pertikaian maritim melalui perkongsian pengetahuan, pembangunan kapasiti dan

MOU berkenaan ditandatangani oleh Pengerusi Brunei Darussalam Arbitration Centre, Yang Arif Radin Safiee bin Radin Mas Basiuni dan Pengerusi Singapore Chamber of Maritime Arbitration, Chao Hick Tin.

kerjasama profesional.

Menurutnya, kerjasama tersebut juga menyokong pembangunan berterusan sektor maritim Negara Brunei Darussalam (NBD) serta memperkasakan kedudukan BDAC sebagai sebuah pusat penyelesaian pertikaian alternatif di rantau ini.

Majlis diteruskan dengan ucapan khas daripada Chao Hick Tin yang mengetengahkan komitmen SCMA untuk menjalin kerjasama dengan BDAC untuk jangka masa yang panjang.

Beliau turut menekankan kepentingan kerjasama serantau, menggalakkan perkongsian pengetahuan, serta memajukan timbang tara maritim bagi memenuhi keperluan perdagangan rentas sempadan yang semakin berkembang dan menyokong pertumbuhan berterusan industri

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

maritim.

MoU ini merupakan satu pencapaian penting dalam memperkukuhkan kerjasama antara BDAC dan SCMA ke arah memajukan penyelesaian pertikaian maritim, mempereratkan kerjasama serantau serta menyokong pembangunan sektor maritim NBD melalui amalan penyelesaian pertikaian alternatif yang diiktiraf di peringkat

antarabangsa.

Hadir menyaksikan majlis tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD, Tuan Yang Terutama Yip Wei Kiat; Presiden Persatuan Undang-Undang NBD, wakil-wakil daripada Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam, Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei dan rakan-rakan industri maritim.



Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA



Memperingati penubuhan ASEAN Ke-59



ASEAN DAY
*Navigating
Our Future,
Together*

ASEAN (Association of Southeast Asian Nations) atau Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara mula ditubuhkan pada 59 tahun yang lalu iaitu 8 Ogos 1967 di Bangkok, Thailand. Penubuhan ini ditandatangani melalui Deklarasi ASEAN (juga dikenali sebagai Deklarasi Bangkok) oleh lima negara pengasas iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, dan Thailand.

Pembentukan ASEAN bertujuan mempercepat pertumbuhan ekonomi, memajukan pembangunan sosial dan budaya, serta memelihara keamanan dan kestabilan politik di Asia Tenggara.

Seiring perkembangan, keanggotaan ASEAN bertambah dengan penyertaan Negara Brunei Darussalam (1984), Viet Nam (1995), Laos dan Myanmar (1997), Kemboja (1999).

Sejak penubuhannya, ASEAN telah berkembang menjadi sebuah organisasi serantau yang penting.

Terkini ialah penyertaan Timor Leste sebagai anggota Ke-11 pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 di Kuala Lumpur pada 26 Oktober 2025. Ini menandakan babak baharu inklusiviti rantau dan komitmen terhadap perpaduan serantau.

Penambahan anggota baharu mengukuhkan serta meningkatkan status ASEAN sebagai pertubuhan yang benar-benar mewakili seluruh Asia Tenggara, membawa suara negara kecil dan muda ke pentas serantau.

Matlamat

Antara matlamat utama penubuhannya adalah untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial dan pembangunan budaya di rantau ini.

Penubuhannya juga bertujuan untuk menggalakkan keamanan dan kestabilan serantau, meningkatkan kerjasama aktif dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, sosial, teknikal, saintifik dan pentadbiran, serta membantu satu sama lain dalam latihan dan penyelidikan.

Selain itu, organisasi ini juga bertujuan untuk bekerjasama dalam meningkatkan penggunaan pertanian dan industri,

memperluaskan perdagangan dan memperbaiki infrastruktur pengangkutan dan komunikasi.

Moto

Moto ASEAN adalah 'One Vision, One Identity, One Community'.

Moto ini mencerminkan aspirasi dan tujuan organisasi untuk membina sebuah komuniti yang bersatu dan berdaya saing di kalangan negara-negara anggota.

Moto ini menekankan pentingnya visi bersama, identiti yang sama, dan usaha kolektif untuk mencapai kemakmuran dan keamanan di rantau Asia Tenggara.

Moto ini juga menggambarkan komitmen pertubuhan ini terhadap integrasi serantau dan kerjasama dalam pelbagai bidang, termasuk politik, ekonomi, dan sosial.

Piagam ASEAN

Piagam ASEAN atau ASEAN Charter merupakan dokumen penting yang menjadi asas undang-undang yang mengukuhkan asas pertubuhan ini sebagai sebuah komuniti serantau yang bersepadu dari segi politik, ekonomi dan sosiobudaya.

Piagam ini diterima pakai pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-13 pada November 2007 di Singapura. Ia ditandatangani oleh 10 negara anggota dan berkuat kuasa pada Disember 2008 selepas semua negara anggota meratifikasinya.

Komuniti ASEAN

Pada tahun 2015, untuk memperkukuh integrasi serantau, pertubuhan ini melancarkan Komuniti ASEAN yang terdiri daripada tiga tonggak utama : Komuniti Politik-Keselamatan, Komuniti Ekonomi dan Komuniti Sosio-Budaya.

Penubuhan komuniti ini bertujuan memperkukuh integrasi serantau dari segi tadbir urus politik, pembangunan ekonomi, serta pemerkasaan sosial dan budaya.

Wawasan Komuniti ASEAN 2045

Wawasan Komuniti ASEAN 2045 (ASEAN

Oleh : Norlia Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

Community Vision 2045 - ACV 2045), merupakan pelan jangka panjang yang disusun oleh negara-negara anggota ASEAN untuk membentuk sebuah komuniti serantau yang bersedia, berdaya tahan, inovatif, dinamik, dan berpaksikan rakyat menjelang tahun 2045, iaitu ketika ASEAN menyambut Ulang Tahun Ke-100 penubuhannya.

Pelan ini bertujuan memastikan pembangunan yang inklusif, mampan, dan memberi peluang kepada rakyat ASEAN bukan sekadar menerima manfaat, tetapi turut menjadi peserta aktif dalam pembangunan serantau. ACV 2045 akan menjadi peta hala tuju strategik selama 20 tahun yang berani, namun pragmatik untuk memimpin pembangunan rantau ini di tengah-tengah ketidakpastian global.

Wawasan baharu itu mencerminkan komitmen ASEAN terhadap ketahanan jangka panjang, keterangkuman dan kerjasama berterusan dengan rakan luar.

ACV 2045 disokong oleh empat pelan strategik meliputi Komuniti Politik-Keselamatan, Komuniti Ekonomi, Komuniti Sosiobudaya, dan Kesalinghubungan ASEAN.

Pelan strategik ini direka untuk membimbing ASEAN dalam menentukan keutamaan kerjanya sambil mengekalkan perpaduan, solidariti dan keputusan ASEAN. Peta hala tuju itu turut mengiktiraf keperluan untuk bekerjasama rapat dengan rakan luar termasuk dialog, sektoral dan rakan global.

Negara rakan dialog

Negara-negara rakan dialog memainkan peranan penting dalam dialog strategik, kerjasama ekonomi, keselamatan dan pembangunan serantau bersama ASEAN. Semua ini merupakan usaha meningkatkan kerjasama untuk mewujudkan rantau Asia Tenggara yang aman, stabil dan makmur.

Penglibatan yang menggalakkan dalam kalangan negara-negara rakan dialog menunjukkan ASEAN semakin disegani dan

mendapat kepercayaan kuasa-kuasa besar dunia. Kepercayaan yang terjalin melalui perkongsian itu membantu mengurangkan ketegangan demi keamanan dan kemakmuran.

Melalui hubungan ini, ASEAN sedang membentuk masa depannya sendiri untuk menjadi rantau yang aman, stabil, dan berdaya tahan, berteraskan rakyat serta berpandangan jauh, selaras pelan induk jangka panjang Wawasan Komuniti ASEAN 2045.

ASEAN kini mempunyai 11 rakan dialog iaitu Australia, Kanada, Republik Rakyat China, European Union, India, Jepun, Korea, New Zealand, Russian Federation, United Nations dan United States of America.

Kesimpulan

Negara-negara ASEAN terletak di rantau Asia Tenggara dan bekerjasama dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, politik, keselamatan, sosial dan budaya untuk mencapai matlamat bersama seperti pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial, kestabilan serantau dan penyelesaian pertikaian secara aman.

ASEAN berperanan besar dalam membina kestabilan serantau dan memperkukuh kedudukan ekonomi negara-negara Asia Tenggara.

Melalui kerjasama dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, diplomasi, pendidikan, dan alam sekitar, ASEAN terus berusaha untuk mencapai kemajuan dan kesejahteraan untuk semua negara anggotanya.

Kejayaan ASEAN bergantung kepada perpaduan, inovasi, dan kemampuan untuk menyesuaikan diri dengan cabaran-cabaran baharu, menjadikannya organisasi yang relevan dalam menghadapi masa depan yang semakin mencabar.

Pada 1 Januari 2026, Filipina telah mengambil alih Kepengerusan ASEAN daripada Malaysia dengan tema 'Menelusuri Masa Depan Kita, Bersama' memacu keutamaan ASEAN menerusi tiga tonggak iaitu Tunjang Keamanan dan Keselamatan, Koridor Kemakmuran serta Pemerkasaan Rakyat.

NEGARA-NEGARA rakan dialog memainkan peranan penting dalam dialog strategik, kerjasama ekonomi, keselamatan, dan pembangunan serantau bersama ASEAN. Semua ini merupakan usaha meningkatkan kerjasama untuk mewujudkan rantau Asia Tenggara yang aman, stabil dan makmur.

Penglibatan yang menggalakkan dalam kalangan negara-negara rakan dialog menunjukkan ASEAN semakin disegani dan mendapat kepercayaan kuasa-kuasa besar dunia. Kepercayaan yang terjalin melalui perkongsian itu membantu mengurangkan ketegangan demi keamanan dan kemakmuran.



Pesambah berunsurkan keagamaan, manifestasi ketaatan beraja

MAJLIS Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam adalah bacaan doa, memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dilanjutkan usia, sihat walafiat serta kekal karar memerintah negara, dengan hidayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala. Selain mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menjadikan negara sebagai sebuah Negara Zikir dengan celik Al-Quran setiap lapisan rakyatnya.

Awal Khatam Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam buat pertama kalinya diadakan pada 25 Julai 2011 bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-65 dengan melibatkan seramai 1,040 peserta dan kemudiannya diteruskan pada setiap tahun Hari Keputeraan baginda apabila ia mendapat respons yang positif dengan peningkatan jumlah penyertaan dan seterusnya majlis mula diadakan di Istana Nurul Iman.

Zahirkan rasa kesyukuran rakyat

Bagi melahirkan rasa kesyukuran rakyat dan penduduk kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan nikmat-Nya menjadikan Negara Brunei Darussalam (NBD) sentiasa berada dalam keadaan aman dan sejahtera di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam maka Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-80 bagi Tahun 2026 diadakan dengan Majlis Pelancaran Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran daripada peserta khatam seramai 1,708 terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di keempat-empat daerah iaitu kategori dewasa lelaki, dewasa perempuan, belia dan beliawanis serta penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja (STAR), kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili Sekolah-sekolah Ugama Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu dari Sekolah-sekolah Arab dan Al-Falah, Sekolah-sekolah Ugama, Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan STAR serta penuntut-penuntut sekolah di seluruh negara di bawah Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi.

Seperti tahun-tahun yang sudah, pada tahun ini Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali Khatam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80 berlangsung di Istana Nurul Iman dengan menjunjung keberangkatan Kebawah DYMM

dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Acara tahunan, manifestasi ketaatan beraja

Kemerduan alunan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dari 1,708 peserta khatam dari seluruh negara memenuhi ruang Dewan Persantapan Diraja, Istana Nurul Iman yang merupakan pesambah berupa doa rakyat di kesemua daerah Kehadapan Majlis Kebawah DYMM.

Bahkan keberangkatan baginda dan juga baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta kerabat diraja yang lain menyerikan lagi majlis yang penuh bermakna yang memperlihatkan kepada kita betapa tingginya baginda dan kerabat diraja menjunjung kesucian kitab suci Al-Quran dan bagi peserta-peserta khatam, ia merupakan satu penghormatan dan meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri mereka sebagai satu kenangan manis tidak akan dilupakan sepanjang hayat mereka.

Acara kemuncak yang mengumpulkan para pembaca Al-Quran dari keempat-empat daerah tersebut turut menadahkan tangan berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala untuk Kebawah DYMM semoga baginda dilanjutkan usia, sihat walafiat dan tetap dalam iman serta kekal karar memerintah NBD dengan hidayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Pesambah yang berunsurkan keagamaan ini sangat signifikan, ia menunjukkan kepada kita betapa kuat dan kukuhnya hubungan raja

Oleh : Ak. Jefferi Pg Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

dan rakyat yang sekali gus memperlihatkan betapa pentingnya pemerintahan beraja di NBD yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja (MIB).

Majlis Khatam Al-Quran 80 Kali merupakan amalan dalam menyerapkan lagi keteguhan untuk menjulang ajaran agama terutamanya dalam mengamalkan pembacaan Al-Quran dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara ini lebih-lebih lagi dalam kalangan kanak-kanak di samping untuk menjadikan NBD sebagai sebuah Negara Zikir dan rakyatnya celik Al-Quran sekali gus menjadikan negara ini sebuah negara 'Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur' sejajar dengan matlamat Wawasan 2035 dengan menerapkan nilai-nilai teras, iaitu berpegang teguh pada nilai Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan berpandukan Mazhab Syafie berpaksikan negara MIB.

Doa diutamakan, hasrat diteruskan

Doa diutamakan, hasrat diteruskan, nasib negara dipertahankan, masa depan negara akan terus dirancang dan dibangunkan, hasrat negara akan terus diusahakan, agar wawasan negara yang diimpikan dapat direalisasikan, berkat kerjasama padu daripada pihak yang berkaitan.

Begitulah akrabnya rakyat dan negara ini kepada Al-Quran Al-Karim dan begitulah juga eratnyanya dan mesranya hubungan raja dengan rakyat di negara ini selain baginda sering menitikberatkan rakyat baginda agar sentiasa menjadikan Al-Quran sebagai pendamping hidup.





Sila Imbas Untuk
Khutbah Lengkap



MEMELIHARA KESUCIAN AYAT-AYAT AL-QUR'AN: TANGGUNGJAWAB SETIAP MUSLIM

23 Safar 1448 / 7 Ogos 2026



Al-Qur'an ialah kalam Allah yang sangat mulia.
Wahyu ilahi yang menjadi petunjuk hidup manusia.

Setiap ayat Al-Qur'an wajib dihormati, dimuliakan dan dipelihara kesuciannya daripada sebarang bentuk pencemaran.



Kita dituntut untuk berwaspada agar tidak mendedahkan kalimah-kalimah suci ini kepada perbuatan:

- ✗ Merendah-rendahkan
- ✗ Meletakkannya dalam keadaan yang boleh menghilangkan rasa hormat terhadap kesuciannya
- ✗ Mencetuskan keadaan yang boleh menjejaskan kemuliaannya

CONTOH PERBUATAN DIELAKKAN



Penulisan ayat-ayat Al-Qur'an atau zikir atau doa-doa yang mengandungi nama-nama yang diagungkan pada kain kafan.



Ayat, doa atau zikir yang dituliskan pada kain penutup keranda.



Mempamerkan pelekat ayat-ayat Al-Qur'an, zikir atau doa umpamanya pada bahagian atau sudut kenderaan.



Sebarang bentuk penulisannya pada kain atau objek yang sentiasa terdedah kepada pengabaian dan kepada sentuhan orang awam

ADALAH LEBIH BAIK DITIADAKAN DEMI MENJAGA KEHORMATANNYA

RAJA, BENDERA, LAGU KEBANGSAAN : SIMBOL KEDAULATAN NEGARA



SESI bergambar ramai pada Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD)' yang diadakan di Dewan Auditorium Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 5 Ogos. - Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bahagian Komunikasi Strategik telah mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD)' bertempat di Dewan Auditorium Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Taklimat disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim kepada seramai 131 penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan.

Menurut Dayang Mufidah, raja yang juga selaku pemimpin bagi NBD adalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan permaisuri baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Selain itu, jelasnya, NBD adalah nama rasminya dengan ibu negara ialah Bandar Seri Begawan serta mempunyai empat daerah iaitu Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong.

Tarikh Hari Kebangsaan NBD adalah pada setiap 23 Februari dan bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi dan Islam sebagai agama rasminya. Industri utama NBD adalah minyak dan gas dan mata wangnya ialah Dolar Brunei.

Dayang Mufidah juga menekankan, bendera hendaklah dinaik-kibarkan pada hari-hari kebesaran negara dan hari adat

istiadat, Sambutan Hari Kebangsaan NBD; Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia; Istiadat Perkahwinan Diraja serta mana-mana hari yang diisytiharkan atau diumumkan untuk mengibarkan bendera.

Jelasnya, kesalahan semasa pengibaran bendera negara antaranya bendera yang koyak dan luntur tidak boleh dinaikkan dan hendaklah diganti dengan yang baharu dan bendera hendaklah jangan sekali-kali menyentuh sebarang benda di bawahnya misalnya tanah, lantai, air dan seumpamanya.

Tambahnya, apa jua tanda, huruf, perkataan, rajah, bentuk, lukisan atau lambang selain daripada lambang yang ada pada masa ini tidak boleh diletakkan pada bendera dan bendera tidak boleh digunakan sebagai alat untuk menerima, memegang, membawa atau menyerahkan sesuatu benda dan sebagainya.

Dalam taklimatnya juga menerangkan bahawa Lagu Kebangsaan NBD merupakan doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan semasa menyanyikan hendaklah berdiri tegak, penuh tertib dan semangat kenegaraan yang tinggi, mengikut seni kata dan irama lagu, memahami dan menghayati makna seni kata lagu dinyanyikan dan ia hendaklah dinyanyikan pada tempat dan masa yang tepat / sesuai serta kita wajar memberi penghormatan sehinggalah berakhirnya lagu dan bukannya sambil lewa.

Kesimpulan taklimat menekankan, kibarkanlah dengan megah bendera negaradan nyanyikanlah lagu kebangsaan NBD dengan penuh penghayatan dan penghormatan.

Setiap negara di dunia jelasnya, memiliki bendera rasmi dan lagu kebangsaan masing-masing termasuklah NBD. Bendera negara dan lagu kebangsaan perlu



Puisi Khas

SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Raja Kesayangan Penuh Keadilan

15 Julai Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
raja kesayangan
Rakyat jelata sentiasa mendoakan
Agar baginda dalam rahmat
limpahan keberkatan

Sultan Haji Hassanal Bolkiah
pemerintah negara
Raja prihatin kasihkan
rakyat jelata
Negara makmur rakyat bahagia
Di atas pemerintahan
raja bijaksana

15 Julai penuh ristaan
Rakyat jelata gembira merayakan
Seluruh rakyat memohon
doa keberkatan
Semoga raja tersayang kekal
memerintah negara
penuh keamanan

80 tahun usia baginda
Memerintah negara
gagah perkasa
Seluruh rakyat terus berdo'a
Semoga baginda dalam lindungan
Allah Subhanahu Wata'ala

Bumi Brunei Darussalam
penuh keberkatan
Atas pemerintah raja berdaulat
dan pemeduliaan
Rakyat berdo'a semoga baginda
diberikan kesihatan berpanjangan
Di atas takhta singgahsana
penuh kewibawaan
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik
rakyat jelata ucapkan.

Dur'Anun

Dirgahayu Pelindung Negara

15 Julai hari keramat
keputeraan pemimpin
mahkota raja
disayangi rakyat jelata
pelosok negara
menjadi payung pelindung
kesejahteraan dan keafiatan abadi
demi mengangkat keunggulan
negara bangsa di persada dunia.

Berjiwa rakyat, titih prihatin
dan siaga
menyantuni jelata
Walau berdepan gelora politik
dunia yang melanda.

Persaingan ekonomi yang berarus
deras menjadi liku
mendayung maju
Peka dengan cabaran
dan cekal pendirian
mencipta visi wawasan 35
dalam lingkaran sisipan Melayu

Islam Beraja
sebagai landasan mengharungi
kancan sosioekonomi
demi kesejahteraan dan harmoni
negara bangsa lestari
Rakyat jelata merafak
menjunjung kasih
Dan memanjatkan doa
Ya Allah.. Ya Rabb
demi kebesaran
dan kemuliaan-Mu
kurniakan rahmat dan kesihatan
payung mahkota kami
kekal karar di singgahsana
pemerintahan sepanjang zaman
di bumi Darussalam
sentiasa membuat kebajikan
dengan petunjuk Allah.

**Rahman Chuchu
JPMC
15 Julai 2026**

dihayati, dihormati dan dipelihara. Bendera sebagai lambang kedaulatan negara. Turut hadir, Timbalan Pengetua Akademik Maktab, Dayang Masnurfaiza binti Haji Md Zaini serta para tenaga pengajar.

Selain mendengarkan taklimat, para penuntut juga menyaksikan tayangan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera' serta berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan bagi menguji dan meningkatkan kefahaman

mengenai kandungan taklimat. Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah Kuiz Kenegaraan oleh Dayang Mufidah.

Program ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara. Ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.



TAKLIMAT disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim.



NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Awat! Jalan Licin Dihadapan



#YOUandME

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA



Always Wear a
seatbelt



No mobile
phones while
driving



Speeding is
dangerous



Do not drive
under influence



Wear helmet and
proper attire
while riding



Always watch
out for other road
users



Always check
tyres

www.mkkjr.gov.bn

KEKURANGAN KAKITANGAN PUNCA KELEWATAN, PENERBANGAN BATAL DI LAPANGAN TERBANG SYDNEY



SYDNEY, 7 Ogos. - Kekurangan kakitangan perkhidmatan penerbangan yang dilaporkan menjadi punca kelewatan penerbangan secara meluas dan beberapa pembatalan di Lapangan Terbang Sydney pada Jumaat, lapor Xinhua.

Qantas memaklumkan bahawa lebih 50 penerbangan domestik dan antarabangsa yang berlepas dari Lapangan Terbang Sydney mengalami kelewatan sehingga 90

minit pada Jumaat, manakala empat penerbangan domestik dibatalkan.

Jetstar, syarikat penerbangan tambang murah di bawah Kumpulan Qantas, turut melaporkan 25 lagi penerbangan mengalami kelewatan, manakala Virgin Australia memaklumkan 20 penerbangannya terjejas.

Akhbar Sydney, The Daily Telegraph, melaporkan bahawa kelewatan itu berpunca daripada

kekurangan kakitangan.

Ketua Pegawai Eksekutif badan industri Airlines for Australia and New Zealand, Stephen Beckett, memberitahu akhbar itu bahawa kelewatan berkenaan memberi kesan besar kepada rangkaian penerbangan negara.

Jurucakap Airservices Australia berkata langkah pengurusan aliran trafik udara telah dilaksanakan di Lapangan Terbang Sydney susulan

kekurangan operasi.

"Pengawal trafik udara Airservices amat berbangga dan komited dalam melaksanakan tugas kritikal yang menuntut tahap

keselamatan tinggi," menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

FAA arah pemeriksaan Boeing 737 Max susulan keretakan badan pesawat

SAN FRANCISCO, 7 Ogos. - Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA) Amerika Syarikat (AS) mengarahkan pemeriksaan dijalankan terhadap ratusan jet Boeing 737 MAX bagi mengesan keretakan pada bahagian badan pesawat, serta memberi amaran bahawa kerosakan yang tidak dikesan boleh menjejaskan integriti struktur, lapor Xinhua.

Menerusi Arahan Layak Terbang (AD) yang dikeluarkan pada Khamis, FAA memaklumkan bahawa arahan itu merangkumi pesawat model

Boeing 737 MAX 8, MAX 9 dan MAX 8-200 tertentu, membabitkan kira-kira 471 pesawat berdaftar di AS.

Arahan yang berkuat kuasa pada 10 September itu dikeluarkan susulan laporan mengenai keretakan pada jalur galas di sudut atas hadapan ruang bukaan pintu dapur, menurut FAA.

"FAA mengeluarkan AD ini bagi menangani isu keretakan pada kulit badan pesawat dan jalur galas, yang boleh menyebabkan elemen struktur utama gagal menanggung beban had serta menjejaskan integriti

struktur pesawat," jelas agensi itu.

Jalur galas merupakan komponen struktur pesawat yang berfungsi menanggung dan menyokong beban di sekeliling ruang bukaan pada badan pesawat.

Menurut laporan media, Boeing memaklumkan bahawa syarikat itu menjalankan analisis kejuruteraan bagi mengenal pasti punca keretakan serta sedang berusaha merangka penambahbaikan kejuruteraan bagi mencegah masalah berulang pada masa hadapan. - ©BERNAMA

WHO gesa pertingkatkan segera tindakan tangani wabak Ebola di DRC

MOSCOW, 6 Ogos. - Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Tedros Adhanom Ghebreyesus menggesa agar usaha menangani wabak Ebola di Republik Demokratik Congo (DRC) dipertingkatkan segera susulan penularannya yang semakin pantas, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Menurutnya ketika beradadi Kinshasa, DRC, beliau telah mengadakan pertemuan dengan organisasi kesihatan serta kemandirian yang menyokong usaha tindak balas terhadap Ebola bagi membincangkan cabaran semasa.

"Wabak ini merebak lebih pantas berbanding peningkatan kapasiti tindak balas kita, dengan jumlah kes baharu meningkat dua kali ganda di beberapa kawasan panas

hanya dalam tempoh seminggu lalu.

"Kami semua bersetuju yang usaha merangkumiaspek tindak balas dan oleh semua rakan kerjasama perlu dipertingkatkan secara segera dan besar-besaran," kata Ghebreyesus menerusi platform media sosial X pada Rabu.

Beliau berkata langkah itu termasuk memastikan setiap komuniti yang terjejas menerima bantuan walaupun berdepan cabaran keselamatan dan perpindahan penduduk.

"Kita perlu memperkukuh penyelarasan di bawah kepimpinan kerajaan, memastikan petugas kesihatan mendapat perlindungan, latihan dan sokongan yang diperlukan, serta

mempercepat akses kepada rawatan, pemantauan dan pengurusan pengebumian yang selamat serta bermaruah," katanya.

Pada 17 Mei, WHO mengisytiharkan wabak Ebola di DRC dan Uganda sebagai Kecemasan Kesihatan Awam yang Membimbangkan Antarabangsa (PHEIC). WHO turut menilai risiko penularan virus itu di peringkat serantau sebagai tinggi.

Pada Sabtu lepas, WHO memaklumkan bahawa virus Ebola sedang merebak dengan pantas di DRC, menjadikannya wabak terbesar dalam sejarah.

Data terkini Kementerian Kesihatan DRC merekodkan 3,748 kes disahkan dan 1,657 kematian. - ©BERNAMA

Hampir kesemua migran di Ceuta pulang ke Maghribi

MADRID, 5 Ogos. - Menteri Dalam Negeri Sepanyol Fernando Grande-Marlaska memaklumkan pada Selasa kira-kira 70,000 daripada kira-kira 72,000 migran yang merentasi enklaf Ceuta milik Sepanyol di Afrika Utara dari Maghribi minggu lepas, kini telah kembali ke negara asal mereka, lapor Agensi Berita Xinhua.

Marlaska menyatakan perkara itu pada sidang media selepas sidang video tergeper Menteri-Menteri Dalam Negeri Kesatuan Eropah (EU) bagi membincangkan krisis kemasukan migran ke Ceuta.

Beliau berkata kesemua negara anggota EU dan negara sekutu Schengen menyertai mesyuarat itu secara konstruktif serta mengiktiraf tindakan

pantas pihak berkuasa Sepanyol dalam menangani krisis berkenaan.

Marlaska berkata Ceuta tertakluk kepada peraturan khas di bawah rangka kerja Schengen dan tiada sesiapa dibenarkan meninggalkan enklaf itu untuk ke tanah besar Sepanyol tanpa melalui pemeriksaan dokumen yang sah. Justeru, beliau menegaskan kawasan Schengen tidak pernah berada dalam keadaan berisiko.

Presiden Suruhanjaya Eropah Ursula von der Leyen sebelum ini memaklumkan tiada seorang pun daripada migran yang terlibat dalam kejadian melintas secara besar-besaran itu berjaya sampai ke tanah besar Sepanyol atau mana-mana

bahagian lain di EU dari Ceuta.

Menurut ringkasan mesyuarat EU pada Selasa, negara-negara peserta menzahirkan "solidariti teguh" kepada Sepanyol dan bersetuju untuk memperkemas sistem pengesanan serta amaran awal blok berkenaan bagi mengenal pasti pergerakan berskala besar sedemikian pada peringkat lebih awal.

Sementara itu, delegasi Kerajaan Sepanyol di Ceuta pada Selasa mengesahkan tiga lagi mayat berkaitan insiden berkenaan telah ditemukan sejak Isnin, sekali gus meningkatkan jumlah kematian yang disahkan dalam kejadian di Ceuta itu kepada 75 orang. - ©BERNAMA

Republik Indonesia padam 5 juta akaun dalam talian milik kanak-kanak

JAKARTA, 5 Ogos. - Republik Indonesia memadam kira-kira lima juta akaun milik pengguna bawah umur daripada pelbagai platform digital susulan pelaksanaan Peraturan Kerajaan mengenai Tadbir Urus Sistem Elektronik bagi Perlindungan Kanak-kanak.

Menteri Komunikasi dan Hal Ehwal Digital Meutya Hafid berkata jumlah itu dicapai menerusi kerjasama dengan platform digital.

"Bersama-sama platform berkenaan, kami telah memadam lima juta akaun kanak-kanak. Walaupun lima juta pengguna masih kecil berbanding sasaran kami, pada peringkat global pencapaian ini mengatasi apa yang dilakukan TikTok di Australia," kata beliau pada Selasa, menurut Agensi Berita Antara.

Meutya berkata Republik Indonesia menggunakan pendekatan berasaskan risiko bagi melindungi kanak-kanak dalam talian, berbanding mengenakan larangan umur secara menyeluruh seperti yang dilaksanakan di Australia.

Di bawah pendekatan itu, kanak-kanak berusia bawah 16 tahun dilarang mengakses platform digital yang diklasifikasikan sebagai berisiko tinggi.

Peraturan yang dikenali sebagai PP Tunas itu bertujuan menggalakkan syarikat teknologi mereka bentuk semula perkhidmatan untuk pasaran Republik Indonesia demi memberikan perlindungan lebih baik kepada kanak-kanak.

Sebagai contoh, platform permainan Roblox menyahaktifkan fungsi sembang secara lalai bagi pengguna Republik Indonesia berusia bawah 16 tahun, melainkan dengan persetujuan ibu bapa.

"Kami berharap pada masa akan datang, langkah ini bukan sekadar melarang kanak-kanak daripada membuka akaun, tetapi menjadi gerakan lebih luas yang menggalakkan platform melakukan perubahan," katanya.

Bagaimanapun, Meutya mengakui pelaksanaan peraturan itu masih mencabar, khususnya dari segi pengesanan umur kerana banyak syarikat teknologi masih belum menggunakan kaedah lebih canggih seperti algoritma anggaran umur, pengesanan wajah atau analisis tingkah laku.

Beliau berkata kerangka semasa mewajibkan syarikat mengemukakan penilaian sendiri yang memperincikan tahap risiko yang ditimbulkan perkhidmatan masing-masing.

Setakat ini, kementerian telah membuat penilaian membabitkan 200 platform yang dikendalikan oleh 79 Penyedia Sistem Elektronik, dengan lapan platform mengklasifikasikan perkhidmatan mereka sebagai berisiko tinggi. - ©BERNAMA

Peralatan SCE punca kebakaran Eaton 2025 - Pihak berkuasa

LOS ANGELES, 5 Ogos. - Kebakaran Eaton yang mengorbankan 19 orang serta memusnahkan ribuan kediaman dan premis perniagaan di Altadena, California pada Januari 2025 berpunca daripada arka elektrik pada peralatan Southern California Edison (SCE) yang tidak beroperasi, menurut pihak berkuasa pada Selasa, lapor Xinhua.

"Selepas 18 bulan meneliti secara menyeluruh semua bukti dengan bantuan pakar elektrik dan metalurgi yang dilantik, siasatan menyimpulkan bahawa kebakaran hutan berskala besar itu berpunca daripada kejadian arka elektrik pada menara Southern California Edison yang tidak beroperasi," menurut pegawai bomba dalam kenyataan media.

Laporan yang dikeluarkan Jabatan Bomba Daerah Los Angeles menyatakan bahawa bukti video yang dikumpulkan Pasukan Siasatan Kebakaran Eaton menunjukkan dua kejadian arka elektrik berlaku berturut-turut dalam tempoh singkat.

Kejadian itu menyebabkan bahan terbakar yang tidak dikenal pasti jatuh dari kawasan menara SCE ke lapisan bahan mudah terbakar yang kering di bawahnya.

"Saya sedar bahawa tiada laporan atau siasatan mengenai Kebakaran Eaton mampu meredakan kesedihan dan penderitaan yang ditanggung penduduk kami.

"Walaupun puncanya telah dikenal pasti, tumpuan kami kekal untuk membantu penduduk membina semula kediaman dan kehidupan mereka, selain memastikan pengajaran daripada kejadian ini membawa perubahan bermakna dan sebagai mengenang 19 nyawa yang terkorban," kata Ketua Bomba Anthony C. Marrone dalam satu kenyataan.

SCE, syarikat utiliti utama di California Selatan, kini berdepan tekanan undang-undang yang semakin meningkat berhubung dakwaan bahawa kecuaiannya mencetuskan Kebakaran Eaton yang membawa maut itu.

Syarikat berkenaan dilaporkan dinamakan dalam ratusan saman yang difailkan pemilik rumah, syarikat, firma insurans dan entiti kerajaan bagi menuntut pampasan atas kerugian akibat kebakaran hutan berkenaan. - ©BERNAMA



BAIDURI MASTERS 2026 BANTU KUMPUL DANA UNTUK BADAN AMAL TEMPATAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Bank Baiduri

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 Ogos. – Kejohanan golf amal Baiduri Masters 2026 bermula secara rasmi pagi tadi di Kelab Golf Pantai Mentiri (PMGC), menandakan bermulanya satu lagi edisi kejohanan yang menggabungkan semangat persaingan, persahabatan dan kebajikan masyarakat.

Majlis pelepasan rasmi kejohanan disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Perbendaharaan Kumpulan dan Perbankan Institusi Bank Baiduri, Pengiran Azaleen bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, merangkap Presiden Baiduri Masters 2026, serta Pengerusi PMGC, Kolonel (B) Awang Zahrin bin Haji Zunaidi, menandakan

permulaan kejohanan tahun ini.

Majlis berkenaan turut disaksikan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif PMGC, pegawai kejohanan, para penaja dan pemain golf yang hadir seawal pagi sebelum saingan berlangsung pada hujung minggu pertama daripada dua hujung minggu pertandingan.

Memasuki edisi ke-28 sejak diperkenalkan pada 1995, Baiduri Masters terus menjadi acara tetap dalam kalendar sukan dan kemasyarakatan negara. Kejohanan itu menghimpunkan pemain golf, komuniti perniagaan, penaja, sukarelawan dan penyokong bagi mengumpul dana untuk badan-badan amal tempatan sambil mempromosikan semangat kesukanan.

Pada tahun ini, hasil kutipan daripada kejohanan akan disalurkan kepada La Vida, SMARTER Brunei, Learning Ladders Society, Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, dan An-Nur Harapan. Pada 2025, kejohanan berkenaan berjaya menarik penyertaan lebih 800

pemain golf serta mengumpul sebanyak BND82,000 untuk tujuan kebajikan.

Dalam saingan pusingan pembukaan, Muhd. Irwan Haji Abdul Hamid muncul pendahulu awal selepas mencatat 70 pukulan, sekali gus mendahului carta dengan kelebihan satu pukulan. Haji Shahminan Haji Damit berada di tempat kedua dengan 71 pukulan, manakala Suhaimi Haji Ibrahim berada di kedudukan ketiga dengan 77 pukulan.

Pengiran Haji Ahmad Zaki Al Hakim Pengiran Haji Jambol berada di tempat keempat dengan 78 pukulan, diikuti Lee Jack Hui di tempat kelima selepas mencatat 81 pukulan. Berkongsi kedudukan keenam ialah Dato Haji Suhaimi Haji Gapor dan Bakhtiar Yahya, masing-masing dengan 83 pukulan.

Dengan baki dua hari lagi saingan hujung minggu ini sebelum kejohanan bersambung minggu hadapan, persaingan bagi merebut Green Jacket dan Challenge Trophy masih terbuka luas.

Turut menjadi tarikan ialah hadiah *hole-in-one* yang



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir merasmikan Kejohanan golf amal Baiduri Masters 2026.

ditawarkan, termasuk sebuah BMW X3 di Lubang 13, Porsche Macan EV di Lubang 16, MINI Cooper di Lubang 9 serta hadiah wang tunai BND20,000 di Lubang 7.

Tiada pemain berjaya mencatatkan *hole-in-one* pada hari pembukaan, namun seorang peserta hampir membawa pulang hadiah utama apabila pukulannya berhenti hanya 3.35 sentimeter dari lubang sekali gus menjadi antara detik paling

mencuri perhatian pada hari pembukaan.

Pendaftaran bagi Baiduri Masters 2026 masih dibukakan dengan yuran BND120 bagi kategori Lelaki, Wanita dan Senior, manakala BND60 bagi kategori Junior.

Pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian melalui platform 'Pocket' atau secara bersemuka di PMGC, yang turut menyediakan borang pendaftaran kepada orang ramai.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 Ogos. – Kira-kira 300 atlet dari Negara Brunei Darussalam dan negara-negara jiran berhimpun bagi menyertai Kejohanan Taekwondo Brunei Darussalam Piala Duta Korea Ke-6 yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pembukaan ialah Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Kejohanan Taekwondo Piala Duta Korea Ke-6 buka tirai

Turut hadir ialah Duta Besar Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Sun Nam-kook, Presiden Persatuan Taekwondo Brunei Darussalam (BDTA), Awang Haji Tajuddin bin Haji Mohd. Salleh, serta ahli-ahli komuniti taekwondo.

Dalam ucapan alu-aluannya, Tuan Yang Terutama Duta Besar Republik Korea ke NBD menjelaskan bahawa taekwondo, seni

mempertahankan diri kebangsaan Republik Korea, bukan sekadar satu sukan, malah menjadi medium untuk membentuk disiplin, rasa hormat, ketabahan dan kawalan diri.

Menurutnya, nilai-nilai tersebut menjadikan taekwondo bukan sahaja penting dalam pertandingan, malah turut diterapkan dalam kehidupan seharian.

Beliau turut berkata kejohanan tersebut memberi peluang kepada

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

para atlet untuk menguji kemampuan diri, mempelajari pengalaman antara satu sama lain serta mengukuhkan lagi hubungan persahabatan antara Republik Korea dan NBD menerusi sukan.

Kejohanan yang berlangsung dari 7 hingga 9 Ogos itu mempertandingkan acara kyorugi (*sparring*) dan poomsae,

melibatkan pelbagai kategori penyertaan.

Penganjuran tahunan itu merupakan hasil kerjasama Kedutaan Besar Republik Korea di NBD bersama BDTA sebagai usaha berterusan untuk mempromosikan sukan taekwondo serta memperkukuh hubungan dan pertukaran sukan antara Republik Korea dan NBD.



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, antara yang hadir menyertai kejohanan tersebut.



PENGAWASAN Kejiranan Kampung (PKK) yang pertama ditubuhkan di Kampung Madang Daerah Brunei dan Muara pada 28 April 1989. Pada sekitar bulan Oktober 2014, PKK telah diubah namanya sebagai Pengawasan Kejiranan (PK) dan dibentuk dengan lebih teratur dan sistematik berpandukan tiga petunjuk aras (KPI) iaitu Pendekatan, Taktikal dan Kebajikan & Sosial.

SUMBER : www.polis.gov.bn/pengawasan-kejiranan/

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MEMELIHARA KESUCIAN AYAT-AYAT AL-QURAN ADALAH TANGGUNGJAWAB SETIAP MUSLIM